

**PEMIKIRAN DAN IDE SENIBINA ISLAM DI MALAYSIA
PADA ERA MODEN
(1950-2000)**

**(THOUGHTS AND IDEAS OF ISLAMIC ARCHITECTURE IN
MALAYSIA DURING THE MODERN ERA
(1950-2000))**

**PROFESOR DR. MOHAMAD TAJUDDIN BIN
HAJI MOHAMAD RASDI**

**RESEARCH VOT NO:
78137**

**Jabatan Senibina, Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia
Johor**

2007

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN
LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

TAJUK PROJEK :
MALAYSIA

**PEMIKIRAN DAN IDE SENIBINA ISLAM DALAM
ERA MODEEN (1950 – 2000)**

Saya

PROF. DR. MOHAMAD TAJUDDIN MOHD RASDI
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan **Laporan Akhir Penyelidikan** ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Laporan Akhir Penyelidikan ini adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat penjualan salinan Laporan Akhir Penyelidikan ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
4. * Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972).

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).

/

TIDAK
TERHAD


TANDATANGAN KETUA PENYELIDIK

PROF. DR. MOHD TAJUDDIN MOHD RASDI

Nama & Cop Ketua Penyelidik

Tarikh : 13/12/2007

CATATAN : *Jika Laporan Akhir Penyelidikan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Pemikiran dan Ide Senibina Islam di Malaysia pada Era Moden (1950-2000)

Profesor Dr. Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi
Jabatan Senibina, Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia
Johor

Kajian ini adalah juga sebahagian dari kerja Ph.D bertajuk 'Sejarah
Pemikiran Ide Senibina Islam Moden di Nusantara':

Saudara Nangkula Utaberta
Universitas Indonesia
Depok, Jakarta

Tajaan FRGS, Malaysia
Vot 78137
RMC, UTM, JB
Disember 2007

**PEMIKIRAN DAN IDE SENIBINA ISLAM DI MALAYSIA
PADA ERA MODEN (1950-2000)**

(THOUGHTS AND IDEAS OF ISLAMIC ARCHITECTURE IN MALAYSIA
DURING THE MODERN ERA (1950-2000))

ABSTRACT

The research aims to document and analyze the various thoughts and ideas of Islamic Architecture in the modern era from 1950 – 2000 existing in Malaysia. It is hoped that from this research the present and future design and ideas of Islamic Architecture can be better articulated and developed specifically for Malaysia. The report comprises of four main parts. The first part examines the issues and problems stemming from lack of documentation and discourses on the ideas, theories and philosophies in the present practices of creating buildings deemed to be ‘Islamic’ or those referred to as Islamic Architecture in the Nusantara and the world. The second part of the report documents the various thoughts and ideas of Islamic Architecture in the world. The third part documents the ideas and thoughts on Islamic Architecture in Malaysia from 1950 to 2000. The last part attempts to relate the influence of global ideas of Islamic Architecture on the ones in Malaysia. It is hoped that this research will help create amore meaningful and integrated idea of Islamic Architecture for the future.

**PROFESOR DR. MOHAMAD TAJUDDIN BIN
HAJI MOHAMAD RASDI
RESEARCH VOT NO: 78137**

Jabatan Senibina, Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia
Johor
mindakritis@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini berusaha mendokumentasi dan menganalisa berbagai ide, falsafah serta pemikiran tentang Seni Bina Islam era moden yang terjadi di Malaysia. Dari kajian terhadap ide, falsafah dan pemikiran ini diharapkan akan lahir sebuah kerangka teori dan prinsip-prinsip Seni Bina Islam di masa hadapan yang lebih baik dan sesuai untuk diterapkan di Malaysia. Pembahasan laporan ini secara prinsipnya terbahagi kepada empat bahagian utama. Bahagian pertama berusaha mengangkat isu dan permasalahan yang terjadi pada perancangan seni bina Islam di Nusantara dan dunia yang lahir dari sebuah salah faham dan kurangnya dokumentasi dan analisa terhadap ide, teori, falsafah dan pemikiran Seni Bina Islam. Bahagian yang kedua memuatkan klasifikasi terhadap Seni Bina Islam pada peringkat global pada kurun ke 20. Bahagian yang ketiga berusaha melakukan klasifikasi dan analisa terhadap idea, falsafah, pemikiran dan konsep reka-bentuk dari Seni Bina Islam yang berkembang di Malaysia dan bahagian yang terakhir akan berusaha mengkaji pengaruh wacana Seni Bina Islam dari pemikiran barat. Diharapkan kajian ini akan membuka sebuah diskusi yang lebih luas dan progresif bagi penghasilan kerangka teori dan falsafah Seni Bina Islam yang lebih komprehensif dan integral di Nusantara.

ABSTRACT

The research aims to document and analyze the various thoughts and ideas of *Islamic Architecture in the modern era from 1950 – 2000* existing in Malaysia. It is hoped that from this research the present and future design and ideas of Islamic Architecture can be better articulated and developed specifically for Malaysia. The report comprises of four main parts. The first part examines the issues and problems stemming from lack of documentation and discourses on the ideas, theories and philosophies in the present practices of creating buildings deemed to be ‘Islamic’ or those referred to as *Islamic Architecture in the Nusantara and the world*. The second part of the report documents the various thoughts and ideas of Islamic Architecture in the world. The third part documents the ideas and thoughts on *Islamic Architecture in Malaysia from 1950 to 2000*. The last part attempts to relate the influence of global ideas of Islamic Architecture on the ones in Malaysia. It is hoped that this research will help create a more meaningful and integrated idea of Islamic Architecture for the future.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	viii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	
1.2 Kepentingan Kajian	
1.3 Kenyataan Masalah	
1.4 Matlamat Kajian	
1.5 Metodologi dan Skop Kajian	
1.6 Struktur Kajian	
BAB 2 KRISIS WACANA SENI BINA ISLAM: KECETEKAN MAKLUMAT	
SEJARAH PEMIKIRAN	12
2.0 Pendahuluan	
2.1 Pentingnya Dokumentasi terhadap Aspek Pemikiran, Ide-ide dan Teori Seni Bina Islam	
2.1.1 Pentingnya Dokumentasi dalam Studi Sejarah	
2.1.2 Pentingnya Dokumentasi dalam Kajian Sejarah dan Teori Seni Bina	

2.1.3 Pentingnya klasifikasi dan Pengelompokkan dalam Kajian Sejarah

dan Teori Seni Bina

2.2 Isu-Isu yang seringkali menjadi asas dalam proses dokumentasi dan

klasifikasi dalam Seni Bina Islam

2.2.1 Isu Penggunaan Produk Sejarah di Masa Lampau

2.2.2 Isu Interpretasi terhadap Hukum-Hukum Asas Islam

2.2.3 Isu Keperluan untuk Sesuai dengan Semangat Sezaman, Setempat

dan Ide tentang Kemajuan

2.2.4 Isu dan Interpretasi tentang Simbolisme

2.2.5 Isu tentang Pemilihan Tipologi Bangunan dalam Konteks Ibadah Ritual

dan Sekuler.

2.2.6 Isu Pendekatan Objek dan Nilai

2.3 Krisis dan Masalah dalam Perancangan Bangunan Sebagai Implikasi dari Pergeseran

Penafsiran terhadap Seni Bina Islam.

2.3.1 Kajian Kes 1 : Bangunan Perdana Menteri Putrajaya, Krisis Demokrasi

dan Identiti Nasional

2.3.2 Kajian Kes 2: Krisis Revivalisme dalam Tipologi Masjid di Malaysia

2.3.3 Kajian Kes 3: Krisis Citarasa Peribadi dalam Perancangan Taj Mahal

2.3.4 Kajian Kes 4: Pengaruh Kekuatan serta Agenda Politik dari

Penguasa terhadap Perancangan Kota Baghdad.

2.4 Kesimpulan

**BAB 3 KLASIFIKASI WACANA SENI BINA ISLAM PERINGKAT GLOBAL
PADA KURUN KE 20**

57

3.0 Pendahuluan

3.1 Pelbagai Pendekatan dan Penafsiran terhadap Seni bina Islam

3.1.1 Beberapa Contoh Klasifikasi dalam Kajian tentang Seni bina Islam

3.1.2 Pendekatan Klasik-Sejarah dalam Seni bina Islam

3.1.3 Pendekatan Hukum-Syari'ah dalam Seni bina Islam

3.1.4 Pendekatan Metafizik-Ekspresionisme dalam Seni bina Islam

3.1.5 Pendekatan Regionalisme-Kawasan dalam Arsitektur Islam

3.1.6 Pendekatan Modern-Kontekstual dalam Arsitektur Islam

3.1.7 Pendekatan Progresif dalam Seni Bina Islam

3.2 Kesimpulan

BAB 4 KLASIFIKASI WACANA SENI BINA ISLAM DI MALAYSIA 92

4.0 Pendahuluan

4.1 Klasifikasi terhadap pelbagai kajian dan Perancangan

Masjid di Malaysia

4.2 Pendekatan Klasik-Sejarah

4.3 Pendekatan Deskripsi-Fizikal

4.4 Pendekatan Metafizikal-Ekspresionisme

4.5 Pendekatan Hukum-Syari'ah

4.6 Pendekatan Regionalisme-Kawasan

- 4.7 Pendekatan Modern-Kontekstual
- 4.8 Pendekatan Konservasi dan Penggunaan Kembali
- 4.9 Kesimpulan

BAB 5 PENGARUH WACANA SENI BINA ISLAM DARI

PEMIKIRAN BARAT

115

- 5.0 Pendahuluan
 - 5.1 Analisis terhadap Pelbagai Pendekatan, Teori dan Falsafah Seni Bina Islam di Dunia dan Malaysia
 - 5.1.1 Analisis terhadap Pelbagai Pendekatan, Teori dan Falsafah Seni Bina Islam di Dunia.
 - 5.1.2 Analisis terhadap Pelbagai Pendekatan, Teori dan Falsafah Seni Bina Islam di Malaysia
 - 5.2 Isu-Isu yang Melandasi Perkembangan Seni Bina Islam di Malaysia
 - 5.2.1 Isu Nasionalisme dan Identitas Nasional serta Pengaruhnya terhadap Perkembangan Seni Bina Islam di Nusantara
 - 5.2.2 Isu Pengaruh dan Peninggalan Agama Hindu dan Buddha dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara
 - 5.2.3 Isu Pembinaan, Pemeliharaan dan Pengurusan Masjid dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara
 - 5.2.4 Isu dan Konflik Sosial-Masyarakat dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara

- 5.2.5 Isu Keadaan Sosial-Ekonomi Masyarakat Muslim dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara
- 5.3. Beberapa Prinsip dan Kerangka Pemikiran, Teori dan Falsafah bagi Kajian, Diskusi dan Perancangan Seni Bina Islam di Nusantara.
- 5.3.1 Repembinaan Seni Bina Islam tentang Ide dan Pemikiran dalam Perancangan Masjid
 - 5.3.2 Repembinaan Seni Bina Islam dalam Penggunaan Al-Qur'an dan hadith
 - 5.3.3 Repembinaan Seni Bina Islam dalam Penggunaan Bahasa Seni Bina Regionalisme Dunia Melayu
 - 5.3.4 Repembinaan Seni Bina Islam berdasarkan Semangat Kontemporari Sezaman.

BAB 6 KESIMPULAN DAN KAJIAN LANJUTAN **135**

6.1 Kesimpulan

6.2 Kajian Lanjutan

SENARAI RUJUKAN **139**

SENARAI GAMBARAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Masjid Kampung Laut, Nilam Puri, Kelantan	21
2.2	Berbagai dokumentasi pada Masjid Demak, Jawa Tengah	22
2.3	Imej pada Bangunan Perdana Menteri Putrajaya dan Bangunan Parlimen	32
2.4	Perancangan tapak dari Kompleks Perdana Menteri Putrajaya	33
2.5	Tianan Men Square di China, Kota Berlin pada masa Hitler, Kota Baghdad pada masa Al Manshur, Taj-Mahal di India dan Versailles di Prancis.	34
2.6	Pejabat Perdana Menteri dan Gedung Parlemen Inggeris	35
2.7	Tampak Hadapan Pejabat Perdana Menteri Putrajaya	37
2.8	Masjid Shah Alam di Selangor, Masjid Putra di Putrajaya. Masjid Wilayah di Kuala Lumpur dan Masjid UTM di Johor.	40
2.9	Masjid Kampung Laut di Kelantan, Masjid Kampung Hulu di Melaka, Masjid Demak di Indonesia, Masjid Minangkabau di Indonesia dan Masjid Papan di Perak.	44
2.10	Pdangan dalaman dari Taj Mahal	45
2.11	Tampak depan Taj Mahal	47
2.12	Pandangan atas dan detail ukuran gerbang Taj Mahal	49
2.13	Victory of Arch, Baghdad, Irak	51
2.14	Beberapa propaganda yang berusaha menyetarakan antara Sadam Husein dengan Sa'ad bin Abi Waqash	54
2.15	Beberapa gambar yang menunjukkan usaha pemerintah Sadam Husein untuk mengangkat citra dan Imej Sadam sebagai tokoh utama Irak.	54
3.1	Beberapa contoh analisa Morfologi yang dilakukan oleh Ahmet Gulgonen	106
3.2	Lakaran yang menunjukkan bagaimana seharusnya ukuran	

minimum dari perancangan sebuah jalan menurut Besim Salim Al Hakim	109
3.3 Kajian yang dilakukan oleh Keith Critchlow melihat aspek sakral-geometri dari sebuah posisi bintang dan kosmologi.	117
3.4 Bangunan hasil desain Hassan Fathy	119

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Dalam perkembangan pelbagai agama dan kepercayaan di dunia, Islam merupakan salah satu agama yang mengalami sebuah perkembangan yang luar biasa. Perkembangan Islam ini ternyata tidak hanya menyentuh aspek kuantitinya saja namun juga dari segi kualitinya. Semangat keislaman dilihat jelas di pelbagai negara melalui pelbagai pemikiran, slogan dan produk yang dikeluarkan baik oleh individu, berkumpulan maupun pemerintah di pelbagai negara tersebut. Walaupun seringkali diselubungi dengan motif-motif duniawi seperti politik atau ekonomi namun usaha dan ide-ide ini menunjukkan sebuah semangat keislaman yang tidak dapat diabaikan dan perlu dikaji lebih lanjut.

Dalam dunia Seni Bina keghairahan untuk ber-Islam ini tercermin dari pembangunan pelbagai bangunan yang dianggap memberikan nilai tambah dan memiliki ciri-ciri keislaman seperti tempat beribadah, bangunan awam dan monumen-monumen. Dalam perancangan bangunan-bangunan tersebut, bahasa Seni Bina yang biasa digunakan adalah bahasa Seni Bina Timur Tengah, Asia Barat atau Asia Tengah. Hal ini dapat dimengerti mengingat Islam lahir dari Timur Tengah

untuk kemudian berkembang dan dianggap mengalami kejayaan di Asia Barat dan Asia Tengah.

Walaupun secara popular Seni Bina Islam sebagaimana dilihat dari pelbagai bangunan dan monumennya seringkali diasosiasikan dengan revivalisme Seni Bina Timur Tengah sebagaimana kelihatan jelas pada perancangan Putrajaya, Pusat Islam Kuala Lumpur, Masjid Shah Alam, Masjid Wilayah dan banyak masjid lainnya di Malaysia, berkembang juga pelbagai ide dan pendekatan regionalisme seperti perancangan Masjid ASPA oleh Jimmy Lim, pelbagai masjid dan bangunan Seni Bina Islam dengan konstruksi lumpur di Mali Afrika dan pelbagai bangunan hasil karya Hassan Fathy di Mesir.

Kalau kita amati perkembangan dan perancangan masjid sebagai simbol utama dari perancangan bangunan Seni Bina Islam pada pelbagai kawasan di dunia, kita akan mendapati sebuah divergensi bahasa Seni Bina dan perancangan yang berlandaskan ritual dan keadaan sosial masyarakat dimana bangunan tersebut berdiri. Hal ini menunjukkan toleransi Islam terhadap nilai sosial dan budaya setempat, disamping terbukanya kemungkinan penggunaan bahasa Seni Bina tempatan dalam perancangan bangunan Islam di masa depan. Masjid tradisional dengan tipologi Nusantara sebagaimana yang berkembang di kawasan Asia Tenggara tidak kelihatan berusaha mengikuti masjid yang ada di Timur Tengah baik dari segi bahasa Seni Bina maupun pemilihan teknologi binaan dan materialnya. Perkembangan masjid dan bangunan yang berciri keislaman dengan gaya-rupa dan bahasa Seni Bina Timur Tengah baru dilihat pada awal 1960-an setelah semakin banyak ulama dan kaum terpelajar di Asia Tenggara menjalankan ibadah haji atau mengunjungi Timur Tengah.

Gerakan untuk menggunakan bahasa Seni Bina Timur Tengah sebagaimana disebutkan diatas, kemungkinan disebabkan oleh semangat untuk memurnikan dan mengembalikan Islam kepada ajaran aslinya sebagaimana yang terdapat di Timur Tengah. Disamping itu gerakan ini kemungkinan didasari oleh kekaguman ulama dan golongan terpelajar ini terhadap produk dan karya Seni Bina Timur Tengah tersebut yang belum pernah mereka temui sebelumnya.

Buku dan penulisan di Malaysia tentang Seni Bina Islam sebagaimana yang dilakukan oleh Abdul Halim Nasir, David Mizan dan Raja Bahrin, merupakan sebuah penulisan tipologi sejarah yang didasarkan kepada pengamatan fizikal terhadap masjid, rumah atau istana tradisional. Kajian seperti ini sangat penting bagi dokumentasi tipologi dan butiran fizikal bangunan tradisional Islam tersebut, namun pendekatan ini tidak berusaha menghasilkan sebuah pengembangan teori dan pemikiran bagi perancangan Seni Bina Islam di masa depan.

Penulisan lain sebagaimana yang dilakukan oleh Abdullah bin Muhammd (Nakula) dilihat berusaha menginterpretasikan Seni Bina Islam dari perspektif sufistik dan kejiwaan sebagaimana yang telah dilakukan oleh Syed Hussein Nasr, Titus Burckhardt dan Nader Ardalan. Pendekatan ini melahirkan pelbagai teori dan pemikiran namun sangat subjektif, irasional dan sulit untuk dapat difahami dan diaplikasikan dalam teori perancangan.

Terdapat juga pendekatan yang berusaha menerjemahkan nilai-nilai dasar dari Islam sebagaimana dilakukan oleh Besim Salim el Hakim dan Spahic Omer untuk kemudian diterjemahkan dalam bahasa perancangan bangunan. Kajian dengan pendekatan ini seringkali dirasakan terlalu mengikat dan membatasi kreativiti ke dalam suatu kerangka hukum yang sulit untuk disesuaikan serta kaku.

Di Indonesia terdapat juga arkitek fenomenal seperti Ahmad Noe'man dan F. Silaban yang berusaha menggunakan pendekatan rasionalis dengan kerangka Seni Bina Moden dalam menghasilkan masjid moden yang sesuai dengan keadaan sosial masyarakat dimana bangunan tersebut berada. Di Malaysia sendiri Mohammad Tajuddin menggunakan pendekatan ini namun beliau menggunakan kerangka Sunnah dalam membatasi dan menjadi sumber inspirasi dari pembuatan kerangka pemikiran dan teori-teorinya.

Pendekatan di atas memungkinkan kita untuk mengembangkan Seni Bina Islam yang sesuai dengan semangat perkembangan zaman dan semangat setempat bagi perancangan bangunan yang berciri keislaman di Malaysia. Namun kajian teori dan kerangka pemikiran dari pendekatan ini sangat sedikit sekali dilakukan. Bahkan bangunan-bangunan utama dari pemikiran ini di Malaysia seperti Masjid Negara di

Kuala Lumpur tidak banyak dikaji dari aspek pemikiran dan kerangka teori di balik perancangannya.

Kajian ini akan berusaha melakukan analisis sekaligus mendokumentasikan pelbagai pemikiran, pendekatan atau ide-ide dari gerakan yang terakhir ini di Malaysia dan Indonesia dalam bingkai pembentukan teori dan prinsip perancangan yang sesuai untuk diterapkan di Nusantara. Diharapkan kajian ini akan sangat berguna sebagai dasar dari pengembangan teori dan pemikiran Seni Bina yang lebih progresif dan berkembang di Malaysia untuk masa yang akan datang.

1.2 Kepentingan Kajian

Sebagaimana telah disebutkan sebelumnya, kajian ini sangat penting berdasarkan pada beberapa faktor diantaranya, Pertama, Islam adalah agama yang paling utama di Malaysia. Oleh kerana itu Seni Bina Islam merupakan bidang kajian yang sangat penting dalam perkembangan sosial-masyarakat di dunia Melayu. Hal ini juga dilihat dari banyaknya monumen nasional yang dibina dalam kerangka ide Seni Bina Islam.

Kedua, adalah kerana dalam pengajarannya Islam memungkinkan sebuah variasi kultural yang sangat luas dalam menginterpretasikan prinsip dasarnya sebagaimana yang tertera dalam Al-Qur'an dan hadith, terdapat satu keperluan untuk mendefinisikan kembali ide Seni Bina Islam di Malaysia yang dapat dilahirkan dari sebuah pendekatan komprehensif Regionalisme di dalam dunia Seni Bina.

Ketiga, walaupun telah dilakukan pelbagai bangunan yang dikatakan mempunyai ciri keislaman seperti masjid, pejabat, universiti dan rumah di Malaysia, dokumentasi terhadap ide dan pemikiran di balik perancangan bangunan tersebut tidak banyak ditemui. Kajian yang banyak dilakukan lebih memfokuskan elemen fizikal dari bangunan tersebut seperti kubah, menara, gerbang Iwan, ornamentasi dan

sebagaimana namun tidak banyak kajian dilakukan terhadap konsep, kegunaan dan pemikiran Seni Binanya.

Keempat, walaupun beberapa pendapat dan pemikiran dari beberapa arkitek telah dicatat namun tidak banyak dilakukan penyilangan pendapat terhadap pemikiran idel masyarakat moden sebagaimana juga ide tentang Seni Bina Islam dari luar dunia melayu.

Kelima, dalam upaya untuk membentuk teori perancangan Seni Bina Islam yang dapat menjawab keperluan nilai dasar Islam dan sesuai dengan keadaan sosial-politik dan budaya masyarakat Malaysia, pemikiran dari para akademik dan arkitek sangat penting sebagai dasar dan pijakan untuk pengembangan diskusi yang lebih baik.

1.3 Kenyataan masalah

Sebagaimana telah disebutkan sebelumnya bahawa permasalahan dari pelbagai kajian dan kajian yang telah dilakukan sebelumnya lebih menekankan aspek fizikal dari bangunan yang dihasilkan oleh masyarakat Islam. Bahasa Seni Bina Timur Tengah seringkali digunakan bukan kerana aspek fungsionalnya, namun lebih merupakan simbolitas dan penyesuaian estetik saja. Pendekatan dan pemikiran begini tentu tidak akan memiliki akar yang kuat dan memerlukan banyak penyesuaian ketika diterapkan pada suatu kawasan yang berbeza. Malaysia tentu memiliki karakter dan keaneka-ragamannya sendiri. Keadaan sosial-masyarakatnya pun tentu berbeza jika dibandingkan dengan keadaan yang ada di Timur Tengah, sehingga gaya dan keperluan Seni Binanya tentu berbeza dengan yang ada di Timur Tengah. Dari sini diperlukan sebuah bahasa Seni Bina yang lebih sesuai dan peka untuk perkembangan di masa depan.

Kajian Tipologi dan dokumentasi fizikal sangat penting dalam upaya mengumpulkan gaya dan bahasa Seni Bina yang dapat digunakan pada perancangan di masa depan, namun tanpa sebuah kajian yang komprehensif dan menyeluruh terhadap pemikiran, ide-ide dan kerangka falsafah pendekatan ini hanya akan menghasilkan sebuah peniruan yang lebih merupakan simbolisme tanpa makna yang dalam. Oleh kerana itu dalam memahami Seni Bina Islam yang sesuai bagi dunia melayu diperlukan sebuah kajian yang mendalam tentang prinsip-prinsip dasar Islam, perkembangan perancangan bangunan di dunia melayu dan perkembangan pemikiran dan ide-ide di sebalik perancangan dan teori tentang Seni Bina Islam yang dikeluarkan oleh para ahli akademik dan arkitek di Malaysia.

1.4 Matlamat Kajian

Tujuan pertama dari kajian ini adalah mengenal-pasti orang-orang dan bangunan-bangunan yang berusaha mengeluarkan ide tentang Seni Bina Islam Moden di Malaysia.

Tujuan yang kedua adalah melakukan dokumentasi terhadap pelbagai pendapat, ide-ide dan pemikiran tentang Seni Bina Islam di Malaysia termasuk analisa terhadap aplikasi pendapat, ide dan pemikiran tersebut dalam perancangan bangunan.

Tujuan yang ketiga adalah melakukan kajian silang antara prinsip dan pemikiran Islam dengan nilai-nilai moral dan ide dari Seni Bina Islam bagi mendapatkan sebuah kerangka pemikiran yang lebih kaya, lengkap dan integral.

1.5 Metodologi dan Skop Kajian

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini merupakan kombinasi dari dua metode iaitu *Content Analysis*. *Content analysis* dilakukan melalui sebuah kajian komprehensif terhadap penulisan akademik, artikel, paper atau ucapan lisan dari orang-orang yang dianggap berperan penting dalam pengembangan dan banyak mengeluarkan teori tentang Seni Bina Islam baik di dunia maupun Nusantara.

Mengingat luasnya cakupan pembahasan dari thesis ini maka pada pelbagai bahagian pembahasannya dibatasi, diantara pembatasan ini adalah:

1. Pembahasan tentang pelbagai bangunan Seni Bina Islam di dunia akan dibatasi pada beberapa bangunan dengan karakter Islam yang kuat (terutamanya masjid) yang dianggap mewakili karakter suatu kawasan atau mewakili pendekatan yang dipilih. Pelbagai bangunan Seni Bina Islam yang lain dan dianggap penting dan berhubungan dengan pembahasan tesis ini akan dimasukkan seiring dengan topik berkenaan. Sebahagian bangunan Seni Bina Islam yang lain dan tidak terdapat dalam tesis ini bukan menjadikannya tidak penting, namun keterbatasan literatur dan waktu menyebabkan bangunan tersebut tidak dibahas pada thesis ini. Hal yang sama juga dilakukan terhadap pelbagai bangunan Seni Bina Islam yang terdapat di Indonesia dan Malaysia.
2. Interview dan wawancara sebagai salah satu cara mendapatkan informasi hanya dilakukan pada tokoh-tokoh yang dianggap memiliki pengaruh besar terhadap perkembangan pemikiran dan falsafah Seni Bina Islam di Malaysia saja. Dimungkinkan terjadinya keterbatasan dan kekurangan dalam jumlah tokoh dan penulisan yang dibahas. Beberapa sumber lisan yang penting mungkin tidak diwawancara kerana masalah teknis seperti ketersediaan dan waktu, namun penulis berusaha mengganti data wawancara tersebut dengan karya atau penulisan Seni Bina dari tokoh tersebut.
3. Pembahasan tentang pemikiran dan falsafah reka-bentuk dari para ahli akademik dan arkitek di Malaysia akan difokuskan pada pendapat dan pemikiran dari beberapa tokoh yang dianggap penting dalam perkembangan ide, pemikiran dan falsafah Seni Bina Islam di Malaysia. Dimungkinkan kajian lebih lanjut dari pembahasan ini jika dirasa ada kekurangan, namun dalam tesis ini penulis berusaha untuk membahas pelbagai pendapat yang

penting dan berpengaruh terhadap perkembangan Seni Bina Islam di Malaysia tersebut sebaik-baiknya.

4. Penulis menyedari sepenuhnya akan pengaruh kuat dari faktor-faktor di luar Seni Bina seperti pemahaman ke-Islaman, keadaan dan motif politik, keadaan ekonomi, kenyataan sosial-budaya dan karakteristik daerah dalam sebuah pembahasan tentang Seni Bina Islam. Namun dalam kajian ini faktor-faktor tersebut tidak akan dibahas secara mendalam mengingat konteks tesis ini sendiri yang lebih menitik-beratkan pada aspek Seni Bina. Diharapkan dapat dihasilkan sebuah kajian atau penulisan lain yang lebih spesifik dan mendalam tentang aspek-aspek tersebut bagi melengkapi apa yang ada pada kajian ini.

1.6. Struktur kajian

Pembahasan thesis ini akan terdiri atas enam bab. Bab satu akan berbicara mengenai pengenalan kajian, kepentingan kajian, kenyataan masalah, tujuan penulisan, metodologi dan struktur kajian.

Bab yang kedua akan berbicara isu dan permasalahan berkaitan dengan perkembangan pemikiran, pembentukan teori dan perancangan bangunan Seni Bina Islam dewasa ini. Bab ini sangat penting untuk memposisikan kajian ini terhadap kajian yang pernah dijalankan sebelumnya.

Bab ketiga akan berbicara tentang pelbagai pendekatan dan pemikiran tentang Seni Bina Islam di dunia. Kajian ini akan berusaha menjelaskan dan mengklasifikasikan pelbagai pendekatan dan pemikiran yang berkembang di dunia dalam upaya mendefinisikan Seni Bina Islam dengan latar belakang, kerangka pemikiran serta potensi pengembangannya bagi pembentukan ide, kerangka pemikiran dan konsep reka-bentuk Seni Bina Islam.

Bab keempat akan berbicara perkembangan pemikiran Seni Bina Islam di Malaysia. Pembahasan bab ini akan berusaha mendokumentasikan sekaligus melakukan analisa terhadap pelbagai pemikiran serta ide reka-bentuk tentang Seni Bina Islam di Malaysia dalam upaya mendefinisikan Seni Bina Islam dengan latar

belakang, kerangka pemikiran serta potensi pengembangannya bagi pembentukan ide, kerangka pemikiran dan konsep reka-bentuk Seni Bina Islam.

Bab kelima akan berusaha menjelaskan tentang pengaruh wacana Seni Bina Islam dari pemikiran Barat terhadap perkembangan pemikiran, ide dan falsafah Seni Bina Islam di Malaysia.

Bab keenam yang merupakan penutup thesis ini akan berbicara tentang kesimpulan dari pembahasan yang telah dilakukan sekaligus pelbagai saranan dan kemungkinan pengembangan kajian ini di masa depan.

BAB DUA

KRISIS WACANA SENI BINA ISLAM: KECETEKAN MAKLUMAT SEJARAH PEMIKIRAN

2.0 Pendahuluan

Tujuan utama dari penulisan bab ini adalah untuk menjelaskan tentang pentingnya proses dokumentasi dan klasifikasi yang berimplikasi terhadap interpretasi dalam Seni Bina Islam. Kajian ini sangat penting dalam usaha memposisikan tesis ini terhadap beberapa kajian yang telah dijalankan sebelumnya. Pembahasan ini juga penting untuk memahami dan menjelaskan permasalahan yang terjadi akibat kekurangan dokumentasi dan penelitian yang mendalam terhadap aspek nilai dan pemikiran dari Seni Bina Islam. Tanpa sebuah dokumentasi dan kajian yang komprehensif terhadap pemikiran, ide serta teori dalam Seni Bina Islam maka yang akan terjadi hanyalah sebuah peniruan objek dan peniruan gaya-rupa yang akhirnya memberikan sebuah interpretasi yang kurang tepat. Interpretasi yang kurang tepat dari Seni Bina Islam ini akan menimbulkan pelbagai salah faham dan pergeseran pemahaman terhadap Islam.

Pembahasan bab ini akan terbahagi atas empat bahagian. Bahagian yang pertama akan berbicara tentang kepentingan dokumentasi terhadap aspek pemikiran, ide-ide dan teori Seni Bina Islam. Bahagian yang kedua akan berbicara tentang isu dan masalah yang seringkali menjadi asas dalam proses dokumentasi dan klasifikasi dalam Seni Bina Islam,

kerana kesahihannya yang sangat relatif, isi dari informasi dan beritanya yang tidak dapat sepenuhnya dipercayai. Selain itu, keaneka-ragaman informasi menyebabkan sulit bagi kita untuk memastikan tingkat kebenaran serta pengajaran dari informasi tersebut.

Jika kita pelajari pelbagai peradaban Nusantara mungkin hanya Peradaban Hindu sahaja yang masih dapat kita selusuri informasinya. Peradaban Hindu masih dapat di selusuri kerana ia masih meninggalkan sumber-sumber bertulis seperti prasasti, kitab ataupun candi. Perkara ini sangat berbeza jika dibandingkan dengan peradaban Cina. Kalau kita lihat catatan dan bukti sejarah yang ada di Cina maka kita akan menemui sebuah bukti dokumentasi yang sangat luar biasa.

Sebagai Bangsa yang menemukan kertas, Bangsa Cina¹ dengan teliti telah mendokumentasikan pelbagai peristiwa penting, kegiatan hingga ke masalah-masalah remeh seperti menu makanan dan jenis pakaian yang digunakan oleh Kaisar ketika itu ke dalam pelbagai buku, kitab dan mushaf. Ditambah dengan kepelbagaian artifak dan peninggalan bangunan, tentu hal ini akan memungkinkan terjadinya *Cross-Check* terhadap data yang ada, sehingga pelbagai jenis informasi dan berita dapat diteliti dan diklasifikasi keshahihannya.

2.1.2 Pentingnya Dokumentasi dalam Kajian Sejarah dan Teori Seni Bina

Sebagai bahagian dari kajian tentang sejarah, kajian tentang sejarah Seni Bina tentu memiliki ciri-ciri yang sama. Aspek dokumentasi merupakan sebahagian dari kajian yang terpenting dalam sejarah Seni Bina. Dokumentasi dalam sejarah Seni Bina secara sederhana sedikitnya terbahagi kepada dua jenis.

Jenis yang pertama merupakan sebuah dokumentasi terhadap aspek fizikal dari suatu data Seni Bina. Aspek fizikal ini biasanya lebih berbentuk sebuah kajian terhadap bahagian bangunan, sistem struktur atau kaedah pembinaan dari suatu bangunan. Kajian jenis ini merupakan sebuah kajian yang memfokuskan kepada bahagian kasat mata dari

¹ Kajian lebih jauh lihat Shaughnessy, Edwad L, "China : Empire and Civilization."

bahagian yang ketiga akan mencuba memberikan beberapa kajian kes dari pergeseran interpretasi terhadap Seni Bina Islam sedangkan bahagian yang terakhir akan membahas tentang masjid sebagai bangunan penting dalam Seni Bina Islam.

2.1 Pentingnya Dokumentasi terhadap Aspek Pemikiran, Ide-ide dan Teori Seni Bina Islam

Bahagian ini akan berusaha memberikan penjelasan tentang pentingnya aspek dokumentasi dan klasifikasi dalam mempelajari perkembangan perancangan dan perkembangan teori dari Seni Bina Islam. Pembahasannya akan terbahagi atas pentingnya dokumentasi dalam kajian sejarah, pentingnya dokumentasi dalam kajian sejarah dan teori Seni Bina dan Pentingnya klasifikasi serta Pengelompokan dalam Kajian Sejarah dan Teori Seni Bina. Diharapkan pembahasan singkat ini dapat menjelaskan tentang kepentingan dari kajian ini terhadap beberapa kajian yang telah dijalankan sebelumnya.

2.1.1 Pentingnya Dokumentasi dalam Kajian Sejarah

Dalam setiap kajian tentang keadaan sosial-masyarakat khususnya sejarah, proses mendokumentasi adalah suatu perkara yang tidak kurang pentingnya. Sejarah telah mencatatkan bahawa banyak peradaban besar dunia lahir keinginan dan kemampuan mereka dalam mendokumentasikan sesuatu. Kalau kita pelajari peradaban-peradaban lama seperti Mesir, Yunani, Romawi, Cina atau India kita akan menemukan fakta ini secara jelas. Salah satu sebab mengapa peradaban Melayu tidak dapat banyak berkembang adalah kerana kelemahan aspek dokumentasi pada peradaban ini.

Hampir semua bukti sejarah Peradaban Melayu tidak mempunyai bukti sejarah yang tertulis. Banyak fakta-fakta penting seperti riwayat Kerajaan Melaka atau legenda Hang Tuah tidak mempunyai bukti yang kuat selain dari hanya cerita dan dongeng masyarakat. Sebagaimana yang kita tahu bahawa sumber lisan tidak dapat banyak diharapkan oleh

kerana kesahihannya yang sangat relatif, isi dari informasi dan beritanya yang tidak dapat sepenuhnya dipercayai. Selain itu, keaneka-ragaman informasi menyebabkan sulit bagi kita untuk memastikan tingkat kebenaran serta pengajaran dari informasi tersebut.

Jika kita pelajari pelbagai peradaban Nusantara mungkin hanya Peradaban Hindu sahaja yang masih dapat kita selusuri informasinya. Peradaban Hindu masih dapat di selusuri kerana ia masih meninggalkan sumber-sumber bertulis seperti prasasti, kitab ataupun candi. Perkara ini sangat berbeza jika dibandingkan dengan peradaban Cina. Kalau kita lihat catatan dan bukti sejarah yang ada di Cina maka kita akan menemui sebuah bukti dokumentasi yang sangat luar biasa.

Sebagai Bangsa yang menemukan kertas, Bangsa Cina¹ dengan teliti telah mendokumentasikan pelbagai peristiwa penting, kegiatan hingga ke masalah-masalah remeh seperti menu makanan dan jenis pakaian yang digunakan oleh Kaisar ketika itu ke dalam pelbagai buku, kitab dan mushaf. Ditambah dengan kepelbagaian artifak dan peninggalan bangunan, tentu hal ini akan memungkinkan terjadinya *Cross-Check* terhadap data yang ada, sehingga pelbagai jenis informasi dan berita dapat diteliti dan diklasifikasi keshahihannya.

2.1.2 Pentingnya Dokumentasi dalam Kajian Sejarah dan Teori Seni Bina

Sebagai bahagian dari kajian tentang sejarah, kajian tentang sejarah Seni Bina tentu memiliki ciri-ciri yang sama. Aspek dokumentasi merupakan sebahagian dari kajian yang terpenting dalam sejarah Seni Bina. Dokumentasi dalam sejarah Seni Bina secara sederhana sedikitnya terbahagi kepada dua jenis.

Jenis yang pertama merupakan sebuah dokumentasi terhadap aspek fizikal dari suatu data Seni Bina. Aspek fizikal ini biasanya lebih berbentuk sebuah kajian terhadap bahagian bangunan, sistem struktur atau kaedah pembinaan dari suatu bangunan. Kajian jenis ini merupakan sebuah kajian yang memfokuskan kepada bahagian kasat mata dari

¹ Kajian lebih jauh lihat Shaughnessy, Edwad L, “*China : Empire and Civilization.*”

bangunan tersebut. Dokumentasi jenis ini sangat penting, kerana dari bukti fizikal bangunan tersebut juga dapat dipelajari pelbagai fenomena dan karakteristik dari suatu pergerakan pemikiran seni bina.

Permasalahan yang terjadi dari pendekatan yang pertama ini adalah kecenderungan dari para sejarawan untuk memilih contoh bangunan yang dianggap “cantik” atau indah sahaja dengan mengabaikan produk yang dianggap kurang berkualiti. Padahal boleh jadi yang diabaikan tersebut merupakan satu peninggalan yang sangat penting dalam kajian sejarah yang ia lakukan sebagaimana dinyatakan oleh Hitchcock dibawah ini:

“Architectural history is always a part, sometimes even the most important part, of history in general. It can be interesting intellectually even in periods whose product appeal little or not at all to mid-twentieth-century taste. Yet to consider architectural history merely as a part of general history is to miss a great deal of its potential interest. Despite the social, technical, and functional aspect of buildings those that link architecture exist in the realm of art, more specifically of visual arts. The artistic value of individual buildings or, indeed, of whole cities and regions at certain periods may have been low or even, so to put it, negative-doubtless more buildings are and always have been, if not ugly rather than beautiful, at least negligible visual interest-yet we turn the history of architecture not merely to become informed but in the expectation of visual pleasure.. We even distort statistically the history of building by habitually throwing emphasis on those aspects of the production of the past that have the most positive visual qualities, paying far more attention to the temples than to the houses of the Greeks, and studying the churches of the Victorians with greater assiduity than their equally characteristic factories.”²

Faktor lain yang juga seringkali menjadi masalah dalam pendekatan ini adalah seringkali para sejarawan lebih mementingkan bangunan yang sudah berusia. Bangunan yang muda dianggap tidak memiliki nilai sejarah. Namun hal ini ditentang oleh Statham sebagaimana pendapat beliau berikut:

A word in conclusion as to the phrase in the title- “A Short Critical History.” The word ‘critical’ is introduced of set purpose, as an expression of the spirit in which the reader is invited to consider the monuments of ancient architecture; not as object for blind admiration, but as examples from which lesson may be learned...there is no reason why a building, because it is 1,500 or 2,000 years old, should not be criticised as its architectural treatment as freely as if it were built last year.³

² Hitchcock, Henry Russell (1941). *The Nature of Materials*, hal 11

³ Statham, H Heathcote (1912). *A short Critical History of Architecture*. London: B.T. Batsford, hal 11.

Jenis pendekatan yang kedua adalah dokumentasi terhadap aspek non-fizikal dari sebuah bangunan. Jenis kajian yang kedua ini biasanya merupakan sebuah dokumentasi terhadap pemikiran, nilai-nilai dan keadaan sosial di luar bentuk fizikal sebuah bangunan. Pendekatan ini melihat secara mendalam aspek-aspek yang menyebabkan suatu bangunan berdiri, bagaimana bangunan tersebut berinteraksi dengan lingkungannya dan bagaimana kemungkinan perkembangannya pada masa akan datang. Ia lebih berkisar pada masalah latar dan lingkungan daripada aspek fizikal dari bangunan tersebut. Pendekatan ini melihat Seni Bina sebagai sebuah objek yang berinteraksi dengan konteksnya dan bukannya sebagai objek yang berdiri sendiri sebagaimana pendekatan sebelumnya. Penegasan hal ini dapat dilihat pada beberapa pendapat berikut:

The effort to establish, through the scrutiny of visual and literary documents, what past architecture really looked like will have already involved us with question not strictly pertinent to physical form. These might include the identity of the patrons, particulars about the motivation for the building commissioned, the identity and careers of architect, the nature of the materials of construction and their provenance, matters of finance and so on. But even this is not the outermost limit of the legitimate concern of architectural history. We have to push further still, to broader frame of general history, for those strands or patterns that illuminate the total setting of architectural production.

Architecture, to state the obvious, is a social act-social both in method and purpose...Architecture is a costly act. It engages specialized talent, appropriate technology, handsome funds. Because this is so, history of architecture partakes, in a basic way, of the study of the social, economic, and technological systems of human history...every building represent a social artifact of specific impulse, energy, and commitment. That is its meaning, and this meaning resides in its physical form.⁴

The study of a people's architecture, for example, should always be pursued within the context of people's cultural life, since Architecture, according to Hegel, represent that people's vision of the world. In fact, every civilization is characterized by its peculiar and distinctive spirit, its Zeitgeist, the overwhelming power of which holds everyone in its spell. In his turn, the architect/ artist, through the 'idea', appropriates the external world, and in doing so he acquires a Weltanschauung. This Weltanschauung or world-view, lodged within the conscious constitution of the human mind, becomes the modus operandi of all social activity and production. Thus the architect/artist, in the very act of creating, simply represent the 'idea' in sensuous form; that is, he express his Weltanschauung by means of sensuous, corporeal form.⁵

Dalam kajian dan sejarah Seni Bina, jenis dokumentasi yang kedua ini seringkali dilupakan. Para peneliti sejarah dan teori Seni Bina seringkali lebih mementingkan kajian

⁴ Kostof, Spiro (1985). *A History of Architecture: Settings and Ritual*, hal 7

⁵ Porphyrios, Demetri (1981). *Notes on Method*. Architectural Design Vol 51 No 6/7, Architectural Design Profile, hal 96

terhadap aspek fizikal dari bangunan. Hal ini dapat dimengerti kerana kajian terhadap bukan fizikal relatif lebih sulit kerana berhubungan dengan pendapat, pemikiran dan ide-ide, bukannya aspek fizikal yang yang dapat dengan mudah dirasa dan dilihat.

Terdapat beberapa kesulitan ditemui adalah relativiti dari pendekatan ini. (kebanyakan pendapat serta pro dan kontra terhadap pendapat-pendapat tersebut menjadikan pendekatan ini seringkali terlihat terlalu subyektif dan sulit dideterminasi validitinya).

Disamping itu, untuk mendapatkan suatu kajian yang optimum, suatu kajian secara non fizikal perlu mengambil-kira konteks dan motif dari pendapat yang dikeluarkan tersebut agar kita dapat memahaminya secara lebih kukuh sebagaimana yang dikatakan oleh Kleinbauer dan Watkin dibawah ini:

When thinking and writing about works of art, the historian in consciously or unconsciously influenced by various determinant. He does not work without aspirations, preconceptions and suppositions. His training, knowledge and experience provide for him an intellectual platform which to launch his inquiries. As an individual he is a social phenomenon, a product of his period and environment. So rather than investigate the visual arts in a vacuum insulated from external conditions and forces, He is guided by the times to which he belongs, and he is spokesman thereof. He stand not without but within the moving stream of the course of history. How he approaches the arts from that stream is dependent upon its various current and bends, and upon his position in relation to others in the stream. As he moves in the stream, his angles of vision and views of the art change constantly, and as this happens the art history he writes changes and acquired new prospects. He can double back to previous points in the stream, and even though he may attempt to accelerate the speed of the current, he find himself unable to move to the uncharted parts of the stream faster than the current will carry him. He can assess art from the present and can look back into the past to try to reconstruct its initial course; but he can hardly envisage its future destination. His perspective are established by his preparation for the journey, by the point at which he stands in the stream, and by the directions in which he may decide to look.⁶

We shall also observe the variety of motives which have prompted the writing of architectural history: thus, in the nineteenth centuries the study of medieval architecture was often closely bound up with the promotion of specific religious ideas, as it was in the early nineteenth century with the rise of nationalism; the exceptional dominance in England of the country house as a building type and as a social focus from at least the mid-sixteenth to the early twentieth centuries has understandably been reflected in the scope of modern architectural writing in this country. It will also become increasingly clear that two of the most important and persistent motives which lie behind the production of architectural history are the practice and the preservation of architecture. Thus, whereas historians frequently have a concealed axe to grind, generally political or religious, architectural

⁶ Kleinbauer, Eugene W (1971). *Modern Perspectives of Art History*. New York: Holt, Reinhart & Winston Inc.

*historians have often had an openly displayed axe: the furtherance of a particular type of present-day architecture.*⁷

Kita juga perlu membandingkan dan mengklasifikasikan pendapat-pendapat tersebut untuk kemudian dilakukan analisa kesesuaian dan pendekatan supaya lebih mudah difahami. Tesis ini akan mencuba melakukan sebuah bentuk dokumentasi dan klasifikasi terhadap pelbagai pemikiran dan ide-ide dari aspek non fizikal berkenaan dengan Seni Bina Islam.

2.1.3 Pentingnya klasifikasi dan Pengelompokan dalam Kajian Sejarah dan Teori Seni Bina

Sebagaimana yang diuraikan diatas, dokumentasi merupakan suatu hal yang sangat penting. Hal ini tidak hanya berguna bagi kajian sejarah dan teori Seni Bina sahaja namun juga sangat penting bagi pembangunan dan pembentukan kebudayaan dan peradaban suatu bangsa. Tanpa dokumentasi kita tidak akan mendapatkan masukan dan data yang cukup untuk menghasilkan sebuah kebijakan dengan validasi yang tinggi.

Contoh yang paling sederhana dan jelas tentang pentingnya sebuah dokumentasi sejarah Seni Bina mungkin dapat kita lihat pada proses dokumentasi yang terjadi pada Masjid Kampung Laut di Malaysia. Masjid yang dituntut oleh banyak pihak sebagai masjid tertua di Malaysia bahkan juga di nusantara ini masih tetap kukuh berdiri sehingga hari ini, namun tiada penjelasan yang terperinci tentang bila dan bagaimana sebenarnya latar belakang pendirian masjid ini, kerana tidak ada bukti bertulis tentang sejarah masjid ini. Salah satu usaha paling lengkap dalam pendokumentasian masjid ini adalah seperti yang dilakukan oleh Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (Pusat KALAM), Universiti Teknologi Malaysia.

Berasaskan kepada fizikal dan penyelusuran sejarah yang dilakukan oleh para mahasiswa di Pusat KALAM⁸ didapatkan tiga versi cerita tentang sejarah masjid ini.

⁷ Watkin, David (1980). *The Rise of Architectural History*. London: The Architectural Press.

⁸ Lihat Laporan Lukisan Terukur Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM)-UTM, Masjid Kampung Laut, hal 10.

Menurut teori yang pertama sebagaimana yang telah disampaikan oleh ahli sejarah tempatan iaitu Nik Man Bin Nik Mat , masjid ini telah didirikan oleh Raja Iman. Nik Man menyatakan bahawa lebih kurang empat ratus tahun dahulu terdapat seorang putera Muslim Sri Vijayan yang bernama Syed Mahmud dibawah gelaran Raja Muda Laksamana. Putera ini telah belayar dari Kepulauan Jawa apabila terdapat pergaduhan untuk merebut takhta kerajaan. Kapal yang beliau naiki terperangkap dalam ribut taufan dan menghanyutkan bahaginda ke perairan pantai di Selatan Siam. Kebanyakan dari pengikut bahaginda mulai menetap di kawasan tersebut manakala sebahagian yang lain menjelajah ke seluruh pelusuk kawasan tersebut sehingga bertemu sebuah perkampungan yang bergelar Kampung Laut. Syed Mahmud yang menukar namanya kepada Raja Iman kemudiannya mendirikan sebuah wakaf sebagai tempat berteduh dan akhirnya ia berubah fungsi menjadi sebuah masjid.

Teori yang kedua pula dikemukakan oleh seorang ahli falsafah iaitu Drs. Abdul Rahman Al Ahmadi. Menurut hasil kajian beliau, masjid ini telah didirikan lebih kurang lima ratus tahun yang lampau oleh penuntut agama Islam dari Champa. Penuntut ini bertugas sebagai penyebar agama Islam dari Jawa yang membawa bersama mereka pelan prototaip masjid dan bertujuan untuk menubuhkan tiga buah pusat Islam di seluruh pelusuk Nusantara ini. Abdul Rahman Al Ahmadi menyatakan bahawa dua daripada masjid yang telah terbukti didirikan ialah di Timur Jawa dan salah satunya ialah Masjid Demak dan Masjid Kampung Laut ini merupakan masjid yang pertama dibina oleh mereka.

Teori yang ketiga pula dikemukakan oleh Ustaz Abdullah bin Muhammad yang menetap di Kampung Langgar , Kota Bahru. Menurut hipotesis beliau, masjid tersebut didirikan oleh dua orang wali dari sembilan orang wali yang terkenal ketika itu iaitu yang bergelar Sunang Giri dan Sunang Bonang. Ia dipercayai bahawa dua orang ahli sufi dari Jawa ini yang mendapat didikan di bawah Sheikh Mohamad Saman telah diarahkan untuk mendirikan masjid tersebut.

Boleh dilihat dariuraian diatas bahawa antara teori yang satu dengan teori yang lain terdapat perbezaan yang sangat jauh sekali. Dan tidak ada yang secara pasti dapat menyatakan bila dan bagaimana sebenarnya masjid ini dibina.



Gambar 2.1: Masjid yang dianggap tertua di Malaysia, Masjid Kampung Laut, memerlukan lebih banyak dokumentasi dan penelusuran terhadap sejarah dan latar belakang pendiriannya.

Sumber: Arkib Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), UTM.

Berbeza halnya dengan Masjid Demak yang ada di Indonesia. Masjid yang dituntut sebagai masjid tertua di Indonesia bahkan di Nusantara ini memiliki pelbagai catatan dan dokumentasi yang jauh lebih lengkap dan jelas. Bahkan masjid ini memiliki museum sendiri yang menangani dokumentasi dan memelihara kelestariannya. Walaupun banyak persoalan kerana banyak pengubahsuaian dan renovasi yang dilakukan terhadap masjid ini, namun hampir semua ahli sepakat dengan waktu dan latar belakang pendiriannya kerana banyak bukti tertulis padanya.





Gambar 2.2: Beberapa usaha dokumentasi yang dilakukan pada Masjid Demak untuk memperjelas sejarah dan perkembangan masjid bersejarah ini.

Sumber: Kajian Lapangan.

Setelah proses dokumentasi, proses yang juga tidak kurang penting kajian sejarah dan teori seni bina adalah klasifikasi. Klasifikasi merupakan sebuah usaha untuk mengelompokkan suatu data ke dalam satu kumpulan besar yang memiliki ciri-ciri dan prinsip yang sama.

Proses klasifikasi merupakan sebuah proses meringkas pelbagai data yang ada sehingga lebih mudah untuk dipelajari dan dilihat kerangka serta hubungan antara elemennya. Tanpa sebuah klasifikasi, sangat sulit untuk mempelajari data yang sedia ada apatah lagi melihat hubungan antara satu keadaan dengan keadaan yang lain. Sebagaimana dinyatakan oleh Hitchcock dan Porphyrios berikut:

The very idea of History of any subject assumes a sequences of discrete events (in the case of architecture, of individual building) that are rarely to be found in close proximity. The Chicago skyscraper story, for example, cannot be kajianed in that city alone, since two of the architect Sullivan's major works are elsewhere, in St Louis and in Buffalo. To follow the sequences of development of Greek temples or French cathedrals requires at least as extensive traveling to see all principal originals.⁹

Thus, the necessary and sufficient schema for the passage from ideas to sensuously given artistic or architectural objects is as follows:

If x = work of art, and y = World-view

In order to claim that x reflects y , it is necessary and sufficient that we show that:

1. x and y are similar;
2. y influenced x .

⁹ Hitchcock, Henry Russell (1941). *The Nature of Materials*, hal 11

Influences and similarity are therefore, necessary requirements for any historical study... the investigation of the art and architectural historian is always a description of origins and effect; it is a description of conceptual unities as manifest in iconographic or stylistic unities; it is the tale of a thematic trajectory which constitutes the linear succession of historical development.¹⁰

Sebagaimana dua jenis dokumentasi sebagaimana disebutkan tadi, proses klasifikasi terbahagi kepada dua jenis klasifikasi. Yang pertama merupakan kasifikasi terhadap aspek fizikal dan yang kedua merupakan klasifikasi terhadap aspek bukan dari suatu data sejarah dan teori seni bina. Klasifikasi terhadap aspek fizikal merupakan klasifikasi terhadap elemen yang dapat dirasakan dan dilihat pada suatu data, sedangkan klasifikasi terhadap aspek non fizikal pula sebaliknya.

2.2 Isu-Isu yang seringkali menjadi asas dalam proses dokumentasi dan klasifikasi dalam Seni Bina Islam

Bahagian ini akan berusaha menjelaskan pelbagai isu yang biasa menjadi asas proses klasifikasi dalam Seni Bina Islam. Pembahasan isu dan masalah ini sangat penting bagi kita kerana Isu-isu inilah yang kemudian menciptakan pelbagai pemahaman dan penafsiran terhadap Seni Bina Islam. Pembahasan yang lebih detail terhadap pelbagai pendekatan yang lahir dari pelbagai isu ini akan dilakukan pada bab empat. Pembahasan pada bahagian ini sendiri akan terbahagi kepada isu penggunaan produk sejarah masyarakat di masa lampau, isu pendekatan objek dan nilai, isu interpretasi terhadap hukum-hukum asas Islam, isu kebutuhan untuk sesuai dengan semangat sezaman, setempat dan ide tentang progress, isu interpretasi simbolisme, isu tentang pemilihan tipologi bangunan.

¹⁰ Porphyrios, Demetri (1981). *Notes on Method*. Architectural Design Vol 51 No 6/7, Architectural Design Profile, hal 99.

2.2.1 Isu Penggunaan Produk Sejarah di Masa Lampau

Isu pertama yang menjadi asas pelbagai kajian tentang Seni Bina Islam berkenaan dengan penggunaan produk sejarah di masa lampau. Sebahagian pemikir dan pengkaji Seni Bina Islam melihat bangunan produk masyarakat Islam di masa lampau sebagai sebuah hal yang penting untuk dikaji dalam memahami bagaimana sebenarnya konsep dan falsafah dari Seni Bina Islam.

Di sisi yang lain beberapa pengkaji yang lain justru sebaliknya, mereka melihat bahawa produk bangunan dari masyarakat Islam sebelumnya adalah suatu produk yang lahir bukan dari pemikiran Islam namun lahir dari tradisi dan keadaan sosial-masyarakat atau politik dari masyarakat Islam tersebut. Kerana itu mereka melihat kaji selidik terhadap bangunan Islam di masa lampau tidak akan memberikan sebuah formula tentang Seni Bina Islam yang sebenarnya dan lebih merupakan pembentukan imej daripada pembentukan sesuatu maksud.

Pihak-pihak yang berpendapat untuk menerima penggunaan sumber sejarah pun terbahagi atas beberapa pendapat berkenaan dengan bahagian mana dari sejarah Islam yang dianggap merepresentasikan Islam. Sebahagian besar menggunakan masa-masa kejayaan Islam seperti pada masa Turki Ustmani dan Safafid sebagai bahagian dari sejarah Islam yang dianggap sesuai untuk dijadikan rujukan. Masa awal Islam sendiri. Ketika Rasulullah dengan sahabatnya pertama kali menegakkan Islam seringkali dianggap sebagai masa yang tidak terlalu penting untuk dijadikan rujukan dari aspek seni binanya sebagaimana dikatakan oleh Cresswell berikut ini:

*"Arabia, at the rise of Islam, does not appear to have possessed anything worthy of the name of architecture. Only a small portion of the population was settled, and these lived in dwellings which were scarcely more than hovels."*¹¹

*"Such was the house of the leader of the community at Medina . Nor did Muhammad wish to alter these conditions; he was entirely without architectural ambitions , and Ibn Sa'd records the following saying of his: "The most unprofitable thing that eateth up the wealth of a Believer is building."*¹²

Sementara pihak-pihak yang menentang penggunaan bangunan dan objek sejarah di masa lampau pun terbahagi antara kajian yang lebih menasaskan kajiannya pada aspek nilai


¹¹ Lihat Creswell. KAC (1968), *A Short Account of Early Muslim Architecture*, hal 1

¹² Lihat Creswell.KAC (1968), *A Short Account of Early Muslim Architecture*, hal 3

dan kerangka internal dari Islam seperti Qur'an dan Sunnah sebagai sebuah sumber rujukan dan pihak-pihak yang menggunakan ijtihad dan interpretasi sebagai bahan peracangan yang dianggap sesuai untuk digunakan untuk menyongsong masa depan. Pihak yang menggunakan ijtihad dan interpretasi merasakan bahawa prinsip asas Islam tidak secara jelas mengatur mengenai Seni Bina Islam oleh kerana itu amat diperlukan ijtihad dan interpretasi lebih jauh, sebagaimana terlihat pada pendapat Serageldin berikut ini :

*"I do not believe that any reading of the Qur'an, at any level, or a study of the Sunna, will provide detailed instructions on how to design a house in Morocco or Indonesia, or how to design the thoroughfares of Cairo or Istanbul. Those that have tried to derive specific examples from these source are doing both themselves and the sources a disfavour. Themselves by ignoring the wider context in which we live and which must provide the major "givens" of the problems to be addressed, and the sources by demeaning them to the level of a "handbook" or "textbook" rather than treating Qur'an as eternal message of inspiration and guidance for all times and the Sunna of the Prophet as the embodiment of exemplary behaviour. If God had desire to give people specific instructions on how to build structures in the twentieth century, He could certainly have done so explicitly."*¹³

Contoh perbezaan pandangan ini dapat dilihat pada perancangan masjid Kocatepe di Turki. Pada perancangan masjid ini jelas kelihatan bagaimana sebuah perancangan dengan pendekatan modern sebagaimana yang dilakukan oleh Vedat Dalokay yang memenangi sayembara telah digantikan dengan sebuah masjid revivalisme dari bangunan Turki di masa lampau.



Gambar 2.3: Masjid Kocatepe di Turki, di bahagian kiri adalah desain yang memenangkan sayembara karya Vedat Dalokay, sementara di sebelah kanan adalah masjid yang akhirnya dibangun.

¹³ Lihat Ismail Serageldin (1989), *Faith and the Environment: An Inquiry into Islamic Principles and the Built Environment of Muslims*, hal 213.

2.2.2 Isu Interpretasi terhadap Hukum-Hukum Asas Islam

Isu lain yang juga sering menjadi asas pelbagai kajian tentang Seni Bina Islam adalah isu tentang interpretasi kita terhadap hukum-hukum asas yang berprinsip dari Islam. Sebahagian pengkaji Seni Bina Islam melihat bahawa Islam merupakan suatu agama yang sudah lengkap dan sempurna. Oleh kerana itu tidak diperlukan kajian lebih jauh dari ilmu-ilmu di luar Islam. Dengan pemahaman seperti ini, para pengkaji tersebut tidak melihat kepentingan untuk mengkaji aspek-aspek yang tidak sesuai apalagi bertentangan dengan Islam, dengan pemahaman aspek-aspek tersebut justru akan merosak kemurnian dari ajaran Islam itu sendiri.

Sebahagian pengkaji yang lain melihat hukum Islam sebagai sebuah kerangka hukum yang sudah lengkap dan sempurna oleh kerana itu terutama dalam kerangka ibadah tidak diperlukan lagi penambahan dan koreksi. Sedangkan dari segi pemikirannya, para pengkaji ini melihat bahawa pemikiran Islam merupakan hasil interaksi antara hukum asas Islam dengan situasi keadaan yang ada di kawasan tersebut. Oleh kerana itu pemikiran Islam mestilah senantiasa dikoreksi dan diperbaharui untuk menjadikannya sesuai dengan keadaan masyarakat ketika itu. Pelbagai pendapat dan interpretasi terhadap hukum asas Islam inilah yang kemudian mempengaruhi pelbagai pemikiran dan teori dari Seni bina Islam yang dihasilkannya.¹⁴

2.2.3 Isu Keperluan untuk Sesuai dengan Semangat Sezaman, Setempat dan Ide tentang Kemajuan

Isu lain yang juga sangat berhubungan dan menjadi dasar pemikiran dan teori tentang Seni bina Islam adalah isu tentang keperluan untuk menghasilkan sebuah produk seni bina yang sesuai dengan jiwa dan semangat sejaman. Isu ini berhubungan sangat erat dengan isu-isu yang telah dibahas sebelumnya terutama isu tentang interpretasi terhadap hukum-hukum asas dari Islam.

¹⁴ Darwis Khudori membahagi pemikiran yang berkembang dalam Seni bina Islam ke dalam dua pendekatan. Pendekatan pertama yang dikenal sebagai *Arabo-Islamist* adalah pendekatan yang berdasarkan pemikirannya sepenuhnya kepada hukum dan Syariah Islam, semenara pendekatan yang kedua (yang diwakili oleh gerakan Aga Khan) lebih menggunakan sumber-sumber di luar hukum dan Syariah Islam sebagai rujukannya, kajian lebih jauh lihat Darwis Khudori, *Critical Perception sementara yang kedua disebut sebagai Ideological Perception*, paper pada The Third International Symposium on Islamic Expression in Indonesian Architecture, "Tectonic Dimension in Islamic Architectural Tradition in Indonesia, hal 60.

Isu ini melihat bahawa suatu zaman tentu mengkehendaki bentuk dan karakter tersendiri. Oleh kerana itu tentu ide dan karakter bangunan yang lama tidak dapat digunakan lagi untuk zaman sekarang. Zaman telah berubah, keperluan setiap individu pun sudah berganti, tak mungkin kita menggunakan produk seni bina yang lahir dari situasi dan keadaan di masa lampau (yang pasti berbeza) pada situasi dan keadaan yang ada saat ini. Pendapat ini dapat kita lihat pada pendapat Viollet Le Duc dan Walter Gropius berikut :

"Suppose that an Architect of the Twelfth or thirteenth century were to return among us, and that he were to be initiated into our moden ideas; if one put at his disposal the perfection of moden industry, he would not build an edifice of the time of Philip Augustus or St. Louis, because this world be to falsify the first law of art, which is to conform to the needs and customs of the time (Viollet Le Duc)."¹⁵

"Today's artist lives in an era of dissolution without guidance. He stand alone. The old form are in ruins, the benumbed world is shaken up, the old human spirit is invalidated and in flux towards a new form. We float in space and cannot perceive the new form. (Walter Gropius)."¹⁶

Salah satu ide utama yang lahir dari pemikiran ini adalah ide tentang progres. Ide ini menyatakan bahawa sebagai seorang manusia yang moden kita harus pergerak secara progres dalam memenuhi keperluan dan cita rasa zaman saat ini. Walaupun seringkali lebih identik dengan pencapaian secara material, ide ini memberikan sebuah ide bagi kita untuk bergerak sesuai dengan situasi dan keadaan sesuai dengan zamannya. Ide tentang progres inilah yang kemudian banyak mempengaruhi pemikiran tentang Seni bina Islam terutama pada aspek rekabentuk, pemilihan bahan dan bahasa Seni bina yang digunakan¹⁷.

Isu tentang semangat sezaman berhubungan dengan pemilihan bahasa seni bina, pemilihan bahan dan penggunaan suatu sistem pembinaan yang seharusnya bersesuaian dengan pertempatan bangunan tersebut. Setiap daerah dan kawasan tentu memiliki karakter dan sistem budayanya sendiri, oleh kerana itu dalam merancang suatu bangunan seharusnya mempertimbangkan masalah karakter kawasan ini¹⁸.

¹⁵ Curtis, William JR (1982), Modern Architecture since 1900, hal 14.

¹⁶ Curtis, William JR (1982), Modern Architecture since 1900, hal 118.

¹⁷ Untuk bacaan lebih jauh lihat Kleinbauer. Eugene W (1971). *Modern Perspectives of Art History*. New York: Holt, Reinhart & Winston Inc bab 1.

¹⁸ Isu tentang masalah regionalisme melawan globalisasi dapat dilihat lebih jauh pada penulisan tentang lahirnya gerakan Seni bina Post-Modern pada Jencks, Charles (1977). *The Language of Post-Modern Architecture*. New York: Rizzoli International Publication Inc.


2.2.4 Isu dan Interpretasi tentang Simbolisme

Isu yang juga turut mempengaruhi pelbagai pemikiran dan ide terhadap Seni bina Islam adalah ide dan pemikiran tentang simbolisme. Sebahagian pemikir melihat bahawa perasaan spiritual dan kekhusukan ibadah perlu diinterpretasikan serta diwujudkan dalam sebuah simbol-simbol yang menurut para pemikir tadi dapat meningkatkan perasaan keimanan dan ketaqwaan dari orang yang menggunakan bangunan tersebut. Simbol-simbol yang dipilih biasanya merupakan elemen-elemen yang dianggap mempersembahkan Islam. Elemen seperti kubah, menara, gerbang, kaligrafi merupakan beberapa diantara elemen-elemen yang dianggap mewakili dan menjadi ciri khas dari Seni bina Islam.

Selain penggunaan elemen, perancangan ruang yang monumental dan romantik pun seringkali dilakukan pada perancangan pelbagai bangunan yang dianggap mewakili Seni bina Islam. Nuansa agung dan khusuk biasanya menjadi karakter yang selalu diusahakan terutama dalam perancangan sebuah masjid dan bangunan dengan karakter Islami. Pemahaman tentang sucinya beberapa aspek dalam Islam pulalah yang kemudian mengarahkan beberapa rekabentuk untuk memenuhi pelbagai fungsi tambahan selain dari fungsi asas fungsionalismenya.

Masjid Universiti Teknologi Malaysia merupakan sebuah contoh daripada isu penerapan simbolisasi gaya seni bina ini¹⁹. Dalam perancangan masjid ini dapat kita lihat bagaimana pelbagai elemen daripada Kubah era senibina Isfahan, gerbang Iwan di Iran, Mimbar Masjid di Kairo, Mashrabiya, tiang sokongan ala Afrika Utara hingga menara daripada Istanbul Turki menunjukkan bagaimana pelbagai gaya senibina telah diterapkan pada Masjid ini. Sebagaimana dapat dilihat di dalam gambar berikut :

¹⁹ Perbincangan serupa pada bangunan di Malaysia dengan pendekatan serupa dapat dilihat pada Dr Mohd Tajuddin Mohd Rasdi (2001), Identiti Seni Bina Malaysia, hal 33.



Masjid Universiti Teknologi Malaysia dengan elemen-elemen yang ditiru : Gerbang Iwan di Iran, Menara daripada Blue Mosque di Turki dan Kubah daripada Masjid-i Shah di Isfahan.

2.2.5 Isu tentang Pemilihan Tipologi Bangunan dalam Konteks Ibadah Ritual dan Sekuler

Salah satu faktor utama yang sangat mempengaruhi ciri dan karakter dari Seni bina Islam adalah pemilihan dan jenis bangunan yang digunakan untuk kajian. Sebahagian besar contoh bangunan yang digunakan oleh para pengkaji ketika berbicara tentang Seni bina Islam biasanya adalah Masjid. Ini adalah kerana sebahagian besar kajian tentang Seni bina Islam menggunakan kaedah dan pendekatan Barat dalam memahami dan mempelajari Seni bina.

Dalam mempelajari seni bina dengan karakter keagamaan biasanya para ahli Seni bina Barat melihat kepada bangunan peribadatan dari agama atau kepercayaan tersebut. Hal ini senada dengan karakter kebudayaan Barat khususnya Kristian yang memisahkan antara hal-hal yang bersifat duniawi dan surgawi. Ini adalah kerana masalah agama dan peribadatan merupakan hak dan kewajiban setiap individu yang terpisah dari kehidupan sekular mereka maka dalam mempelajari Seni bina Kristian maka para ahli dan pemikir

Barat biasanya mengkaji Gereja dan bangunan ibadah Kristian lainnya. Hal ini telah disampaikan oleh Ismail Faruqi sebagaimana pendapat beliau berikut :

The history of religions has known two influences that sought to reduce its jurisdiction by limiting the data that constitute its subject matter: one was to attempt to redefine the religious datum in a restricted and narrow manner, and the other was an isolationist policy observed vis-a-vis Judaism, Christianity and Islam.

The attempt to limit the jurisdiction of phenomena of religions by giving the religious datum a narrow definition led to theories that have tried to isolate the religious element and to identify it in terms of "the religious", "the holy", "the sacred". The problem these theories faced was primarily the reductionist's analysis of the religious phenomenon into something else that would lend itself more readily to his kind of investigation.²⁰

Namun hal ini agak susah untuk diterapkan dalam mempelajari Seni bina Islam kerana dalam Islam tidak ada pemisahan antara agama dengan masalah dunia. Islam mengajarkan suatu kehidupan yang bercampur dan integratif antara dunia dengan akhirat. Hal-hal surgawi dan rohani dari seorang Muslim harus terefleks dalam kerja sehari-hari dan interaksi sosial dari penganutnya. Begitu juga sebaliknya, segala kegiatan di dunia apa jua bentuknya mestilah memiliki karakter dan semangat syurgawi serta dilakukan dalam mencapai kebahagiaan di akhirat. Oleh kerana itu kajian dan kajian yang mengambil masjid sebagai satu-satunya contoh tipologi dalam pembahasan Seni bina Islam seringkali keluar dari kerangka dan semangat Islam itu sendiri.

2.2.6 Isu Pendekatan Objek dan Nilai

Isu lain yang juga menjadi dasar pelbagai pendekatan dan kajian terhadap Seni bina Islam adalah isu pendekatan objek dengan nilai. Pendekatan objek biasanya merupakan sebuah pendekatan yang secara langsung menggunakan suatu bentuk tertentu (biasanya diambil dari bangunan Islam di masa lampau) untuk digunakan dalam perancangan dan kajian Seni bina Islam di masa sekarang.

Sedangkan pendekatan nilai biasanya merupakan sebuah kajian dan eksplorasi terhadap nilai atau prinsip asas dari Islam untuk kemudian ditafsirkan dalam perancangan bangunan dan pembentukan teori. Dalam dunia profesion seni bina produk dari kedua pendekatan ini adalah sama yaitu bangunan namun proses pemikiran dan tahap eksplorasinya yang berbeza. Pendekatan objek lebih banyak belajar dan bergerak dari aspek

²⁰ Lihat Al Faruqi Ismail (1992), *Al Tawhid: Its Implementation for thought and life*, hal 416-417.

fizikal dari bangunan sementara pendekatan nilai lebih memfokuskan pada aspek non fizikal dari bangunan. Implikasi negatif dari pendekatan objek yang tidak disertai pendekatan nilai dapat dilihat pada beberapa contoh kes di akhir bab ini.

Dalam penerapannya, walaupun lebih sulit untuk diterapkan namun pendekatan nilai lebih memungkinkan sebuah pengembangan yang lebih luas kerana tidak terikat dengan objek atau benda tertentu dan lebih memiliki akar yang kuat kerana melalui sebuah proses pemikiran yang panjang. Contoh sebuah penulisan yang berusaha memberikan bahasa baru bagi Seni bina Islam yang berbasiskan kepada nilai dapat dilihat pada penulisan yang dilakukan oleh Mohammad Tajuddin. Pada kertas kerjanya yang berjudul '*An Alternative Discourse on Islamic Architecture : The Compatibility of Wright's Organic Architecture with the Sunnah*', beliau berusaha memberikan bahasa baru bagi Seni bina Islam melalui pengambilan pelajaran dari nilai-nilai organik Frank Lloyd Wright²¹.

2.3 Krisis dan Masalah dalam Perancangan Bangunan Sebagai Implikasi dari Pergeseran Penafsiran terhadap Seni Bina Islam.

Tujuan utama dari penulisan bahagian ini adalah memberikan beberapa contoh dan kritik terhadap beberapa buah bangunan yang difahami sebagai hasil dari pergeseran penafsiran terhadap apa yang difahami sebagai Seni Bina Islam sebagai sebuah teori dan prinsip perancangan. Pembahasan ini sendiri akan terbahagi atas kajian terhadap Krisis Demokrasi dan Kepimpinan Nasional dalam perancangan kompleks Putrajaya, Krisis Revivalisme dalam tipologi masjid moden di Malaysia, Krisis Citarasa Personal dalam Taj Mahal dan Pengaruh kekuatan serta agenda politik dari penguasa terhadap perancangan kota Baghdad. Diharapkan dari penjelasan ini kita boleh mendapatkan sebuah gambaran yang nyata tentang akibat dari sebuah interpretasi yang kurang tepat dari Seni Bina Islam.

2.3.1 Kajian Kes 1 : Bangunan Perdana Menteri Putrajaya, Krisis Demokrasi dan Identiti Nasional

Bahagian ini akan memberikan beberapa analisa dan kritikan terhadap perancangan kompleks Putrajaya khususnya kantor perdana menteri dan lingkungan di sekitarnya yang

²¹ Mohamad Tajuddin bin Haji Mohamad Rasdi, *An Alternative Discourse on Islamic Architecture : The Compatibility of Wright's Organic Architecture with the Sunnah*, paper pada mAAN Conference, National University of Singapore 4-6th September, 2002

difahami sebagai sebuah produk dari sebuah perancangan Seni Bina Islam. Pembahasannya sendiri akan terbahagi atas kajian terhadap imej bangunan, perancangan pelan tapak, penggunaan bahan binaan dan adaptasi terhadap lingkungan serta keadaan sosial budaya setempat. Masalah yang pertama dan kedua lebih merupakan masalah politik sementara masalah ketiga dan keempat merupakan masalah seni bina sementara masalah yang terakhir lebih merupakan masalah sosial dan budaya²².

Masalah yang pertama jika dilihat dari sudut bagaimana perancangan dari pejabat Perdana Menteri Putrajaya adalah imej yang ditimbulkannya. Sebagaimana kita ketahui bahawa Malaysia merupakan sebuah Negara dengan pelbagai etnik dan ras, ataupun secara asasnya dikategorikan sebagai Melayu, India dan Cina. Namun jika kita memantau perancangan dan pendekatan yang dilakukan terhadap bangunan Perdana Menteri Putrajaya, ianya hanya berbicara tentang satu bahasa seni bina iaitu Melayu Muslim. Sebenarnya hal ini tidak akan banyak menimbulkan persoalan jika bangunan bersangkutan merupakan bangunan pribadi yang tidak berhubungan dengan pembentukan imej dari suatu bangsa.



Gambar 2.5: Imej dari bangunan Perdana Menteri di Putrajaya yang hanya mencerminkan dominasi etnik tertentu jika dibandingkan dengan bangunan parlimen Malaysia yang berbicara dalam bahasa yang lebih umum.


Namun pejabat perdana menteri Putrajaya merupakan bangunan awam dan sedia maklum juga ia merupakan bangunan yang mempengaruhi imej suatu bangsa. Sebagai sebuah refleksi dari bahasa Seni Bina Melayu Islam ia mencerminkan dominasi dan

²² Untuk kajian lanjutan tentang topik bersangkutan dapat dilihat pada Mohd Tajuddin, *A Tale of Two Democracies*, Majalah Akitek, September 2002 dan manuskrip dari Public Lecture oleh Dr Tajuddin, Alice Sabrina Ismail dan Azeli Shamsuri: *Architecture and Democracy*, Rotary Club of Johor, Eden Garden Hotel, May 2003

kekuatan Melayu di dalam Negara Malaysia, hal ini tentu akan membawa sebuah implikasi yang kurang baik terhadap pembentukan identiti Nasional pada akhirnya kerana kaum dan suku bangsa yang lain tentu akan merasa tersinggung dan rasa diremehkan. Dan tentu sahaja hal ini akan memberikan sebuah imej yang negatif sebagai Islam sebagai sebuah agama yang arogan dan tidak toleran dengan agama dan keyakinan bangsa lain.

Sebagai sebuah bangunan awam yang mencerminkan identiti kebangsaan Kompleks Perdana Menteri Putrajaya seharusnya mecermin bagaimana sebenarnya Malaysia dengan pelbagai jenis bangsa dan suku bangsanya. Setidaknya ini menunjukkan sebuah semangat persatuan, penghormatan dan interaksi antara kaum demi pembangunan Malaysia yang lebih baik.


Masalah lain yang juga berhubungan dengan pembentukan imej Malaysia adalah dari segi perancangan dan penyusunan pelan tapak dari kompleks Perdana Menteri Putrajaya. Sebagaimana kita lihat pada gambar di bawah ini, paksi dan hirarki bangunan Putrajaya ini begitu kuat belum lagi jika kita perhatikan bagaimana skala dari massa bangunannya.



Gambar 2.6: Perancangan tapak dari Kompleks Perdana Menteri Putrajaya yang memperlihatkan sebuah paksi dan hirarki bangunan yang sangat kuat dengan skala bangunan yang tidak manusiawi.

Sumber: internet (www.pjholdings.com.my)

Hal ini tentu sahaja memberikan sebuah bahasa seni bina yang khas. Dalam catatan sejarah kita telah mencatat banyak perancangan kota atau kawasan seperti ini sebutlah Versailles di Prancis, Lapangan Tianan Men di Cina, Perancangan kota Paris, Berlin, Baghdad bahkan Washington. Setiap perancangan kota dan kawasan tersebut mencerminkan bagaimana diktator dan kesempurnaan pemerintahan dari negara tersebut.



Gambar 2.7: Beberapa perancangan kota dan bangunan yang menunjukkan kesan aksis, skala “Grandeur” dan tidak manusiawi (dari kiri ke kanan) Atas: Tianan Men Square di China, Kota Berlin. Bawah: Kota Baghdad pada masa Al Manshur, Taj-Mahal di India dan Versailles di Prancis.

Sumber: Internet (www.google.com)

Kita tentu ingat bagaimana Raja Louis menyatakan bahwa “negara adalah dirinya”²³. Apa yang menjadi keputusannya adalah keputusan Negara. Pada perancangan kota Paris orientasi dari seluruh jalan dan bangunan diarahkan pada tempat tidurnya untuk menggambarkan bagaimana berkuasanya Raja Louis ketika itu. Hal yang sama juga dapat kita lihat pada pemerintahan kaisar di Cina, Hitler di Jerman dan Sadam Husein di Baghdad, bahkan dalam pemerintahan Islam dimasa lampau pun dapat kita lihat hasil-hasil dari suatu pemerintahan streotaip. Dari sini dapat kita lihat pertalian positif implikasi dari sebuah sistem pemerintahan terhadap perancangan bangunan pemerintahannya.


Kita tentu tidak berharap imej yang sama melekat pada Malaysia sebagai sebuah Negara yang berusaha menerapkan sistem demokrasi apalagi pada Islam sebagai keyakinan dan system hidup kita. Namun jika seni bina dan perancangannya mencerminkan hal tersebut, tentu kita tidak dapat mengawal pandangan masyarakat secara umumnya. Jika kita

²³ Kajian lanjutan dari beberapa dari sejarah terperinci Eropah dapat dilihat pada Marvin Perry (1981), *Western Civilization*, hal 177.

lihat bagaimana jauhnya jarak antara gerbang pagar dan pintu pejabat Perdana Menteri Putrajaya tentu kita mendapatkan sebuah gambaran tentang sebuah Negara yang begitu takut kehilangan pemimpinnya.

Dalam sistem demokrasi kita sebenarnya tidak perlu takut terhadap pergantian atau kehilangan pemimpin kerana setiap orang dapat dengan mudah mengganti pemimpinnya. Setiap orang adalah pemimpin. Kawalan sosial masyarakat terhadap jalannya pemerintahan menjadi kunci dari keberlangsungan sebuah sistem demokrasi.

Jika kita lihat pejabat Perdana Menteri Inggeris kita akan mendapatkan sebuah kenyataan yang sangat menarik. Pejabat Perdana Menteri tersebut begitu dekat dengan jalan awam sehingga jika kita melempar batu ke bangunan tersebut maka akan dengan mudah terkena pada bangunannya.



Gambar 2.8:Pejabat Perdana Menteri dan Gedung Parlemen Inggeris: Mencerminkan percaya diri dari negara tersebut terhadap sistem demokrasinya.

Sumber: Internet (www.google.com)

Apakah Inggeris kekurangan wang untuk membangun kantor Perdana Menterinya? Tidak mungkin, kerana jika dibandingkan dengan Malaysia, Inggeris tentu jauh lebih maju. Namun apa yang dilakukan terhadap kantor Perdana Menteri ini berbicara tentang sebuah bahasa seni bina yang berbeza. Ia berbicara tentang bagaimana kepercayaan masyarakat Inggeris terhadap demokrasi yang ada di negerinya. Jika terjadi suatu hal yang buruk terhadap Perdana menterinya maka dengan mudah mereka akan mengganti pemimpinnya tersebut kerana banyak orang yang dapat menggantikannya. Jadi apa yang harus dikhawatirkan.

Jika kita kaji sejarah maka kita akan mendapati bahawa keadaan dimana suatu masyarakat begitu menjaga keselamatan pemimpinnya hanya terjadi pada sebuah

masyarakat monarki (kerajaan) atau suatu pemerintahan yang sempurna. Masyarakat ini beranggapan bahawa ketika terjadi hal yang buruk pada pemimpin mereka maka bangsa dan negara tersebut hancur dan musnah. Kita sekali lagi tentu tidak berharap negara yang berusaha menerapkan sistem demokrasi seperti Malaysia mendapat sebuah imej yang buruk sebagai sebuah pemerintahan yang sempurna atau diktator namun ketika bahasa seni binanya berkata demikian, sekali lagi tentunya kita tidak dapat mengawal persepsi orang tentangnya.

Pembentukan paksi yang kuat dan dipaksakan juga akan mengakibatkan kerosakan alam yang serius, kerana biasanya demi mendapatkan sebuah paksi yang diinginkan maka penghancuran lingkungan yang semulajadi biasanya dilakukan. Pada bangunan Versailles dapat kita lihat bagaimana lingkungan yang alami telah dirubah secara paksa oleh Arkitek demi mendapatkan paksi yang diinginkan. Pada kes Putrajaya kita menemui kes yang sama. Bermula dari penggalian danau buatan, penimbunan tanah hingga penebangan pohon secara berleluasa. Hal ini tentu akan memberikan sebuah implikasi yang negatif terhadap pembentukan imej dan identiti nasional Malaysia.

Masalah berikutnya adalah bagaimana penggunaan bahan pada bangunan Putrajaya ini. Jika kita pelajari bagaimana penggunaan bahan pada rumah-rumah tradisional Malaysia kita mendapati bahawa bahan yang digunakan adalah bahan-bahan setempat.

Hal ini akan mengurangi kos kerana kita tidak perlu mengeksportnya, selain itu jika terjadi kerosakan dengan mudah kita dapat memperbaikinya. Namun faktor terpenting dari penggunaan bahan tempatan adalah kemampuannya untuk beradaptasi dengan iklim dan keadaan setempat. Iklim berhubungan dengan situasi fizikal dari daerah tersebut sementara keadaan berhubungan sosial dan budaya masyarakat.

Pada bangunan Putrajaya kita melihat bahawa bahan yang digunakan adalah bahan-bahan yang mahal dan jarang ditemukan di Malaysia. Meskipun saat ini kita berada dalam suatu perdagangan bebas, dimana dengan mudah kita dapat sahaja mengimport barang-barang tersebut namun tentu sahaja kos yang harus dikeluarkan akan menjadi lebih mahal. Faktor adaptasi sebagai faktor utama sebagaimana yang disebutkan sebelumnya kelihatan tidak mendapat perhatian serius. Penggunaan bahan sebagaimana yang digunakan pada bangunan Putrajaya memerlukan perawatan yang sulit dan mahal kerana memang kemampuan adaptasinya terhadap iklim dan cuaca di Malaysia sangat rendah. Di samping itu penggunaan bahan luar tadi mempamerkan satu rasa rendah diri kita terhadap bahan yang ada dalam negeri dibandingkan dengan bahan dari luar.



Gambar 2.9: Penggunaan bahan bangunan yang mahal, ornament yang berlebihan dan tidak ditemukannya penahan cahaya matahari pada Pejabat Perdana Menteri Putrajaya menunjukkan kos perawatan dan penggunaan tenaga yang besar dari bangunan ini.

Sumber: Kajian Lapangan

Selain penggunaan bahan, penggunaan pelindung cahaya matahari (*Sun Shading device*) pun menjadi suatu masalah yang serius. Pada bangunan parlemen *Sun shading* digunakan untuk mengurangi penggunaan pendingin udara (AC) di dalam bangunan yang bererti menjimatkan tenaga dan akhirnya kos. Penggunaan pelindung ini merefleksikan bagaimana adaptasi kita terhadap iklim tropika yang ada di Malaysia. Namun hal ini tidak kita temui pada bangunan Perdana Menteri Putrajaya yang menandakan kurangnya adaptasi bangunan ini terhadap iklim dan keadaan cuaca di Malaysia. Pengabaian keadaan iklim dan cuaca ini tidak hanya berimplikasi terhadap kos dan penggunaan tanaga dalam bangunan sahaja namun juga berimplikasi terhadap pembentukan identiti nasional Malaysia secara keseluruhan.

Masalah serius yang juga timbul dari perancangan Putrajaya ini adalah masalah sosial budaya yang timbul dari pemilihan gaya dan bentuk seni binanya. Penciplakan gaya dari Turki dan beberapa Negara Timur tengah tentu akan memberi kesan bahawa Malaysia tidak memiliki bahan dan sumber tradisinya sendiri. Apakah Malaysia tidak cukup memiliki gaya seni binanya sendiri atau apakah bahasa seni bina tradisi Malaysia tidak cukup baik untuk dibahasakan dalam pembentukan identiti nasional.

2.3.2 Kajian Kes 2: Krisis Revivalisme dalam Tipologi Masjid di Malaysia

Pembahasan ini akan membahaskan isu fokus utama masjid dan bagaimana implikasi dari masalah yang ada di dalamnya terhadap keadaan, imej dan persepsi dari umat Islam atau bagaimana interaksi antara implikasi terhadap lingkungan di kalangan umat Islam. Pembahasannya sendiri akan meliputi *inferiority complex* sebagai asas dari cetusan peniruan dan revivalisme dalam banyak ide tentang perancangan sebuah masjid di Malaysia, krisis simbol atau imej dari sebuah masjid, pergeseran fungsi dan peranan masjid akibat krisis ini, masalah identiti kebangsaan, masalah adaptasi dan penyesuaian terhadap keadaan iklim dan budaya setempat serta bagaimana sebenarnya tipologi masjid Nusantara di masa lampau.

Masalah pertama yang menjadi akar dari permasalahan revivalisme dalam tipologi Masjid di Malaysia adalah masalah *Inferiority Complex* atau perasaan rendah diri dalam masalah Keislaman dari Pembina Masjid tersebut terhadap Umat Islam yang ada di Timur Tengah. Perasaan ini beranggapan bahawa Islam yang ada di Timur Tengah jauh lebih baik dari Islam yang ada di Asia Tenggara terutama Malaysia kerana Islam yang ada di Timur Tengah lebih dekat kepada Rasulullah SAW. Perasaan rendah diri ini kemudian berimplikasi dalam banyak hal, salah satunya dalam perancangan sebuah Masjid.

Sebab lain dari Revivalisme tipologi masjid ini adalah pendekatan tradisional bahawa keadaan ideal Islam adalah keadaan di masa lampau (standar kebudayaan Islam terletak pada masa lampau). Masalahnya contoh seni bina yang diambil bukanlah pada zaman Rasulullah, Sahabat atau Khalifah Ar-Rasyidin namun pada masa dimana peradaban Islam dianggap mengalami kejayaan, yang biasanya difahami sebagai Turki Ustmani atau Safavid di Persia.


Zaman Rasulullah dan Khulafaur Rasyidin dianggap sebagai suatu masa dimana pembinaan sebuah bangunan atau seni bina dianggap sebagai suatu hal yang tidak berguna, Masa ini dalam sejarah Islam dianggap sebagai sebuah masa “Kevakuman” dalam karya-karya senibina kerana hasil-hasil seni bina pada masa ini tidak dapat dikatakan sebagai suatu hasil seni bina Islam. Oleh kerana itu banyak Arkitek yang kemudian mengambil tipologi Masjid-masjid pada zaman Turki Ustmani dan Safavid di Persia sebagai rujukan dari rekabentuk-rekabentuk mereka.

Revivalisme pada prinsipnya adalah pembangkitan kembali apa yang pernah ada di masa lampau. Metod ini sebenarnya dapat menjadi suatu sumber ide dan inspirasi dalam sebuah perancangan, namun ketika ia lebih merupakan sebuah penjiplakan dan peniruan seperti yang telah disebutkan sebelumnya akan membawa banyak masalah baik dari segi akar intelektual, imej yang ditimbulkan dan aplikasinya dalam perancangan.

Jika masalah yang pertama lebih merupakan sebab utama dari seluruh krisis revivalisme dalam tipologi sebuah masjid dan lebih berbicara dalam tatanan konsep, maka masalah-masalah yang ada berikutnya lebih merupakan suatu hal yang aplikatif dan tampak pada sebuah bangunan.

Masalah kedua dari suatu proses penciplakan yang terjadi dalam tipologi sebuah Masjid adalah krisis imej dan simbol pada sebuah Masjid. Masalah ini biasanya dipersembahkan dengan penggunaan kubah, menara, mihrab dan banyak elemen masjid lainnya. Jika kita kaji pelbagai ayat Al-Qur-an dan hadits serta pelbagai sumber otentik dari prinsip nilai-nilai Islam lainnya maka kita akan mendapati sebuah kenyataan bahawa tidak ada batasan yang baku dari perancangan sebuah masjid. Elemen-elemen masjid sebagaimana yang disebutkan sebelumnya lebih merupakan sebuah hasil dari pemikiran Islam yang terlahir dari interaksi antara prinsip-prinsip asas Islam dengan pemikiran masyarakat ketika itu. Ertinya ia bukanlah prinsip yang asas dari Islam itu sendiri.

Jika kita lihat beberapa masjid seperti Masjid Putrajaya, Masjid Shah Alam, Masjid Wilayah, Masjid Universitas Islam Aantara-bangsa (UIA), Masjid Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dsb, kita akan mendapati sebuah kenyataan bahawa aspek simbol dan imej ini begitu diutamakan sehingga mengorbankan banyak hal terutama biaya. Pada Masjid Putra kita medapati penggunaan kubah Iran lengkap dengan segala ukiran dan ornamennya yang mahal baik dari segi pembuatannya mahupun perawatannya tanpa sebuah fungsi yang jelas selain pembentuk imej dan simbol. Pada kes Masjid Shah Alam dan Masjid UTM selain dari kubahnya yang pasti mahal, kita juga mendapati banyak sekali menara hasil ciplakan dari Blue Mosque dan banyak masjid lainnya pada masa Turki Ustmani yang tidak memperhitungkan fungsi dan kos yang harus dikeluarkan. Sekali lagi alasan utamanya adalah imej dan simbolisme. Hal yang sama juga akan kita temui dalam Masjid Wilayah, Masjid UIA dan banyak masjid sejenisnya.



Gambar 2.10: Beberapa Masjid hasil Revivalisme : (Dari kiri ke kanan), Atas : Masjid Shah Alam (Selangor), Masjid Putra (Putrajaya). Bawah: Masjid Wilayah (Kuala Lumpur), Masjid UTM (Johor).

Sumber : Kajian Lapangan & Tajuddin, M Rasdi (2003). *Muslim Architecture in Peninsular Malaysia: Classification of Styles and Probable Socio-Political Influence of Mosques*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM) hlmn 20& 25.

Masalah ketiga yang menjadi inti masalah dari proses penciplakan ini adalah pergeseran fungsi Masjid dari fungsi awalnya sebagai pusat pembangunan masyarakat pada masa Rasulullah, menjadi sebuah rumah Tuhan dan tempat ibadah sahaja pada pelbagai Masjid di Malaysia atau bahkan menjadi monumen dan simbol negara sebagaimana pada kes Masjid Putra dan Masjid Shah Alam.

Masalah ini merupakan masalah yang sangat kritikal dan penting kerana ia tidak hanya berhubungan dengan masalah senibina dari masjid sahaja namun ikut mempengaruhi bagaimana anatomi dan perkembangan masyarakat Islam. Masalah ini ikut menentukan dan membentuk kualiti masyarakat Islam.

Di masa lampau ketika Masjid berperanan sebagai pusat pembangunan masyarakat sebagaimana Masjid Rasulullah atau Masjid-masjid kampung dahulu, kita mendapati sebuah sistem masyarakat yang sangat rapat dan interaktif. Masyarakat biasa berkumpul, berdiskusi dan bekerjasama di dalam masjid. Banyak masalah yang dapat dibincangkan serta

diselesaikan bersama-sama sehingga masjid merupakan pusat interaksi masyarakat yang berfungsi dengan baik.

Pada kes masjid Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kita mendapati sebuah konsep tentang Rumah Tuhan yang berimplikasi dalam perancangan hingga pemilihan bahan dari Masjid ini. Konsep rumah Tuhan memberikan sebuah implikasi bahawa sebuah Masjid haruslah besar, cantik dan mahal. Hal inilah yang kemudian melahirkan banyak pertanyaan pada banyak aspek dari Masjid UTM terutama ketika dikaitkan dengan biaya yang harus dikeluarkan untuk pembinaannya. Ide tentang rumah Tuhan menyebabkan penggunaan Masjid menjadi sangat terbatas pada kegiatan-kegiatan ritual sahaja. Kegiatan-kegiatan seperti kegiatan sosial, olah raga, latihan-latihan keterampilan, kajian dan diskusi keislaman bahkan diskusi akademik pun menjadi suatu kegiatan yang sulit ditemui.

Pada perancangan pelbagai masjid Revivalisme sebagaimana Masjid Putrajaya dan Masjid Shah Alam kita mendapati sebuah masalah yang sangat serius! Kerana pada konsep awalnya masjid tersebut diperuntukkan untuk monumen maka proses lanskap, penataan massa dan penempatan posisinya pun disesuaikan dengan kehendak tersebut. Akibatnya situasi dan posisi dari masjid tersebut memang 'menjauhkan diri' dari masyarakat yang seharusnya menjadi pengguna masjid tersebut. Kerananya jangan hairan jika Masjid yang dibangun sebagai monumen tersebut kemudian ditinggalkan oleh jama'ahnya. Sebenarnya bukan jamaah sebenarnya yang meninggalkan masjid tersebut namun masjid tersebutlah yang dirancang untuk tidak didatangi oleh jamaahnya. Jika Masjid kemudian dirancang untuk ditinggalkan oleh jemaahnya maka untuk apa kita kemudian menyebutnya Masjid.

Dua pergeseran fungsi dari Masjid sebagaimana disebutkan diatas merupakan suatu perkara yang berbahaya kerana ia mengkotak-kotakkan antara aspek sekular dari Islam dengan aspek keagamaannya. Islam adalah suatu agama yang melihat masalah dunia dengan masalah akhirat sebagai sebuah kesatuan sistem dan kesatuan makna. Ia adalah suatu agama yang dekat dengan keseharian umatnya, suatu agama yang melihat kehidupan keseharian sebagai suatu bentuk ibadah sebagaimana ibadah ritualnya. Melepaskan dua makna ibadah di dalamnya hanya akan menimbulkan penurunan pemahaman Islam pada masyarakat dan akhirnya menyebabkan kemunduran dalam pemahaman keislaman.

Masalah keempat berhubungan erat dengan imej dari sebuah bangsa. Proses Revivalisme yang berasaskan sebuah penciplakan akan membawa banyak masalah pada identiti nasional. Ada pelbagai alasan yang menyebabkan suatu bangsa melakukan peniruan atau Revivalisme. Sebahagian berpendapat bahawa dengan melakukan penciplakan terhadap

suatu produk akan menjadikan bangsa mereka sehebat peradaban yang mereka tiru tersebut. Sebahagian adalah kerana masalah politik agar bangsanya diakui sebagai bahagian dari suatu komuniti, sementara sebahagian yang lain dilakukan dalam upaya mengangkat darjah kemuliaan dari bangsanya. Namun dari semua motif yang ada jelas sekali terlihat bahawa revivalisme atau pencjiplakan lahir dari perasaan rendah diri dari suatu bangsa yang merasa tidak memiliki apa-apa.

Jika kita mahu melihat sejarah, maka kita akan mendapati bahawa sebenarnya bangsa kita memiliki warisannya sendiri. Tipologi masjid tradisional merupakan Masjid yang lahir dari budaya dan sistem nilai masyarakat setempat. Metod perancangan ini telah teruji oleh waktu dan tempat. Oleh kerana itu kemampuan adaptasi terhadap lingkungan dan keadaan bangsa ini tentu juga telah teruji. Satu perkara yang penting dari pendekatan ini adalah ia mencerminkan budaya dan identiti dari bangsa kita kerana dapat menjadi suatu bentuk kebanggan kita terhadap apa sebenarnya identiti Malaysia.

Masalah yang terakhir sebenarnya telah digambarkan pada pembahasan sebelumnya. Ia membicarakan tentang masalah yang timbul sebagai satu implikasi dari pencjiplakan yang terjadi pada pendekatan Revivalisme terhadap keadaan fizikal dan budaya setempat. Secara sederhana dapat kita pahami bahawa suatu penyesuaian suatu budaya memerlukan sebuah adaptasi.

Sudah jelas apa yang telah disampaikan sebelumnya bahawa untuk tipologi sebuah masjid kita memiliki identiti dan hasil tersendiri. Pada masjid-masjid tradisional kita mendapati bahawa bahan yang digunakan merupakan bahan yang mudah didapati di lokasi pembangunan sehingga dapat mengurangi kos pembinaannya. Atap yang digunakan pun merupakan bumbung meru yang sesuai dengan iklim setempat dan merupakan suatu bentuk adaptasi terhadap sistem nilai serta budaya setempat.²⁴



²⁴ Bumbung Meru menurut beberapa ahli sejarah berasal dari falsafah Gunung Mahameru yang merupakan suatu mitos suci dari agama Hindu. Pengadaptasian ini dapat difahami sebelum kedatangan Islam Hindu telah dating menyebar dan dianut oleh masyarakat di wilayah Nusantara.



Gambar 2.11: Beberapa contoh tipologi Masjid Nusantara (Dari kiri ke kanan), Atas: Masjid Kampung Laut (Kelantan), Masjid Kampung Hulu (Melaka); Bawah: Masjid Demak (Indonesia), Masjid Minangkabau (Indonesia) dan Masjid Papan (Perak).


Sumber: Kajian Lapangan & Tajuddin, M Rasdi (2003). *Muslim Architecture in Peninsular Malaysia: Clasification of Styles and Probable Socio-Political Influence of Mosques*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM) hlmn 15, 16 & 18.

Suatu hasil seni bina lahir dari situasi dan keadaan serta pemikiran suatu peradaban kerananya kita perlu memahami bagaimana sebenarnya situasi, keadaan serta pemikiran yang menyebabkan produk tersebut. Tanpa sebuah pemahaman terhadap situasi, keadaan dan pemikiran disebalik terciptanya sebuah objek kita akan mendapat sebuah masalah serius dalam prinsip, mekanisme dan aplikasi dari produk tersebut.

2.3.3 Kajian Kes 3: Krisis Citarasa Peribadi dalam Perancangan Taj Mahal

Pada bahagian ini kita akan berbicara tentang pengaruh dan peranan sebuah citarasa peribadi terhadap pembentukan imej dari senibina Islam yang tercermin dalam pembangunan Taj Mahal di Agra, India. Pembahasan ini berusaha menerangkan bagaimana sebuah citarasa personal dapat membentuk dan mempengaruhi imej senibina Islam. Pembahasannya sendiri akan meliputi kesalahan persepsi terhadap Taj Mahal, motif personal dari Shah Jehan sebagai pembuatnya, penggunaan bahan dan material serta bagaimana perletakkan Taj Mahal dalam konteks lingkungannya.

Masalah pertama adalah masalah yang sederhana namun membawa implikasi yang sangat besar. Taj Mahal bukanlah Masjid melainkan sebuah makam, sebagaimana dapat dilihat pada gambar interiornya dibawah ini.



Gambar 2.12: Interior dari Taj Mahal dan gambar detail dari nisan Shah Jehan dan istrinya Mumtaz Mahal yang menunjukkan bahawa ia adalah sebuah makam bukan Masjid.

Sumber: Gupta, Satish (1995). *Our World in Colour: Taj Mahal*. Hongkong: The Guidebook Company Ltd, hlmn 28 & 30.

Namun disebabkan oleh bentuk dan pembentukan massanya ia sering disalah ertikan sebagai masjid. Penyalah-ertian ini memberikan pemahaman kepada kita tentang 2 perkara, yang pertama: bahawa telah menjadi sebuah pemahaman umum bahawa bentuk masjid adalah sebagaimana Taj Mahal tersebut (ertinya telah terbentuk dalam pemikiran masyarakat bahawa bentuk Masjid adalah sebagaimana Taj Mahal tersebut), namun pemahaman yang kedua berlaku sebaliknya iaitu pemahaman bahawa Taj Mahal adalah Masjid telah menciptakan sebuah pemahaman tipologi Masjid yang baru, iaitu masjid seharusnya seperti Taj Mahal. Pemahaman yang pertama melihat persepsi terhadap Taj Mahal sebagai akibat sedangkan pemahaman yang kedua melihatnya sebagai sebab.

Baik pemahaman yang pertama maupun pemahaman yang kedua berorientasi kepada objek bukan kepada nilai atau apa sebenarnya menjadi ide disebalik pembuatan Taj Mahal. Disini dapat kita lihat bahawa jika kita berasaskan analisa dan pemahaman kita kepada objek maka ia tidak akan banyak berkembang dari satu bentuk ke satu bentuk yang lain.


Masalah berikutnya yang terjadi pada pembangunan Taj Mahal adalah motif peribadi disebalik pembangunannya. Perlu difahami bahawa Taj Mahal adalah sebuah bangunan yang dibuat oleh Shah Jehan sebagai sebuah bentuk rasa cintanya kepada isterinya Mumtaz Mahal, ertinya motif pembuatannya adalah pribadi dan tidak ada hubungannya dengan perjuangan Islam apatah lagi usaha mendefinisikan apa sebenarnya senibina Islam kerana ia tidak dapat menjadi sebuah tipologi bangunan yang mencerminkan Seni Bina Islam.

Hal yang terjadi pada penafsiran masyarakat umum terhadap Taj Mahal tadi merupakan suatu hal yang penting kerana ia memberikan sebuah contoh yang sangat jelas bagaimana suatu motif peribadi dapat mempengaruhi pemahaman orang terhadap apa yang difahami sebagai seni bina Islam.

Dari kajian penulis tentang sejarah Islam didapati bahawa seringkali motif peribadi atau kelompok-lah yang mempengaruhi dan menjadi latar belakang dari lahirnya suatu bangunan. Disinilah pentingnya bagi kita untuk memahami situasi dan keadaan yang menyebabkan lahirnya sebuah bangunan. Di sini pulalah terlihat masalah dan kelemahan dari penafsiran senibina yang berorientasi kepada objek.

Pembahasan tentang dua permasalahan yang disebutkan sebelumnya membincangkan tentang imej Taj mahal dan implikasi yang ditimbulkannya ia belum berbicara tentang aspek dan permasalahan fizikal dari Taj Mahal sendiri. Pembahasan masalah berikutnya akan berbicara tentang masalah yang ada pada aspek fizikal dari Taj Mahal.

Pembahasan aspek fizikal dari Taj Mahal akan dimulai dari bahan yang digunakan. Sebagaimana bangunan Putrajaya bahan yang digunakan merupakan bahan yang mahal. Jika bangunan Putrajaya menggunakan Granit, Taj Mahal menggunakan marmor putih (satu bahan yang cukup mahal bahkan sehingga ke hari ini). Dari sini dapat kita lihat bahawa semangat yang berusaha dibangun memiliki kesamaan iaitu menonjolkan sesuatu atau menunjukkan suatu secara berlebihan.



Gambar 2.13: Taj Mahal yang dibuat dari bahan yang sangat mahal dan berlebihan. Tidak sesuai dengan semangat kesederhanaan dalam Islam.

Sumber: Gupta, Satish (1995). *Our World in Colour: Taj Mahal*. Hongkong: The Guidebook Company Ltd, hlmn 23.

Hal ini merupakan suatu hal yang bertentangan dengan prinsip dan semangat yang ada dalam Islam, sebagaimana yang kita lihat pada hadith berikut ini:

Ibnu Said berkata: "Saya mendengar Rasulullah SAW berkata: Seseorang yang membiarkan pakaianya menjuntai selama solat dengan tujuan menyombongkan diri, Allah Yang Maha kuasa tidak lagi berkepentingan untuk mengampuni dan melindunginya dari neraka."²⁵

Annas bin Malik berkata: Rasulullah SAW suatu hari melihat sebuah bangunan besar dengan kubah diatasnya kemudian berkata: Apakah itu ? Para sahabat menjawab: Itu merupakan bangunan milik fulan..., salah seorang dari kaum Anshor. Rasulullah tidak mengucapkan sepatah kata pun sehingga menimbulkan tanda tanya besar. Ketika pemiliknya memberikan salam kepadanya Rasulullah memalingkan wajahnya dan melangkah pergi. Si pemilik ini mengulanginya berulangkali dan reaksi Rasulullah tetap sama, sehingga orang tersebut menyadari bahawa kemarahan Rasulullah adalah disebabkan dia. Sehingga akhirnya ia menanyakan hal tersebut kepada sahabat yang lain dengan berkata: Saya bersumpah demi Allah bahawa saya tidak memahami sikap Rasulullah SAW. Para sahabat menjawab ia bertindak seperti itu setelah melihat bangunan besar dengan kubah milikmu. Sang sahabat itu kemudian pulang ke rumahnya dan menghancurkannya sehingga rata dengan tanah. Suatu hari Rasulullah melihat ke arah yang sama dan tidak melihat bangunan kubah itu lagi. Ia bertanya: Apa yang telah terjadi pada bangunan berkubah tersebut? Mereka (para sahabat) menjawab: "pemiliknya mengeluh bahawa kau (Rasulullah SAW) memalingkan wajahmu ketika berjumpa dengannya dan ketika kami memberitahukan sebabnya dia pun menghancurkannya.

²⁵ Sunnah Abu Dawud Vol I, Hal 167

Rasulullah berkata: "Setiap bangunan adalah fitnah bagi pemiliknya kecuali yang tanpanya manusia tidak dapat hidup".²⁶

Dari hadith-hadith diatas terlihat apa sebenarnya semangat kesederhanaan dan keindahan sebenarnya yang terdapat dalam Islam. Bahkan untuk kes Taj Mahal yang merupakan sebuah pemakaman Rasulullah banyak mengeluarkan hadith yang secara tegas memberikan sebuah batasan tentang pembangunannya. Sebagaimana dapat kita lihat pada hadith berikut:

Abu Hayyaj al-Asadi ra berkata: Ali ra berkata kepadaku bahawa aku dikirim kepadamu pada misi yang sama dengan Rasulullah SAW untuk menyatakan bahawa tidak sepatutnya saya meninggalkan kuburan yang tinggi tanpa meratakannya dan meninggalkan sebuah tanda tanpa menyederhanakannya.²⁷

Diceritakan dari Aisyah ra: Ketika Rasulullah sedang sakit beberapa istrinya bercerita tentang sebuah gereja yang mereka lihat di Ethiopia yang bernama Mariya. Umi Salma dan Umi Habiba telah pergi ke Ethiopia dan keduanya menceritakan bagaimana indahnya gereja tersebut dengan segala gambar yang ada di dalamnya. Rasulullah mengangkat kepalanya dan berkata "Mereka yang ketika salah seorang diantaranya meninggal, membuat penyembahan di makamnya dan membuat gambar-gambar seperti itu diatasnya". Mereka adalah makhluk yang terburuk dalam pandangan Allah.²⁸


Dari sini dapat kita lihat bagaimana kesesuaian antara semangat ini dengan prinsip dan nilai-nilai Islam kerana ia tidak dapat dikatakan sebagai suatu hasil yang berunsurkan keislaman namun lebih merupakan hasil dari suatu komuniti Islam tertentu.

Masalah lain dari perancangan Taj Mahal adalah bagaimana posisi dan penempatan dari bangunan ini terhadap keadaan tapak dan lingkungan sekitarnya. Sebagaimana gambar berikut, bangunan ini lebih memamerkan sebuah monumen yang berdiri angkuh di lingkungannya daripada sebuah bangunan yang berusaha bersatu dengan lingkungannya. Hal ini jelas bertentangan dengan prinsip, semangat dan nilai-nilai Islam, kerana dalam pelbagai ayat Al-Qur'an dan Hadits Islam berulangkali mengajarkan untuk melihat dan menghormati alam dan bagaimana manusia dapat menyesuaikan diri dan mengambil pelajaran darinya.

²⁶ Sunnah Abu Dawud Vol III hal 1444-1445

²⁷ Sunan Abu Dawud Vol II, hal 914-915

²⁸ Shahih Bukhari Vol II, hal 237



Gambar 2.14: Penempatan Taj Mahal yang menentang lingkungan serta skalanya yang luar biasa besar, lebih terlihat sebagai sebuah monument yang angkuh dan tidak manusiawi.

Sumber: Gupta, Satish (1995). *Our World in Colour: Taj Mahal*. Hongkong: The Guidebook Company Ltd, hlmn 22 & 26.

Dari pembahasan sebagaimana telah yang dijelaskan pada kes Taj Mahal kita mendapati sebuah realita tentang peranan dan pengaruh dari citarasa dan unsur peribadi dalam penafsiran terhadap seni bina Islam.


2.3.4 Kajian Kes 4: Pengaruh Kekuatan serta Agenda Politik dari Penguasa terhadap Perancangan Kota Baghdad.

Pembahasan ini akan memberikan sebuah contoh dari bagaimana suatu kekuatan dan pengaruh politik dari penguasa dapat mempengaruhi pembentukan imej dari suatu seni bina Islam. Pembahasannya sendiri akan terbahagi atas analisa terhadap “*Victory of Arch*” sebagai salah satu elemen penting dari perancangan kota Baghdad, Pengaruh kemenangan Iraq atas Iran dalam perancangan kota Baghdad, pengaruh dan cita-cita Saddam Husein

dalam perancangan kota Baghdad serta pengaruh ide dan muatan politik penguasa terhadap perancangan kota Baghdad.

“*Victory of Arch*” merupakan suatu elemen yang sangat penting dalam perancangan kota Baghdad kerana ia membicarkan dan menjelaskan banyak hal tentang bagaimana pola pemikiran dari pemerintah Iraq terhadap pembangunan kota tersebut seharusnya.

Victory of Arch adalah sebuah monumen yang dibangunkan pada tanggal 8 Agustus 1989²⁹ untuk mengenang kemenangan Iraq atas Iran. Monumen ini sebagaimana terlihat pada gambar dibawah ini memiliki skala yang luar biasa besar. Lengan hingga genggaman tangan dari pemegang pedang menjulang sepanjang 16 meter. Pedangnya sendiri berdiri setinggi 40 meter diatas permukaan tanah. Bendera kecil yang terdapat di hujung pertemuan antara dua pedang besar tersebut menjulang setinggi 7 meter (boleh dibayangkan bagaimana besar dan megahnya monumen ini).



Gambar 2.15: *Victory of Arch*, Baghdad, Irak.

Sumber: Al-Khalil, Samir (1991). *The Monument: Art, Vulgarity and Responsibilities in Iraq*. London: Andre Deutsch Ltd, hlmn 1 & 7.

Elemen dari monument ini sendiri terdiri atas “*The Exploding Ground*” (bahagian paling asas dari monumen) terbuat dari perunggu dengan berat 4 ton sebuah, sementara Lengan dan gripnya dengan berat 20 ton sebuah.³⁰ Pedang yang terhunus terbina dari *stainless steel* seberat 24 Ton sebuah. Dari sini dapat dibayangkan betapa besar dan berat monumen ini.

²⁹ Pembangunannya sendiri sudah dimulai sejak 22 April 1985.

³⁰ Bahagian ini begitu besar hingga harus dibuat di Basingstoke, Inggeris kerana tidak ada kilang yang mampu membuatnya.

Namun di luar dari ukuran dan skala dari bangunan ini aspek simbolisasi dan muatan politik dari monumen ini ternyata lebih besar. Mari kita mulai dari bahagian bawah (*exploding groundnya* dan *gripnya*). Bahagian ini terbuat dari 5000 helm tentera Iran yang tawanan dari medan perang. Hal ini sekali lagi berbicara tentang kekuasaan Iraq atas Iran dan menunjukkan bagaimana hebatnya Negara tersebut. Pemilihan elemen lengan yang menggenggam pedang merupakan elemen yang menarik. Ia dibahasakan dengan begitu jelas³¹ dalam bentuk lengan dan model untuk lengan tersebut memang diambil dari lengan Presiden Saddam Husein untuk menunjukkan kehebatan beliau dalam memimpin perang mengalahkan Iran. Disini terlihat sekali motif politik peribadi dalam pembuatan monumen ini.

Elemen pedang sebagai elemen utama dari monumen ini tentu sahaja memegang peranan utama dalam membahasakan apa yang diinginkan oleh penguasa Irak. Pedang yang disimbolkan disini bukanlah pedang sembarangan namun ia adalah pedang Qadisiyya.³² Jika kita ingat sejarah pada tahun 637 M tentara Muslim telah mengalahkan pasukan Persia yang ketika itu merupakan salah satu kekuatan terbesar di dunia dan menandai pembebasan sekaligus peng-Islaman Irak. Pedang tersebut merupakan kepunyaan Sa'ad bin Abi Waqash yang secara gemilang telah memimpin tentara Muslim. Pembuatan monumen ini membahasakan sebuah ilustrasi yang jelas bahawa Saddam Husein adalah Sa'ad bin Abi Waqash pada tahun 1980. Ilustrasi ini memperjelas kempen yang disampaikan oleh Partai Bha'ats (partai pemerintah Saddam Husein) bahawa perang Iran-Iraq merupakan perang Qadisiyya dari Sa'ad "Saddam Husein" bin Abi Waqash melawan Persia (Iran dicerminkan sebagai Persia).

Pada rekabentuk awalnya kedua pedang ini tidak identik. Pedang yang satu itu seharusnya pedang dhu'l Faqar atau pedang yang digunakan oleh Rasulullah pada Perang Badar untuk memperjelaskan pesan perang suci untuk kejayaan Islam dari monument ini. Namun masalahnya pedang tersebut diwariskan kepada Ali bin Abi Thalib, menantu Rasulullah dan sebagaimana kita semua ketahui bahawa Ali merupakan pujaan sekaligus pemimpin orang-orang Syi'ah. Dan orang-orang syiah berpusat di Iran, jadi merupakan suatu hal yang tidak logik untuk menggunakan pedang Ali untuk membunuhi orang-orang Iran, sebagaimana yang diduga oleh Samir al Khalil berikut:


³¹ Dalam pembuatan monumen biasanya elemen dan bahagian dari monument tersebut disamarkan atau dipenuhi dengan simbolisme demi kepentingan aspek estetikanya.

³² Tidak ada yang pernah melihat bagaimana bentuk asli dari pedang tersebut maka apa yang ada pada monument tersebut hanya rekaan saja.

Was this sword eliminated in built version of the monument for aesthetic reason (perhaps it spoiled the symmetry of the arch, especially at the apex where the swords cross)? I don't know. From the point of view of the regime's own symbolism, however, it ought to have been retained. To depict the Sunni leader Saddam Hussein killing Iranians with the swords of 'Ali' would be in the same spirit as having him inaugurate the monument by riding under it on a white stallion.³³

Disini jelas sekali pesan politik dari penguasa Iraq melalui monumen ini. Elemen yang digunakan adalah elemen dan bahasa Islam namun pesan yang disampaikan adalah agenda politik dari penguasa. Hal ini memberikan sebuah pemahaman akan peranan sebuah pesan politik dalam pembentukan imej tentang apa yang difahami sebagai produk yang bercirikan keislaman.³⁴ Jika kita hanya melihat objeknya sahaja maka kita akan kehilangan apa sebenarnya intipati dari pembangunan monumen ini dengan melihatnya sebagai hasil seni bina Islam.

Isu kedua yang berkaitan dengan pembangunan kota Baghdad adalah kemenangan Irak atas Iran. Apa yang tertera dalam monumen “*Victory of Arch*” merupakan suatu contoh dari pengaruh kemenangan Iraq atas Iran ini. Isu kemenangan Irak dan isu ketiga tentang pembentukan imej kepahlawanan Saddam Hussein sebagai pemimpin Iraq merupakan sebuah mata rantai yang secara sederhana dapat difahami. Jika kita perhatikan ilustrasi dan gambar-gambar dibawah ini kita akan mendapati sebuah pemahaman tentang bagaimana sebenarnya ide dan pesan politik dari penguasa membentuk kota Baghdad sebagaimana pesan yang disampaikan melalui Victory of Arch tadi..



³³ Lihat Samir al Khalil, *The Monument: Art, Vulgarity and Responsibility in Iraq*, hal 11.

³⁴ Kesserupa dapat kita temui dalam berbagai kes dari produk seni bina yang dinggap bercirikan keislaman.



Gambar 2.16 : Beberapa propaganda yang berusaha menyetarakan antara Saddam Husein dengan Sa'ad bin Abi Waqash (Pembebas Irak dari Persia).

Sumber: Al-Khalil, Samir (1991). *The Monument: Art, Vulgarity and Responsibilities in Iraq*. London: Andre Deutsch Ltd, hlmn 12 & 13.

Dari penjelasan inilah kita dapat melihat pertalian yang kuat antara unsur dan motif politik yang diperaktikkan serta pembentukkan imej dari sebuah negara terhadap penafsiran seni bina Islam.



Gambar 2.17: Beberapa gambar yang menunjukkan usaha pemerintah Saddam Husein untuk mengangkat citra dan Imej Saddam sebagai tokoh utama Irak.

Sumber : Al-Khalil, Samir (1991). *The Monument: Art, Vulgarity and Responsibilities in Iraq*. London: Andre Deutsch Ltd, hlmn 45 & 53.

2.4 Masjid Sebagai Bangunan Penting dalam Seni Bina Islam

Pada kajian dan pembahasan yang akan dilakukan selanjutnya penulis akan banyak menggunakan masjid sebagai bangunan utama dalam perbincangan mengenai Seni Bina Islam. Kerananya pada bahagian ini penulis merasa perlu untuk menjelaskan tentang peranan penting masjid pada masyarakat Islam. Pembahasannya sendiri akan terdiri atas pengertian masjid, peranan masjid dalam masyarakat Islam pada zaman rasulullah, jenis-jenis masjid yang dikenal dalam masyarakat Islam dan justifikasi pemilihan masjid sebagai rujukan utama bagi pembahasan tentang Seni Bina Islam. Diharapkan pembahasan singkat ini dapat memberikan gambaran tentang posisi dan peranan masjid dalam pembahasan tentang Seni Bina Islam ini.

2.4.1 Pengertian Masjid

Secara akar katanya masjid berasal dari bahasa Arab *Sahajada-Yasjudu* yang artinya sujud. Dalam konteks yang lebih luas sujud merupakan sebuah ekspresi dari kepatuhan dan ketakutan seorang hamba kepada Tuhan. Sujud adalah kemuncak kepatuhan dan penghinaan diri.³⁵ Perkataan masjid berulang sebanyak 28 kali dalam Al-Qur'an sebagaimana terlihat pada beberapa ayat berikut :

'And unto Allah falleth prostrate whosoever is in the heavens and the earth, willingly or unwillingly, as do their shadow in the morning and the evening hours. (Qs Ar-Ra'd : 15).'

'And when We said unto angels : prostrate yourselves before Adam, they fell prostrate, all save Iblis He demurred through pride, and so became a disbeliever. (QS Al-Baqarah: 34)

Istilah sujud ini kemudian memiliki konteks yang lebih khusus sebagai salah satu gerakan dalam sholat. Dalam sholat sujud dipahami sebagai meletakkan dahi, kedua tangan,

³⁵ Muhd Fadli Ismail (2003), Peranan Masjid, Kuala Lumpur:Darul Nu'man, hal 1.

lutut dan kaki ke permukaan bumi.³⁶ Hal inilah yang kemudian melahirkan istilah masjid yang berarti tempat sujud atau dalam konteks yang lebih luas sebagai tempat sholat. Masjid juga disebut sebagai *Baitullah* atau Rumah Allah untuk menunjukkan kesucian dan peranan bangunan ini sebagai tempat beribadat.

Namun pada hadith yang lain Rasulullah justru menyatakan bahawa sholat tidak memerlukan tempat spesifik untuk pelaksanaannya, sebagaimana terlihat pada beberapa hadith berikut :

*Hudhaifa reported: The Messenger of Allah (may peace be upon him) said: I have been made to excel (other) people in three (things) Our rows have been made like the rows of the angels and the whole earth has been made a mosque for us, and its dust has been made a purifier for us in case water is not available. And he mentioned another characteristic too.*³⁷

*Narrated By Abu Al-Taiyah : Anas said, "The Prophet prayed in the sheep fold." Later on I heard him saying, "He prayed in the sheep folds before the construction of the mosque.*³⁸

Pada hadith tersebut terlihat bahawa sholat dapat dilakukan dimana sahaja selama dia memenuhi syarat sebagai tempat sholat yakni bersih dari najis. Rasulullah hanya mlarang kita untuk mendirikan sholat di dekat pemakaman kerana dikhawatirkan akan menyembah orang yang mati tersebut dan menyebabkan musyrik, sebagaimana terlihat pada hadith beliau berikut :

*Narrated By 'Aisha : Um Habiba and Um Salama mentioned about a church they had seen in Ethiopia in which there were pictures. They told the Prophet about it, on which he said, "If any religious man dies amongst those people they would build a place of worship at his grave and make these pictures in it. They will be the worst creature in the sight of Allah on the Day of Resurrection."*³⁹

*Narrated By Abu Huraira : Allah's Apostle said, "May Allah's curse be on the Jews for they built the places of worship at the graves of their Prophets."*⁴⁰

Dari dua hadith ini terlihat bahawa sholat tidak memerlukan tempat atau bangunan yang khusus. Selama tempat tersebut bersih dari najis dan bukan sebuah pemakaman maka ia dapat dijadikan tempat Sholat. Kerananya penulis lebih melihat bahawa masjid bukan hanya berperan sebagai tempat sholat secara khusus namun berfungsi sebagai sebuah institusi dengan pelbagai peranan sebagaimana akan terlihat pada pembahasan dibawah ini.

³⁶ Muhd Fadli Ismail (2003), Peranan Masjid, Kuala Lumpur:Darul Nu'man, hal 1.

³⁷ Sahih Muslim Vol. I, hal. 265

³⁸ Shahih Muslim, Vol I, Hadith book 8, No 421.

³⁹ Shahih Bukhari, Vol I, Hadith Book 08, No 419.

⁴⁰ Shahih Bukhari, Vol I, Hadith Book 08, No 428.

2.4.2 Peranan Masjid dalam Masyarakat Islam pada Zaman Rasulullah

Jika sholat dapat dilaksanakan dimana sahaja sebagaimana telah disebutkan diatas, lalu sebenarnya apa fungsi dari sebuah bangunan bernama Masjid. Jika kita teliti fakta sejarah melalui penelusuran terhadap hadith dan bukti sejarah peradaban Islam, ternyata masjid sebagai bangunan pertama yang dibina oleh Rasulullah ketika sampai di Madinah memiliki fungsi dan peranan yang jauh lebih besar dari sekedar tempat Sholat berjamaah.

Pada masa Rasulullah masjid adalah pusat dari pelbagai kegiatan masyarakat Muslim, ia menjadi pusat dari pelbagai kegiatan politik, sosial-masyarakat, pendidikan bahkan kebudayaan sebagaimana dapat dilihat pada pelbagai aktivitas berikut:

Narrated By Ziyad bin'Ilaqa : I heard Jarir bin 'Abdullah (Praising Allah). On the day when Al-Mughira bin Shu'ba died, he (Jarir) got up (on the pulpit) and thanked and praised Allah and said, "Be afraid of Allah alone Who has none along with Him to be worshipped. (You should) be calm and quiet till the (new) chief comes to you and he will come to you soon. Ask Allah's forgiveness for your (late) chief because he himself loved to forgive others." Jarir added, "Amma badu (now then), I went to the Prophet and said, 'I give my pledge of allegiance to you for Islam.' The Prophet conditioned (my pledge) for me to be sincere and true to every Muslim so I gave my pledge to him for this. By the Lord of this mosque! I am sincere and true to you (Muslims). Then Jarir asked for Allah's forgiveness and came down (from the pulpit)⁴¹.

Narrated By 'Aisha : On the day of Al-Khandaq (battle of the Trench' the medial arm vein of Sa'd bin Mu'ad was injured and the Prophet pitched a tent in the mosque to look after him. There was another tent for Banu Ghaffar in the mosque and the blood started flowing from Sa'd's tent to the tent of Bani Ghaffar. They shouted, "O occupants of the tent! What is coming from you to us?" They found that Sa'd' wound was bleeding profusely and Sa'd died in his tent⁴².

Narrated By Anas bin Malik : While we were sitting with the Prophet in the mosque, a man came riding on a camel. He made his camel kneel down in the mosque, tied its foreleg and then said: "Who amongst you is Muhammad?" At that time the Prophet was sitting amongst us (his companions) leaning on his arm. We replied, "This white man reclining on his arm." The an then addressed him, "O Son of 'Abdul Muttalib."

⁴¹ Shahih Bukhari, Vol I, Hadith Book 02, No 55.

⁴² Shahih Bukhari, Vol I, Hadith Book 08, No 452.

The Prophet said, "I am here to answer your questions." The man said to the Prophet, "I want to ask you something and will be hard in questioning. So do not get angry." The Prophet said, "Ask whatever you want." The man said, "I ask you by your Lord, and the Lord of those who were before you, has Allah sent you as an Apostle to all the mankind?" The Prophet replied, "By Allah, yes." The man further said, "I ask you by Allah. Has Allah ordered you to offer five prayers in a day and night (24 hours).? He replied, "By Allah, Yes." The man further said, "I ask you by Allah! Has Allah ordered you to observe fasts during this month of the year (i.e. Ramadan)?" He replied, "By Allah, Yes." The man further said, "I ask you by Allah. Has Allah ordered you to take Zakat (obligatory charity) from our rich people and distribute it amongst our poor people?" The Prophet replied, "By Allah, yes." Thereupon that man said, "I have believed in all that with which you have been sent, and I have been sent by my people as a messenger, and I am Dimam bin Tha'laba from the brothers of Bani Sa'd bin Bakr."

Pada tiga hadith diatas jelas bagaimana peranan masjid sebagai pusat kegiatan politik, rumah sakit dan pendidikan. Sementara pada beberapa hadith berikut terlihat fungsi masjid sebagai pusat kegiatan hukum, ekonomi, pertahanan, kebudayaan serta olah raga.

Narrated By 'Aisha : When the verses of Surat "Al-Baqara'" about the usury Riba were revealed, the Prophet went to the mosque and recited them in front of the people and then banned the trade of alcohol.⁴³

Narrated By 'Kab bin Malik : During the life-time of Allah's Apostle I asked Ibn Abi Hadrad in the mosque to pay the debts which he owed to me and our voices grew so loud that Allah's Apostle heard them while he was in his house. So he came to us after raising the curtain of his room. The Prophet said, "O Ka'b bin Malik!" I replied, "Labaik, O Allah's Apostle." He gestured with his hand to me to reduce the debt to one half. I said, "O Allah's Apostle have done it." Allah's Apostle said (to Ibn Hadrad), "Get up and pay it."⁴⁴

Narrated By Abu Huraira : The Prophet sent some horsemen to Najd and they brought a man called Thumama bin Uthal from Bani Hanifa. They fastened him to one of the pillars of the mosque. The Prophet came and ordered them to release him. He went to a (garden of) date-palms near the mosque, took a bath and entered the, mosque again and said, "None has the right to be worshipped but Allah an Muhammad is His Apostle (i.e. he embraced Islam)."⁴⁵

Narrated By 'Aisha : Once I saw Allah's Apostle at the door of my house while some Ethiopians were playing in the mosque (displaying their skill with spears). Allah's Apostle was screening me with his Rida' so as to enable me to see their display. ('Urwa said that 'Aisha said, "I saw the Prophet and the Ethiopians were playing with their spears.")⁴⁶

Dari penjelasan diatas terlihatlah bagaimana pentingnya peranan masjid dalam masyarakat Muslim yang bukan hanya berperan sebagai pusat ibadah sahaja, namun juga

⁴³ Shahih Bukhari, Vol I, Hadith Book 08, No 449.

⁴⁴ Shahih Bukhari, Vol I, Hadith Book 08, No 460.

⁴⁵ Shahih Bukhari, Vol I, Hadith Book 08, No 451

⁴⁶ Shahih Bukhari, Vol I, Hadith Book 008, No 445.

menjadi pusat dari pelbagai kegiatan sosial-masyarakat dan menjadi salah satu pilar utama dari peradaban Islam.

2.4.3 Jenis-Jenis Masjid yang Dikenal dalam Masyarakat Islam

Dalam masyarakat Islam dikenal beberapa tingkatan dan istilah nama masjid yang membezakan antara satu masjid dengan yang lain. Bahagian ini akan berusaha menjelaskan pengertian dari beberapa masjid yang ada. Diharapkan kajian ini akan mempermudah kajian pada bab-bab berikutnya dari tesis ini. Diantara jenis-jenis masjid tersebut adalah Masjid Jami', Surau dan Musholla, istilah masjid sendiri sudah sebelumnya.

Masjid Jami'

Ada kalanya masjid ditambah dengan kata *Jami'*. *Jami'* berarti mengumpul atau berkumpul, pada penggunaan awalnya *Jami'* tidak disematkan ke masjid namun berdiri sendiri sebagai sebuah istilah dalam Islam yang artinya mengumpulkan atau berkumpul. Namun kemudian istilah ini digunakan untuk masjid sebagai salah satu tempat utama dari berkumpulnya kaum Muslimin ketika itu. Istilah "Masjid Jamik", dewasa ini digunakan pada masjid yang di dalamnya ditunaikan Sholat Jum'at.⁴⁷ Walaupun ukurannya kecil, jika masjid tersebut digunakan untuk mengumpulkan kaum Muslimin untuk Sholat Jum'at maka masjid tersebut layak disebut sebagai *Masjid Jami'*.

Surau

Pada beberapa daerah di Asia Tenggara, dikenal juga istilah Surau. Surau merupakan suatu istilah yang disematkan kepada sebuah bangunan yang lebih kecil daripada masjid secara umum, namun tidak digunakan sebagai tempat Sholat Jum'at. Walaupun fungsi dan peranannya berkurang, surau tetap memiliki kemuliaan yang sama dalam Islam. Ukurannya yang kecil tidak menjadikan sholat di dalamnya berpahala lebih sedikit daripada masjid yang besar.⁴⁸

Musholla

⁴⁷ Muhd Fadli Ismail (2003), Peranan Masjid, Kuala Lumpur:Darul Nu'man, hal 4.

⁴⁸ Muhd Fadli Ismail (2003), Peranan Masjid, Kuala Lumpur:Darul Nu'man, hal 5.

Istilah Musholla berarti tempat sholat. Istilah ini ditujukan kepada tempat-tempat tertentu yang digunakan oleh Rasulullah sebagai tempat untuk melaksanakan solat dua hari raya, sholat istisqo dan sebagainya. Tempat yang biasanya digunakan adalah kawasan lapang yang tidak berbumbung atau berdinding. Namun kini Musholla disematkan untuk ruang yang dikhususkan untuk menunaikan sholat dan tidak semestinya memiliki qariah (jama'ah) sendiri secara khusus.

2.4.4 Justifikasi Pemilihan Masjid Sebagai Rujukan Utama Bahagi Pembahasan tentang Seni Bina Islam

Berasaskan deskripsi ringkas sebagaimana telah dijelaskan diatas, penulis memilih masjid sebagai bangunan utama yang merepresentasikan Seni Bina Islam setidaknya dengan dua pertimbangan yaitu:

Pertama, sebagaimana telah dijelaskan diatas bahawa masjid memiliki peranan yang sangat penting bahagi masyarakat Muslim. Banyak aktivitas dan kegiatan yang dibuat oleh masyarakat muslim dilakukan pada dan berhubungan dengan Masjid, kerananya perubahan persepsi dan pemikiran terhadap bangunan masjid akan menyebabkan perubahan yang signifikan terhadap definisi dan pengertian Seni Bina Islam sebagaimana juga sebaliknya.

Kedua, Masjid merupakan bangunan yang seringkali merepresentasikan Seni Bina Islam. Ketika berbicara tentang Seni Bina Islam, biasanya orang akan merujuk kepada Masjid, kerananya sebagai sebuah kajian awal masjid merupakan simbol utama dan representasi yang paling mewakili dari sebuah kajian tentang Seni Bina Islam.

Atas asas dua pertimbangan inilah pada pembahasan tentang bangunan Seni Bina Islam berikutnya penulis akan banyak menggunakan Masjid sebagai bangunan yang dianggap mewakili Seni Bina Islam, tanpa menutup kemungkinan penggunaan tipe bangunan yang lain sebagai rujukan.

2.5 Kesimpulan

Penjelasan diatas telah dengan panjang lebar menjelaskan tentang pentingnya dokumentasi terhadap faktor non fizikal seperti dokumentasi dan klasifikasi ide dan pemikiran dalam kajian tentang Seni Bina Islam. Dari penjelasan diatas, kita dapat melihat bahawa kadangkala faktor di luar Islam memiliki pengaruh besar terhadap penafsiran, pentafsiran serta pengaplikasian dari apa yang difahami sebagai seni bina Islam. Tanpa sebuah usaha dokumentasi dan kajian terhadap pemikiran, ide-ide dan teori tentang Seni Bina Islam. Kita hanya akan menghasilkan sebuah penjiplakan dan peniruan yang pada akhirnya memberikan sebuah imej yang negatif terhadap Islam. Kajian ini juga akan banyak memilih masjid sebagai rujukan utama dalam pembahasan tentang Seni Bina Islam kerana diasaskan kepada peranan dan simbolisasi masjid sebagai bangunan utama Seni Bina Islam.

BAB TIGA

KLASIFIKASI WACANA SENI BINA ISLAM PERINGKAT GLOBAL PADA KURUN KE-20

3.0 Pendahuluan

Tujuan utama dari penulisan bab ini adalah menjelaskan beberapa pendekatan dan tafsiran yang biasa digunakan ketika melakukan kajian terhadap Seni Bina Islam. Kertas kerja ini sangat penting kerana kurangnya kajian tentang topik yang berkenaan, baik di Malaysia maupun di Indonesia. Sebahagian besar pembahasan yang telah dilakukan hanya berkisar pada aspek fizik dan tipologi dari bangunan yang dipercayai sebagai produk daripada masyarakat Muslim.

Diharapkan daripada kajian ini kita dapat mengenali pelbagai pendekatan yang ada untuk kemudian menghasilkan pelbagai pemikiran baru yang lebih berkembang dan progresif dalam memahami Arsitektur Islam.

Pembahasan kertas kerja ini sendiri akan terbahagi kepada pelbagai contoh pendekatan yang banyak digunakan dalam menterjemahkankan sebagaimana yang

disebut sebagai seni bina Islam yang meliputi pendekatan klasik-sejarah, Yuridis-hukum, metafizik-spiritual, regionalisme kawasan dan progresif.

3.1 Pelbagai Pendekatan dan Penafsiran terhadap Seni bina Islam

Pada beberapa bahagian berikut penulis akan berusaha menjelaskan berbagai kajian tentang seni bina Islam melalui kajian terhadap aspek bukan fizik, yakni berdasarkan ide, falsafah dan karakter daripada pelbagai kajian tersebut. Pembahasannya sendiri akan terbahagi kepada beberapa contoh klasifikasi dalam kajian tentang Seni bina Islam dan kajian tentang pendekatan-pendekatan dalam Seni bina Islam.

Kajian terhadap pendekatan-pendekatan dalam Seni bina Islam akan terbahagi kepada kajian terhadap pendekatan klasik-sejarah, yuridis-Syariah, metafizik-religius, regional kawasan, progresif dan moden.

3.1.1 Beberapa Contoh Klasifikasi dalam Kajian tentang Seni bina Islam

Sebenarnya telah dilihat beberapa usaha untuk mengklasifikasi pelbagai perancangan dan pemikiran yang menterjemahkan Seni bina Islam. John D Hoag dalam penulisannya “*Western Islamic Architecture*” membahagi fokus daripada berbagai inovasi dalam Seni bina Islam kepada dua fokus iaitu Masjid dan Istana, sebagaimana pendapat beliau berikut:

Islamic Architecture invention concentrates around two major programs, the mosque and the palace....The Mosque is a shelter and a refuge from the

*turbulent life of the crowded city...The Palace on the other hand, employs every resource of architectural symbolism to emphasize the power and authority of the ruler. He is enthroned at the heart of an axial composition more intricate than any accorded a pagan idol or a Christian altar."*¹

Ismail Serageldin ketika membincangkan tentang perancangan masjid sebagai salah satu elemen utama dalam Seni bina Islam telah mengklasifikasikan pendekatan yang digunakan kepada lima kategori iaitu pendekatan popular (vernacular), tradisional, populis, adaptif-moden dan yang terakhir adalah pendekatan moden.² Sementara dari segi ruang yang mencakupi perkhidmatannya, beliau membahagi perancangan masjid kepada empat bahagian iaitu *Major landmark structure, Community Center Complex, Small Local Mosque* dan *Zawiyas*. Melalui ide pembahagian dan klasifikasi tersebut, menurut beliau akan membantu secara lebih mudah mengidentifikasi karakter dan cakupan dari sebuah masjid.

Sementara Mohammad Al-Asad dalam pandapatnya kemudian menyimpulkan klasifikasi tersebut kepada dua kategori saja, sebagaimana dijelaskan oleh beliau berikut:

*"...I suggest placing these categories within an even simpler system by dividing approaches to contemporary mosque into two groups: one that accept historical precedents as main source of inspiration for generation of form and one that does not."*³

Kemas Madani pada penulisan yang lain berusaha menterjemahkan kembali fungsi masjid membahagi masjid kepada dua jenis iaitu masjid sebagai elemen lingkungan dan masjid sebagai pusat aktiviti dan tempat beribadat.⁴

Hasan-Uddin Khan dalam penulisannya tentang masjid membuat lima klasifikasi terhadap masjid sebagai elemen utama dalam Arsitektur Islam. Klasifikasi ini dilakukan berdasarkan klien yang meminta pembangunan Masjid

¹ Hoag, JD, *Western Islamic Architecture*, hal 8-9.

² Lihat paper beliau berjudul: *Contemporary Expressions of Islam in Buildings: The Religion and Secular*, pada Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990.

³ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 28.

⁴ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 34.

tersebut.⁵ Klasifikasi tersebut dilakukan berdasarkan pelanggan yang meminta masjid tersebut. Klasifikasi tersebut membahagi masjid kepada Pelanggan Negara, Pemerintah Tempatan, Institusi, Masyarakat desa dan masyarakat luas sebagai pelanggan mereka. Oleh kerana melibatkan dokumentasi terhadap banyak masjid di berbagai negara maka klasifikasi ini menjadi sangat penting bagi perbendaharaan bahasa kita tentang masjid.

Namun dari pelbagai sudut klasifikasi yang sedia ada, sebahagian besar memfokuskan klasifikasinya dibuat berdasarkan aspek fizik dari produk masyarakat Islam, tipologi bangunan yang digunakan juga sebahagian besar adalah masjid. Di sini terlihat pentingnya suatu kajian yang lebih menjurus kepada aspek non fizik dan perkembangan pemikiran dari berbagai ide tentang Seni bina Islam yang sedia ada. Daripada hasil kajian penulis setakat ini mungkin hanya klasifikasi yang dilakukan oleh Darwis Khudori yang secara jelas memetakan berbagai pemikiran dan pendekatan dalam Seni bina Islam.

Dalam kertas kerjanya yang berjudul *Islam, Architecture and Globalisation: Problematik and Prospects for Research in Indonesia*, Darwis Khudori membahagi Seni bina Islam kepada dua persepsi. Persepsi yang pertama disebutnya sebagai *Critical Perception* sementara yang kedua disebut sebagai *Ideological Perception*.

Critical perception didefinisikan sebagai sebuah persepsi kritis berdasarkan pemikiran dan dasar pemikirannya kepada pemikiran ilmiah, rasionalitas dan diskusi intelektual, sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

"We can call this perception "critical" because it is based on scientific methods, accumulation of knowledge and intellectual reflection (developed constantly and progressively in the west)".⁶

⁵ Lihat paper beliau: "The Overview of the Mosque, an Overview and Design Direction" pada Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 109-126, lihat juga pembagian menurut karakteristik kawasan pada buku beliau: *The Mosque: History, Architectural Development & Regional Diversity* (2002), New York: Thames & Hudson

⁶ Lihat Darwis Khudori, Critical Perception sementara yang kedua disebut sebagai Ideological Perception, paper pada The Third International Symposium on Islamic Expression in Indonesian Architecture, "Tectonic Dimension in Islamic Architectural Tradition in Indonesia, hal 60.

Selanjutnya itu, beliau mengkategorikan institusi seperti *Aga Khan Award for Architecture* atau ahli fikir Seni bina Islam seperti Oleg Grabar dan Mohammed Arkoun pada kategori ini. Untuk gerakan Aga Khan sendiri beliau mendandainya dengan tiga buah karakter. Karakter yang pertama adalah keterbukaan gerakan ini terhadap ahli dan ahli fikir di dalam (Muslim) dan di luar Islam (Non Muslim) seperti Kenzo Tange, Charles Jencks, Robert Venturi disamping tokoh-tokoh Muslim seperti Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Fazlurrahman, Mohammed Arkoun dsb.

Karakter yang kedua adalah bahawa gerakan ini berdasarkan pemikirannya pada sebuah elaborasi intelektual. Hal ini terjadi melalui kajian daripada berbagai disiplin ilmu. Karakter yang ketiga beliau sebutkan sebagai karakter yang "pemalu". Gerakan Aga Khan tidak berusaha menjadi sebuah sekolah pemikiran, namun ia secara longgar merupakan forum untuk melakukan refleksi, berdiskusi, pertukaran ide dan pengalaman serta penyelidikan bersama bagi pencarian penyelesaian bagi berbagai masalah kaum Muslimin.

Sementara persepsi yang kedua yaitu *ideological Perception* atau dalam bahasa yang lain Darwis menyebutnya sebagai *Arabo-Islamist*, didefinisikan sebagai sebuah persepsi ideologis yang didasarkan kepada tiga alasan. Alasan yang pertama kerana persepsi ini mengakui dan meyakini keberadaan dari Seni bina yang Islami dan perlunya pengembangan dan pembangunan persepsi ini untuk melawan dominasi Barat.

Alasan yang kedua adalah kerana persepsi ini meyakini bahawa Seni bina berasal dari nilai-nilai dan prinsip dasar Islam yang diturunkan dari Al-Qur'an dan hadith, sementara alasan yang ketiga adalah kenyataan bahawa kelompok ini dibentuk dalam sebuah kerangka politik dan penaja dari Arab Saudi.

Walaupun dalam berbagai penjelasannya Darwis dilihat lebih pro kepada persepsi yang pertama sekaligus mengkritik pendekatan yang kedua, namun klasifikasi yang beliau lakukan sangat penting bagi sebuah pemahaman dasar atau

identifikasi terhadap pemikiran dan falsafah yang berkembang dalam Seni bina Islam.

3.1.2 Pendekatan Klasik-Sejarah dalam Seni bina Islam

Pendekatan klasik-Sejarah adalah pendekatan yang paling banyak digunakan dalam berbagai kajian tentang Seni bina Islam. Klasik-sejarah merupakan suatu pendekatan yang menggunakan berbagai unsur, falsafah dan pola pemikiran di masa lampau dalam pemikiran dan pemahaman sekarang.

Klasik menurut definisi asalnya bukan hanya terbatas pada obyek fisik saja namun juga meliputi pola pemikiran, tradisi, kebiasaan dan juga sistem nilai di masa lampau.

*"Clacissism is not restricted simply to art, for the adoption of classicism can carry a whole series of meanings-political, social, ideological and religious; example illustrating its longevity can therefore be found in such diversity fields as literature, letter form, coinage and administration."*⁷

Secara prinsipnya pendekatan klasik merupakan suatu usaha mempertahankan tradisi yang dianggap sudah stabil dan mantap. Hal ini dilakukan karena dirasakan dalam tradisi yang sudah lama tersebut terdapat sebuah pelajaran yang dapat digunakan untuk masa depan.

*"Traditions die only when their usefulness is no longer recognized, and they survive as long as they can be transmuted. They belongs to the realm of ideas: What is really a tradition is not the institutions, but the belief in its value."*⁸

Namun dalam dunia seni bina penggunaan terminologi klasik diterapkan pada pengambilan atau penyerapan elemen-elemen atau bentuk-bentuk di masa

⁷ Highet, G, *The Classical Traditions. Greek and Roman Influences on Western Literature*, Oxford, 1949.

⁸ Radin, Max. *The Encyclopedia of the Social Science*, New York 1959 hal 63, sv tradition.

lampau ke dalam bangunan atau bentuk sekarang dengan sebuah usaha untuk membangkitkan kenangan, membangkitkan kejayaan atau mengambil pelajaran dari peradaban di masa lampau tersebut. Sebagaimana terlihat dalam definisi

"Classicism as a tradition is a conscious attempt to work within such parameters, coupled with respect for past productions. Although it is frequently fashionable to deny the value of tradition, artist and architect can scarcely do without the example of the past; for the majority, the past provides them with sets of ideas, and of useful precedents and pointers, as well as with the security of knowing that they form part of the continuing search for human beings for experiences, stability or change."⁹

Karakter yang pertama daripada pendekatan ini adalah penggunaan sejarah dari segala aspeknya sebagai bahan dasar dari kajian dan pengembangan teorinya. Karenanya pendekatan ini akan berusaha menggali bukti dan peninggalan sejarah yang ada untuk diteliti kemudian disesuaikan dengan keperluan penggunaannya pada masa sekarang.

Oleh Kerana menggunakan sejarah sebagai landasan pendekatannya, maka butiran dan fakta sejarah merupakan bahan dan informasi yang sangat penting dalam pendekatan ini. Aspek butiran dan fakta sejarah inilah yang menjadi karakter berikutnya dari pendekatan ini.

Masalah yang timbul dari pendekatan klasik sejarah adalah kenyataan bahawa bukti dan fakta sejarah yang sifatnya non fizik seringkali sangat subjektif dan relatif. Oleh kerana itu, pendekatan ini kemudian seringkali lebih memfokuskan pada aspek fizik dari fakta sejarah tersebut. Bukti fizik merupakan suatu hal yang paling jelas terlihat dan kerananya lebih dapat dijelaskan secara empiris dan logis. Hal inilah yang kemudian menyebabkan banyak pihak mengkritik pendekatan ini sebagai suatu pendekatan lemah karena hanya berorientasi pada objek dan bukannya nilai.

K.A.C Cresswell merupakan salah satu ahli sejarah yang menggunakan pendekatan ini. Dalam penulisannya beliau secara teliti meneliti berbagai

⁹ Greenhalgh, Michael. *What is Classicism?* Hal 10

peninggalan Peradaban Islam untuk kemudian dideskripsikan secara lebih mendalam. Seperti penjelasan beliau tentang perkembangan Islam di Persia berikut:

*In Persia the Muslims apparently utilized existing building also, for Muqaddasi says: 'The Friday Mosque at Istakhr (Persepolis)... is constructed after the fashion of the congregational mosque of Syria with round columns; on the top of each column is a cow. They say that it was formerly a temple of fire. From the reference to bull-headed capitals I conclude that it was originally an apadana, or hypostyle hall of the Persian kings, with a flat roof resting on columns with double bull-headed capitals.'*¹⁰

Sementara mengenai pembangunan Masjid Madinah oleh Al Walid, Cresswell menjelaskan secara detail sebagai berikut:

*"Baladhuri says that Al-Walid wrote to his Governor at Madina ordering him to pull down the mosque and rebuild it, at the same time sending him eighty Greek and Coptic artisan, inhabitants of Syria and Egypt. Ya'qubi says that the little huts (hujra) of the wives of the prophet, which opened into the east side of the mosque, were pulled down and the area so obtained added to the mosque. Samhudi, quoting Waqiqi, says: The Copts erected the sanctuary and the Greeks have worked at the sides and the back of the mosque."*¹¹

Hal yang penting daripada penulisan Cresswell adalah kelebihan beliau dalam mendeskripsikan berbagai peninggalan dan objek sejarah yang beliau kaji. Penulisan beliau memberikan sebuah penjelasan deskriptif yang sangat baik kerana diperkuakam lagi dengan pelbagai gambar, ukuran dan deskripsi yang jelas.

John D Hoag juga merupakan seorang ahli Sejarah Seni bina yang menggunakan pendekatan ini. Hal ini terlihat dalam penulisan beliau "Islamic Architecture" yang berusaha menelusuri akar dan perkembangan dari pemikiran dan ide-ide Arsitektur Islam.

Dalam penulisannya tersebut, JD Hoag mengklasifikasikan akar dari Seni bina Islam (hingga abad ke 11) dari dua wilayah utama iaitu Anatolia dan Mesopotamia, sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

¹⁰ Cresswell K.A.C, *Short Account of Early Muslim Architecture*, hal 7

¹¹ Cresswell K.A.C, *Short Account of Early Muslim Architecture*, hal 43

"Until the eleventh century there seem to have been two major regions from which antique forms (including plan as well building techniques) were adapted into Islamic Architecture. The first of these religion comprised southwestern Anatolia in the neighborhood of Antioch; Northern Syria, including the areas around Damascus and Rusafa; Palestine, centering around Jerusalem; and the ruins at Amman (known to the Greek as Philadelphia) and Gerasa in present-day Jordan....The second region from which Islamic Architecture early ideas were derived was Mesopotamia, that ancient land of twin rivers (the Tigris and Euphrates). "¹²

Hasan-Uddin Khan merupakan salah seorang pemikir yang mempergunakan pendekatan ini, di dalam pelbagai penulisannya, beliau banyak melakukan dokumentasi dan mengklasifikasikan pelbagai peninggalan bangunan Islam yang ada di dunia.¹³ Walaupun sebahagian besar kajain beliau memfokuskan pada masjid namun usaha dokumentasi yang beliau lakukan sangat berguna bagi kita dalam memahami bagaimana keadaan masyarakat Muslim ketika itu. Sebagaimana Cresswell, beliau memberikan suatu kajian yang sangat teliti dan mendalam, namun berbeza dengan Cresswell yang banyak melakukan andaian dan analisa dan mengutip pandangan dari berbagai sejarawan dan ahli fakir, penulisan Hasan-Udin Khan lebih merupakan penjelasan yang bersifat deskriptif dan naratif saja.

Dogan Kuban merupakan salah seorang ahli akademik yang juga menggunakan pendekatan ini. Dalam pelbagai penulisannya, beliau menyusuri akar daripada berbagai elemen yang digunakan dalam Seni bina Islam seperti kubah, menara, gerbang dan sebagainya. Beliau melihat bahawa kajian terhadap Seni bina Islam tidak dapat dilepaskan dari sejarah perkembangan Islam itu sendiri sebagaimana pendapat beliau seperti berikut:

"Ignoring historical facts and referring only to an idealized Islam is a misguided practice which may hinder Muslim societies from becoming equal partners in the coming century. This is the case in culture, in technology, as well as in art and architecture. To try to interpret and understand everything by religious precepts is wrong and historically false. One can read the entire

¹² Hoag, JD, Islamic Architecture hal 7

¹³ Lihat penulisan beliau: The Architecture of the Mosque, an overview and Design Direction, paper pada Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990. dan penulisan-penulisan yang lain seperti Frishman. Martin & Hasan-Uddin Khan (1994). The Mosque: History Architectural Development & Regional Diversity. London: Thames & Hudson Ltd. Dan Renata Holod & Hasan-Uddin Khan (1997). The Mosque and The Modern World. London: Thames & Hudson Ltd.

*Quran and repeat all the Hadith literature, but this would help to build a decent house and a beautiful mosque. Actually the ugliest mosque are being built by those who constantly refer to the sayings of the prophet. All the mosque, office building, banks, palaces, hotels, tourist resort are odds with the Prophet's sunna. He was against any unnecessary addition to his house. He was against any kind of luxury.*¹⁴

Dalam penulisan yang lain beliau melihat bahawa tiada bahasa yang universal bagi Seni bina Islam, kerana tiada ekspresi Seni bina Islam yang lahir daripada pemikiran Islam sendiri. Jadi produk bangunan dan obyek yang mencerminkan Seni bina Islam dewasa ini lahir dari sebuah pengalaman sejarah yang dialami masyarakat Islam dalam berinteraksi dengan keadaan sosial budayanya sebagaimana pendapat beliau:

*"In the Islamic way of living there is no model except for the belief in God. Since the beginning of Islam living habits have been decided by geographical, regional and historical circumstances. Clothing, eating, living, building, and speaking have little or nothing to do with the belief system. In the contemporary Islam similar differences exist in many part of the world. The context of our discussion is necessarily historical; an Islamic expression in Architecture is cultural and historicist. Without historical reference and symbolism there is no Muslim form per se. There is no universal Islamic form."*¹⁵

Beliau juga melihat bahawa kajian sejarah belum dilakukan secara maksimum, dan melalui kajian yang lengkap dan komprehensif terhadap berbagai peninggalan sejarah akan memperolehi berbagai penyelesaian dan teori yang kaya dan kuat, sebagaimana pendapat beliau:

"The only reasonable defence for this conservative attitude may be formulated as follows: history presents a great number of solution which have never been exploited to their full potential. There are still possibilities for developing ancient themes. Their aesthetic appeal has not necessarily been exhausted, and they are moreover charged in a mosque, this concentration of memories, feelings, and emotion is a considerable asset for the final impact of the building on the beholders. Thus the use of traditional


¹⁴Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 73.

¹⁵Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 37.

patterns has its valid rationality. In this approach one may exclude or allow direct imitation.”¹⁶

Lisa Golombek juga menggunakan pendekatan klasik-sejarah dalam menterjemahkan Seni bina Islam. Dalam berbagai penulisannya, beliau banyak melakukan analisa fizik terhadap perkembangan motif dan dekorasi dari bangunan yang bercirikan Seni bina Islam. Walaupun tidak banyak menyentuh aspek nilai dari Islam namun penulisan beliau merupakan suatu bentuk dokumentasi yang akan sangat berguna bagi rujukan pada kemudian hari.¹⁷

Bentuk lain daripada pendekatan yang menggunakan pendekatan ini adalah yang dilakukan oleh Ahmet Gulgonen. Beliau menggunakan kaedah pendekatan yang disebut pendekatan morfologi yakni dengan mengklasifikasikan bentuk fizik dari pelan atau tampak dari pelbagai bangunan yang ada pada masa lampau daripada peradaban Islam. Teori dan pemikiran yang dihasilkan diperoleh dari sebuah analisa yang lebih mendalam tentang bentuk fizik daripada hasil klasifikasi tersebut. Beberapa contoh kajian beliau dapat dilihat seperti berikut:



Gambar 3.1 : Beberapa contoh analisa Morfologi yang dilakukan oleh Ahmet Gulgonen, pada bahagian kiri adalah tipologi lantai bangunan rumah yang menggunakan central plan sementara di bahagian kanan adalah tipologi lantai bangunan Masjid pada masa awal Ottoman di Turki.

Sumber : Prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 73.

¹⁶ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 133.

¹⁷ Lihat paper beliau: “*The Function of Decoration in Islamic Architecture*” pada simposium “Theory and Principle of Design in the Architecture of Islamic Societies, MIT, November 1987.

Masalah yang sering timbul pada pendekatan ini adalah ruanf lingkup kajian yang terbatas yang dapat dibuat dan kemungkinan kreativiti daripada produk kajianya. Pemikiran yang lebih banyak mengkaji aspek zahir objek kajian seringkali mengehadkan ruang gerak dan perkembangannya. Masalah lain yang juga sering timbul adalah kesesuaian pendekatan ini dalam mengantisipasi keperluan dan semangat sezaman terutama kerana kepesatan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi pada hari ini.

3.1.3 Pendekatan Hukum-Syari'ah dalam Seni bina Islam

Salah satu pendekatan yang juga juga seringkali digunakan dalam mempelajari dan menterjemahkan Seni bina Islam adalah pendekatan hukum dan Syari'ah. Pendekatan ini berakar dari sebuah pemahaman bahwa Islam merupakan suatu agama yang integral dengan keseharian kehidupan seorang Muslim kerananya sebagai sebuah agama sistem hidup semestinya ia juga mengatur tentang Seni bina. Secara prinsipalnya, pendekatan ini akan berusaha meneliti hukum-hukam dalam Islam yang berkaitan dengan Seni bina dan lingkungan binaan untuk kemudian dikembangkan kemudian sebagai landasan berpikir serta akar falsafahnya.

Permasalahan yang harus dihadapi oleh pemikiran ini adalah sebuah kenyataan bahwa Islam tidak secara spesifik mengatur masalah Seni bina. Hal ini disebabkan karena Seni bina merupakan suatu masalah yang bersifat *muamallah* atau masalah yang hanya menyangkut hubungan antara manusia. Dalam permasalahan ini garis panduan Islam secara jelas menegaskan bahwa setiap manusia boleh dan berhak melakukan apa yang diinginkan selagi hal tersebut tidak dilarang secara syariah. Hal ini jugalah Yusuf Qordhowi¹⁸ katakan yang menyebabkan Islam senantiasa sesuai dengan semangat se-zaman dan se-tempat. Ia adalah kerana Islam hanya mengatur hal-hal yang pokok dari kehidupan beragama umatnya.

¹⁸ Lihat penulisan beliau Qordhowi, Yusuf, *Agenda Permasalahan Umat*, Gema Insani Press

Berbeza dengan banyak agama lain yang mengatur kehidupan beragama umatnya secara sangat mendalam, Islam hanya mengatur secara mendalam hal yang bersifat hubungan antara manusia dengan Tuhan (Syariah) dan bukannya hal-hal yang bersifat muamallah. Hal inilah yang memungkinkan pengembangan sistem dan mekanisme bagi hal-hal yang bersifat hubungan antar manusia dan sosial.

Oleh karena Islam hanya mengatur masalah syariah secara mendalam namun lebih banyak memberi kebebasan pada hal-hal yang bersifat muamallah, maka banyak para pemikir yang menggunakan pendekatan ini kemudian berusaha menarik Seni bina Islam ke dalam batasan ruang lingkup kajian syariah atau berusaha mengaitkan antara keduanya dalam upaya mendapatkan sebuah formula yang sesuai dengan prinsip dan hukum dasar dari Islam. Karenanya diperlukan disiplin ilmu yang lain seperti sejarah, fizikal bangunan atau falsafah ruang untuk membantu proses pematangan daripada pendekatan ini.

Hal inilah yang seringkali menimbulkan suatu masalah, kerana seringkali pendekatan ini menjadi begitu terbatas tanpa sebuah ruang yang cukup bagi pengembangan di masa depan. Contoh yang paling ketara terlihat pada perancangan sebuah Masjid. Jika kita melihat masjid sebagai sebuah tempat sholat yang suci dengan segala keperluan yang menyertai kesuciannya tentu kita akan menghadapi sebuah masalah dalam pengembangannya. Lain pula halnya ketika kita mendefinisikan masjid sebagai sebuah pusat sosial masyarakat sudah tentu pendekatan kita terhadap perancangan ruang dalaman dan penyusunan ruangnya adalah berbeza.


Masalah yang juga penting dari pedekatan ini adalah kesesuaian pendekatan ini dengan semangat sezaman dan setempat. Sebagaimana pendekatan yang pertama pendekatan ini memerlukan sebuah bahasa yang mengaplikasikan pada teori dan falsafahnya secara tepat. Tanpa sebuah bahasa aplikasi yang sesuai tidak akan dihasilkan sebuah reka bentuk dan rangka pemikiran yang progresif dan sesuai dengan semangat se-zaman dan se-masa.

Besim Salim Al Hakim merupakan salah seorang pemikir yang menggunakan pendekatan ini. Dalam penulisan beliau *Arabic-Islamic Cities*, secara jelas dijelaskan bagaimana sebuah sumber yuridis digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam sebuah kota Islam. Sebagai contoh, ketika membicarakan tentang perancangan sebuah jalan beliau berpendapat:

*"Width
The Minimum width of 7 cubits (minimum dimension of 3.23-3.50) was established by the Prophet. I have earlier indicates this conditionas one of the important general principles which governed the three-dimesional quality of Arabic-Islamic city."*

*"Height
There was no specific saying of the Prophet that regulate this dimension, but the Fiqaha seem to agree that a person riding a camel should be able to pass through without obstruction. With reference to principle 8 (and its related note), the height of a fully loaded camel with a rider, or with a riding box for women correspondend to 7 cubits. This dimension was verified by studying various conditions for a number of Arab cities, particularly where there is Sabat (air right structure) over a street."¹⁹*

Pendapat beliau ini secara prinsipnya dijelaskan melalui gambar berikut:



Gambar 3.2: Lakaran yang menunjukkan bagaimana seharusnya ukuran minimum dari perancangan sebuah jalan menurut Besim Salim Al Hakim

¹⁹ Hakim, Besim Selim, Arabic-Islamic Cities, hal 24.

Sumber: Hakim, Besim Selim (1988), *Arabic Islamic City: Building and Planning Principles* hal 25

Walaupun penerapan dan konteks daripada kajian beliau memerlukan sebuah kajian lebih lanjut namun penulisan beliau merupakan sebuah usaha untuk menterjemahkan Seni bina Islam melalui pendekatan yuridis.

Jamel Akbar merupakan pemikir lain yang juga menggunakan pendekatan Yuridis dalam menterjemahkan Seni bina Islam. Sebagaimana Besim Salim Al hakim, beliau melihat kepada Al-Qur'an, Sunnah atau ijihad dari ulama dan hakim di masa lampau dalam menyelesaikan berbagai masalah yang ada dikalangan masyarakat sebagaimana penjelasan beliau berikut:

"The freedom of a party to act so long as it does not adversely affect others has led to the principle of the "right precedence." A property can carry the right adversely to affect the property of others within certain limits. Situation can arise where, of two adjacent properties, one has the right to affect the other, but not vice versa. For example, if a window in a person's house did not overlook a neighbor's cannot complain about violation of privacy and have the window sealed. Since the first person's act preceeded the second person's, it is the second who has to adjust. Another well-known principle derived from the Prophet's tradition is that "if two damage are concurrent, then the less severe should give way to the greater." The greater damage is the one that prevents a person from doing something in his property that would greatly benefit him; the lesser damage refers to the objection by the neighbor over some not too severe damage caused by that act."²⁰

Spahic Omer merupakan salah seorang pemikir yang juga menggunakan pendekatan ini dalam penterjemahan Seni bina Islam sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

"To be sure, studying the Islamic Built Environment by no means cannot be separated from the total framework of Islam: its genesis, history, ethos, worldview, doctrines, law and practices. Any approach by anybody and at any point of time with recourse to disconnecting the Islamic Built Environment from that which held sway over its conception and formation

²⁰ Lihat Paper beliau: *Accretion of Decisions: A Design Strategy* pada simposium "Theory and Principle of Design in the Architecture of Islamic Societies, MIT, November 1987.

*would undoubtedly result in failure and, may distort the real picture of subject matter and with it the picture of Islam.*²¹

Walaupun dalam beberapa penulisannya, beliau banyak menggunakan sumber-sumber agama seperti Al Qur'an dan Hadis sebagai dasar perdebatan intelektualnya. Namun penulis melihat perlunya kajian terhadap aspek seni bina yang lebih dalam mengaplikasikan dan menterjemahkan berbagai ide dan teori tersebut.

3.1.4 Pendekatan Metafizik-Ekspresionisme dalam Seni bina Islam

Pendekatan lain yang juga sering digunakan ketika membincangkan tentang Seni bina Islam adalah pendekatan Metafizik-ekspresionisme. Pendekatan ini merupakan sebuah usaha menterjemahkan Seni bina Islam melalui sebuah kajian yang mendalam tentang perasaan khusyuk, agung atau perasaan romantis lainnya yang dianggarkan dapat membentuk sebuah kerangka pemikiran dalam Seni bina Islam. Tujuan daripada pendekatan ini adalah menciptakan sebuah perancangan atau garis panduan perancangan yang mampu meningkatkan keimanan atau ketaqwaan dari seorang Muslim ketika menggunakan sebuah produk Seni bina yang dianggap sebagai Seni bina Islam.

Sesuai dengan namanya pendekatan ini lebih banyak menggunakan pendekatan metafizik dan spiritual dalam mendefinisikan Seni bina Islam. Oleh kerana berkaitan dengan perasaan dan sensitiviti, kita pendekatan ini seringkali sukar untuk didefinisikan dan distandardkan. Dalam perancangan sebuah bangunan aspek kualiti dan hierarki ruang menjadi sebuah elemen utama, sementara dalam penulisan dan kajian terjemahan daripada perasaan dan romantisme yang memegang peranan yang sangat penting.

²¹ Omer, Spahic, Studies in the Islamic Built Environment, page ix

Permasalahan daripada pendekatan ini adalah sebuah kenyataan bahawa seringkali pemikirannya seringkali terlalu subjektif dan sukar diukur. Ia hanya dapat dirasakan oleh orang tertentu saja kerananya seringkali menjadi suatu hal yang sangat elit. Sementara bahasanya tidak dapat dengan mudah difahami sehingga sukar di gunakan dan dijadikan sebuah standard bagi pengembangan pemikiran itu sendiri.

Seyyed Hossein Nasr dalam penulisannya "Islamic Art and Spirituality" berusaha melihat aspek metafizik dan sisi religius dari Islam. Beliau berusaha melihat aspek keagamaan yang disebut sebagai "*Islamic Spirituality*", sebagai sebuah aspek penting yang membentuk kesenian Islam, sebagaimana pendapatnya berikut:

*"...The art of Islam is Islamic art not because it was created by Muslim but because it issues forth from the Islamic revelation as do the Divine Law and the Way. This art Crystallizes in the world of forms the inner realities of the Islamic Revelation and, because it issues from the inner dimension of Islam, leads man to the chamber of the Divine Revelation. Islamic Art is a fruit of Islamic spirituality from the point of view of its genesis and so an aid, complement and support for the spiritual life from the vantage point of realization or return to the origin."*²²

Berbeza dengan pendapat para pemikir yang menggunakan aspek yuridis dalam pendekatan mereka tentang Seni bina Islam. Beliau melihat bahawa sumber *Syariah* dari Islam (*Divine Law*), hanya menyediakan batasan dan rambu-rambu serta tidak menyediakan landasan bagi kesenian Islam tersebut. *Al-Tariqah* atau *Islamic Spirituality* yang disebut menyediakan landasan dan jalan daripada penciptaan dan pengembangan kesenian Islam tadi.

*"The divine law plays a very important role in creating the ambience and background for Islamic art, and in setting certain limitation upon some arts while encouraging others. But essentially the Divine Law contain instructions for Muslims on how to act, not how to make things. Its role in art, besides providing the general social background, is in moulding the soul of the artist by imbuing it with certain attitudes and virtues derived from the Qur'an and the Prophetic Hadith and Sunnah. But it does not provide guidance for the creation of a sacred art such as that of Islam."*²³

²² Lihat Seyyed Hossein Nasr, Islamic Art and Spirituality, hal 7

²³ Lihat Seyyed Hossein Nasr, The Relation Between Islamic Art and Islamic Spirituality, hal 5.

Sikap beliau yang lebih melihat aspek metafizik dan spiritual terlihat pada beberapa pendapat beliau ketika membincangkan tentang beberapa elemen masjid seperti kubah, kaligrafi dan ornamentasi sebagaimana terlihat berikut:

“...It was this sanctification of the ground by the very act of the “Sujud” of the Blessed Prophet that bestowed a new meaning upon the ground and the carpet covering it. The carpet, whether of simple white colour or full of geometric and arabesque patterns and ornamentations, reflects Heaven and enables the Traditional Muslim who spends most of his time at home on the carpet to experience the ground upon which he sits as purified and participating in the sacred character of the ground of the mosque upon which he says.”²⁴

“There are many forms of mosque architecture, a fact which has been paraded by many scholars of Islamic Art as proof that Islamic Architecture is simply an outgrowth of historical accident. But whether in the classical domed mosque in which the centre of the dome symbolizes the One, and on a lower level the “ruh”. While the octagonal belt, upon which the dome usually rests, symbolizes the angelic order and the four-sided base the earth of the material world, or in the earliest mosque in which all the elements of the spiritual universe of Islam are not visually symbolized, there is an inner nexus between Islamic Architecture and Islamic cosmology and angelology.”²⁵

As for ‘ba’, the second letter of the alphabet, its very horizontality symbolizes the receptivity of the maternal and passive principle as well as the dimension of beauty which complements that of majesty. The intersection of the two letters constitutes the point which stands below the ‘ba’ and which symbolizes the supreme centre from which everything issues and to which everything returns...²⁶

Nader Ardalan menggunakan pendekatan yang hampir serupa dengan Seyyed Hosein Nasr. Dalam penulisan beliau *The Sense of Unity*, beliau berusaha mengungkapkan aspek spiritual dari berbagai perancangan pada bangunan peninggalan Seni bina Islam. Walaupun hanya dapat dirasakan (sukar untuk dibuktikan secara ilmiah), pemikiran beliau memiliki karakter pemikiran yang penting dalam perbendaharaan pemikiran Seni bina Islam. Berikut beberapa pendapat beliau terhadap aspek metafizik dalam Seni bina Islam:

²⁴ Lihat Seyyed Hossein Nasr, *The Principle of Unity and Sacred Architecture*, hal 39

²⁵ Lihat Seyyed Hossein Nasr, *The Principle of Unity and Sacred Architecture*, hal 41

²⁶ Lihat Seyyed Hossein Nasr, *The Spiritual Message of Islamic Calligraphy*, hal 31

*"Traditional man in Islamic society lives according to Divine Law; in addition, the man with a special vocation seeks the Truth through the way that exist as the inner dimension of the Law. The relationship between the Truth, the Way and the Law is best expressed through the symbol of the circle... The central postulate of the way is that there is a hidden meaning in all things. Each things has an outer as well as an inner meanining. Every external form is complemented by an innerreality which its hidden, internal essence. The zahir is the sensible form, that which emphasizes the quantitative aspect which is more readily comprehensible, such as the shape of building, the form of a pool, the body of man, or the outward from religious rite. The batin is the essential or qualitative aspect which all things posses."*²⁷

Sementara itu sebagai sebuah perwakilan dari aspek metafizik dalam pendekatan ini, beliau melihat simbolisme sebagai sebuah aspek yang sangat penting, sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

*"Symbolic forms, which are sensible aspect of the metaphysical reality of things, exist wether or not man aware of them- "man does not create symbols, he is transformed by them." The existence of symbols follows the inverse analogy of "that which is highest is reflected in that which is lowest"; that is, the lowest or material world reflects not only the world immediately above it but the world of the spirit, which stands at the highest level in the hierarchy of being below the Source, the Origin. A symbol stands in as close a relationship to the source as the leaves of a tree to its roots."*²⁸

Sebagai sebuah contoh daripada penggunaan simbol, Nader Ardalan melihat kubah sebagai sebuah contoh penggunaan simbolisme yang unik dan penting, sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

*"This symbolic function can readily be seen in the dome. Its shape is the "container." Bilt according to objective laws of mathematics and statics. It is the dome's unique function to encompass a hemispherical space while leading to central point. These inherent, permanent qualities of the dome should be understood as the microcosmic manifestation of the macrocosmic heavenly vault, the sky; together these qualities symbolize the Universal Spirit which encompasses the universe, the Source from which all creation emanated."*²⁹

Pemikir lain yang juga menggunakan pendekatan ini adalah Meer Mobashsher Ali. Dalam pelbagai penulisannya, beliau cuba memperkenalkan *Spirit*

²⁷ Ardalan, Nader, *The Sense of Unity*, hal 5.

²⁸ Ardalan, Nader, *The Sense of Unity*, hal 5.

²⁹ Ardalan, Nader, *The Sense of Unity*, hal 5.

of Islam sebagai sebuah elemen penting dalam perancangan sebuah bangunan atau pengembangan kerangka teori daripada apa yang disebut sebagai Seni bina Islam, sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

*"I would like to bring in new concept, the spirit of Islam. There cannot be any Islamic Architecture without the spirit of Islam. We know how cosmology and myth have influenced the built form of non Muslim societies. Myth are practically nonexistent in Islam....Symbolism, indigenous form, and superior craftsmanship do not totally form the basis of Islamic Architecture. It is the spirit of Islam and the philosophy of Islam that can provide the basis around which built forms might be generated."*³⁰

Jale Ezran mendefinisikan aspek metafizik dari Seni bina Islam (khususnya dalam perancangan sebuah masjid) sebagai sebuah perasaan naluri antara pengguna masjid dengan aspek fizik dari masjid itu sendiri, sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

*"This unity, in architectural terms, can be and has been, in the best example, concerned with two aspect of architecture. One is structural unity; the other represents the unity of the individual with the spiritual being. The latter is facilitated, in the case of the ritual in the mosque by a certain intimacy...the architect of the mosque was faced with double challenge: the construction itself and the creation of an intimate relationship through appeal to the senses. To the medieval architect who did not have todays advanced technology to achieve scale and constructional coherence, this was not only an engineering feat, but also a spiritual one, concerned with the power of faith."*³¹

Sementara Martin Frishman mendefinisikan aspek spiritual ini dengan sebuah standar pengukur yang beliau sebut *faithnometer* juteru penjelasan beliau seperti berikut:

"... please bear in mind that spirituality can exist without religion, but there is no such thing as religion without spirituality...Architect have an instruments, a little box with an attachment with two pins. Push these pins into any piece of wood, and the dial on the box gives you an accurate and immediate reading of the percentage moisture content of the piece of timber. Extremely useful. Inside my head I have created and installed, for my own

³⁰ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 72

³¹ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 142

*personal use, a somewhat similar instrument which I have called a "Faithnometer". When entering a mosque or church, I press a button on the faithnometer inside my head and the instrument gives me what I called "spirituality readings". I have entered innumerable mosque or churches and the spirituality rating has been zero, or practically zero. At other times I have stepped inside such a building and lo and behold-the needle on the dial gives a great leap-high spirituality reading! It happens very rarely and the building which has caused it to happen remains indelibly etched in my memory thereafter. It could be a gigantic Friday Mosque or a tiny desertMasjid, a massive cathedral, or a minute wayside chapel. Quality has nothing to do with size. The impact is immediate and breathtakingand here is the place, one feel at once, where man's spirit is born upwards and his miserable worldly burdens are momentarily forgotten and compensated.*³²

Dari sudut yang lain beliau secara tegas menolak pendekatan objek yang mengarah kepada simbolisme. Hal ini sangat menarik karena bertentangan dengan sebagian besar pemikir lain yang menggunakan pendekatan untuk kemudian membahasakannya melalui sebuah simbolisasi. Penolakan ini dilihat dalam pendapat beliau seperti berikut:

*"On the other hand, there is endless and irrelevant talk about symbolism. I say irrelevant firstly because in order to qualify as a mosque, a building does not need to wear a dome or sport a minaret, and secondly there is in all Islam one single, unmistakable and universally recognized symbol. A symbol's function is totally extrinsic, unlike a signwhere it is intrinsic. This means that an object can act as a symbol when , and only when, and only as long as you, the referent or viewer, imbue it with a specific meaning that goes beyond its basic existential form. A mosque without a minaret is still a mosque, but minaret without a mosque is just another tower. The only thing it could possibly become is a national and not religious symbol such as the spiral minaret at Samarra in Iraq.*³³

Walaupun agak sulit bagi penulis untuk mengklasifikasikan penulisan Titus Burckhardt dan Oleg Grabar kerana karakter dan kaedah pendekatan yang khas dari dua penulis ini, namun penulis merasa perlu mengklasifikasikan dua tokoh penting ini sebagai tokoh yang menggunakan pendekatan metafizik dan spiritual kerana kedua tokoh ini menekankan pada aspek non fizik dalam menilai suatu produk seni bina dan karya seni dari masyarakat Muslim.

³² Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 143-144

³³ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 144

Titus Burckhardt melalui berbagai penulisannya berusaha melihat aspek lain yang dalam pandangan beliau lebih hakiki ketika mendefinisikan suatu produk kebudayaan dan kesenian Islam sebagaimana pendapat beliau berikut:

*"The Substance of art is beauty; and this, in Islamic terms, is a divine quality and such has a double aspect: in the world, it is appearance; it is the garb which as it were, clothes beautiful beings and beautiful things; in God, however, or in itself, it is pure inward beatitude; it is the divine quality which among all the divine qualities manifested in the world, most directly recalls pure Being."*³⁴

Walaupun agak sulit bagi kita untuk mengukur dan mendefinisikan secara presisi konsepsi keindahan sebagaimana dikatakan oleh *burckhardt* diatas, namun pemikiran beliau memberikan sebuah masukan penting bagi perkembangan pemikiran Seni bina Islam di dunia.

Oleg Grabar pada sisi yang lain memperkenalkan sebuah kaedah yang cukup unik dan komprehensif dalam memahami suatu produk seni atau seni bina dari sebuah produk peradaban. Pemikiran ini secara berusaha melihat aspek lain dalam melihat sebuah artifak budaya yakni dengan melihat faktor-faktor, konteks dan kerangka pemikiran yang membentuk suatu produk kebudayaan tersebut bukan hanya melihat pada objek tersebut saja, sebagaimana dilihat pada pendapat beliau berikut:

"We have shown that it is not through works of art or monument but through the unfolding of certain political or other events that the very possibility of an Islamic art can be raised. We must, however, now ask ourselves whether there are monuments or related documents that may make it possible to answer the question posed by history."

Daripada sini dapat dilihat pandangan Oleg Grabar dalam melihat aspek lain di luar aspek fizik pada sebuah produk seni bina dan seni.


Keith Critchlow dalam menjelaskan aspek metafizik dari Seni bina Islam melakukan kajian terhadap makna skalar dari geometri yang lahir dari sebuah analisa yang rumit dari aspek astronomi dan kosmologi. Mengenai aspek spiritual

³⁴ Titus Burckhardt, *Art of Islam: Language and Meaning*, New York: World of Islamic Festival Publishing Company Ltd, 1976.

dari sebuah perancangan bangunan dalam konteks Seni bina Islam beliau menjelaskan sebagai berikut:

*"What stems from this is that we can then talk about intelligence in different ways. The intelligence of the mind of the cerebral intelligence, we have no reason to consider inferior or superior to the intelligence of faith unless taken alone. But there is another level with which all contemplatives are acquainted, and that is the intelligence of the heart. It is this intelligence which, I believe, operates in the master craftsman, which is one reason why he or she is not necessarily very verbal, or inclined to word explanations, and therefore the reason why there is traditionally no "art history" in Islam as a separate theoretic study and why we have so few documents left demonstrating the intellectual reasons for the structure and measuring of Islam design principles."*³⁵

Berikut beberapa gambar dari kajian beliau terhadap pergerakan bintang dan posisi zodiac yang membentuk geometri:



Gambar 3.3: Beberapa kajian yang dilakukan oleh Keith Critchlow yang berusaha melihat aspek sakral-geometri dari sebuah posisi bintang dan kosmologi.

³⁵ Lihat paper beliau: *Astronomical and Cosmological Symbolism in Islamic Patterns: The objectivity of Sacred Geometry*, pada simposium "Theory and Principle of Design in the Architecture of Islamic Societies", MIT, November 1987.

Sumber: Keith Critchlow, prosiding simposium “*Theory and Principle of Design in the Architecture of Islamic Societies*”, MIT, November 1987, hal 56.

Dari hasil kajian tersebut, beliau kemudian menemukan sebuah formula yang menyatakan bahawa geometri merupakan sebuah formula yang sangat sesuai untuk membangkitkan jiwa Seni bina Islam yang sebenarnya. Sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

“I get very excited when I look at an Islamic pattern. I find nothing less profound than Bach’s art of Fugue in it. The Mathematics of beauty has reached precisely the same degree of profundity. It can elevate the soul because it is a recognition of inner facts of created order. What is interesting about actual pattern in Persia is that the master mosaic artist has placed a “perfect pentagon inside every-pointed star, which I have been told represents the human beings whether there are “arms” or five, the heart is the same. That is the ingenuity of the artist, speaking an intensely felt language through the objectivity of Geometric symmetry.”³⁶

4.1.5 Pendekatan Regionalisme-Kawasan dalam Arsitektur Islam

Pendekatan yang juga banyak digunakan dalam menterjemahkan Seni bina Islam adalah pendekatan regionalisme-kawasan. Pendekatan ini melihat karakteristik penting dari kawasan untuk kemudian diambil sebagai landasan utama untuk perancangan mereka. Pendekatan ini lebih merupakan sebuah adaptasi terhadap situasi dan keadaan dari suatu kawasan.

Sebagaimana pendekatan klasik, pendekatan regional juga mengutamakan aspek sejarah namun pendekatan ini bukan hanya melihat pada aspek fizik dari peninggalan sejarah tersebut namun juga melihat bagaimana suatu bangunan di masa lampau tersebut berinteraksi dengan keadaan lingkungannya. Karenanya studi kasus

³⁶ Lihat prosiding simposium “*Theory and Principle of Design in the Architecture of Islamic Societies*”, MIT, November 1987, hal 56.


terhadap bangunan yang pernah dibangun di kawasan tersebut di masa lampau merupakan suatu dasar yang sangat penting.

Dalam perancangan sebuah bangunan pemilihan bahan dan kaedah pembinaan merupakan dua hal yang utama. Ketika merancang sebuah bangunan menurut pendekatan ini, bahan yang telah sedia ada yang ada pada tapak merupakan faktor utama yang harus di ambil kira. Penggunaan bahan tempatan akan menyebabkan modal pembinaan menjadi rendah karena modal pengangkutan dapat ditekan. Sementara kaedah pembinaan dan teknologi tempatan akan memudahkan dan mempercepat pembinaan karena bangunan dapat dibangun oleh tukang dan pembuat bangunan setempat.

Namun yang paling penting dari pendekatan ini adalah kesesuaian pendekatan ini dengan semangat setempat dimana bangunan tersebut dibina. Dengan kesesuaian ini diharapkan bangunan yang dihasilkan akan sesuai dengan situasi dan keadaan dimana ia dibina. Disamping aspek alamiah tadi pendekatan ini juga melihat keadaan sosial-masyarakat pun perlu diperhatikan, kerananya diperlukan kajian yang integratif dan komprehensif darinya.

Permasalahan yang sering timbul pada pendekatan ini adalah seringnya penggunaan bahasa dan teknologi setempat melahirkan rasa romantisme yang berlebihan. Rasa romantisme yang berlebihan akan menyebabkan suatu pemaksaan terhadap suatu sistem binaan atau bahan binaan tertentu yang dianggap unik dan khas dari suatu kawasan. Pemaksaan ini seringkali menyebabkan penyukaran modal pembinaan dan bahan serta waktu penggerjaan.

Apa yang dilakukan oleh Hassan Fathy dalam berbagai reka bentuknya merupakan suatu contoh Regionalisme dengan sebuah implikasi yang positif. Dalam desainnya Hassan Fathy telah melakukan kajian terhadap sistem binaan kuno dari Negara Timur Tengah iaitu keadaan setempat namun dengan harga yang murah dan dapat terjangkau oleh masyarakat dengan kemampuan ekonomi yang lemah. Hal ini memberikan sebuah bahasa tambahan yang penting dan berguna bagi Seni bina Islam.



Gambar 3.4: Beberapa bangunan hasil desain Hassan Fathy yang mengoptimalkan sistem pembangunan setempat dalam upaya menghasilkan sebuah rumah yang terjangkau bagi masyarakat dengan ekonomi lemah.

Sumber: www.google.com

Sebagaimana Hassan Fathy, Asaduz Zaman juga merupakan salah seorang pemikir yang menggunakan pendekatan ini, hal ini terlihat dari pendapat beliau berikut ini:

*"Islam profess purity. If we look at the built form of the early Islamic period in the Middle Eastern countries, we see that the forms used (domes, arches, walls) as well as the construction techniques, reflect the materials and methodology available at the time, as well as the climatic requirements. In the same fashion the Great Mosque of Yogyakarta, with its use of timber and forms such as the pitched roof and large overhangs, is a pure reflection of the technology and climatic conditions of the area and an uplifting experience. Also the Yaama Mosque in Africa, with its use of mud and timber, creates a pure form of design the way it should be. Nowadays we see lots of false image of Islamic Architecture that do not stem from the local technique or materials. Often a dome or a pitched roof seen on the outside is in fact built over a flat concrete roof on the inside. Only when building traditions are respected can the internal space have spiritual quality."*³⁷

Mohammad Danisworo merupakan pemikir lain yang juga menolak pendekatan objek yang beroorientasi ke Timur Tengah di Indonesia. Beliau lebih melihat potensi dari sebuah kawasan sebagai modal perancangan yang lebih progresif di masa depan. Hal ini terlihat dalam penulisan beliau berikut:

³⁷ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 148

*"Trying to impose the meaning of Islam by imposing or borrowing images from Middle Eastern countries will only produce a pseudo-Islam in Architecture. It is the meaning behind an expression that is important and not the resulting form. Form can be anything; it depends on tastes or the ways the designer interprets the teachings of Islam. Therefore, let the relationship between the meaning of Islam and its visual/physical expression be determined by socio-cultural forces of the region, allowing for the rich variety of Islamic architectural that will reflect the Islamic value which are understood and accepted by people who build and use this architecture."*³⁸

3.1.6 Pendekatan Modern-Kontekstual dalam Arsitektur Islam

Pendekatan yang juga digunakan ketika berbicara tentang Seni bina Islam adalah pendekatan moden. Naluri daripada pendekatan ini adalah semangat untuk menghasilkan sebuah karya dan pemikiran serta teori Seni bina Islam yang sesuai dengan kehidupan masyarakat moden. Secara prinsipilnya sebenarnya pendekatan ini mirip dengan pendekatan yang dilakukan oleh gerakan Seni bina moden di Eropah dan Amerika pada awal abad ke 20.

Karakter pertama dari pendekatan moden adalah penolakan terhadap penggunaan sejarah sebagai landasan kajian Seni bina Islam. Produk sejarah Seni bina Islam dilihat sebagai suatu yang sudah tidak sesuai dengan semangat sezaman ketika ini. Manusia moden tentu memiliki gaya hidup, karakter dan pemikiran yang berbeza dengan manusia di masa lampau, kerananya diperlukan suatu Bahasa Seni bina yang berbeza dari Bahasa Seni bina di masa lampau.

Karakter yang lain daripada pendekatan ini adalah penolakan terhadap pendekatan obyek dalam menterjemahkan Seni bina Islam. Oleh kerananya ia lebih memilih untuk melihat nilai-nilai moral dan falsafah di dalam Islam sebagai bahan bagi pemikiran mereka. Dari satu sudut yang lain memang pendekatan secara nilai

³⁸ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 42.

akan memerlukan terjemahan dan kajian lebih jauh jika dibandingkan dengan pendekatan objek namun pendekatan ini menawarkan sebuah pintu ijihad dan kreativiti yang lebih luas. Oleh kerana pendekatan ini memungkinkan sebuah akulturasi atau penggunaan bahasa budaya yang sama untuk kemudian diaplikasikan dalam bahasa Seni bina .

Seiring dengan penolakan terhadap objek dari pendekatan moden sebagaimana disebutkan sebelumnya, pendekatan ini tidak terlalu mempersoalkan aspek simbolisme dan romantisme dalam perancangannya. Aspek fungsi lebih dilihat sebagai sebuah aspek yang lebih penting dari sekadar simbolisme dalam perancangan sebuah bangunan.

Karakter lain daripada pendekatan moden yang juga terlihat adalah suatu usaha untuk menarik para arkitek dan pemikir untuk memikirkan masalah sosial yang ada dalam masyarakat. Seni bina diperlakukan sebagai suatu bidang yang akrab dengan orang awam. Bahasa dan pemilihan karakter sebuah bangunan tidak lagi semestinya elit dan hanya dapat dipahami oleh arkitek atau orang-orang yang mengecap pendidikanSeni bina namun juga harus dapat dinikmati oleh orang awam terhadap bidang ini.

Ismail Serageldin dalam beberapa penulisannya terlihat menggunakan pendekatan ini. Pada salah satu penulisannya yang berjudul "*Islamic Culture and Non-Muslim Contributions*",³⁹ beliau memperlihatkan "bagaimana semu-nya sebuah objek sebagai sebuah acuan", jika kita membincangkan tentang Seni bina Islam. Beberapa simbol dan objek yang tearangan difahami sebagai sesuatu yang Islami seperti elemen dari Masjid atau bahkan pakaian seorang ulama ternyata merupakan sebuah simbol dan elemen dari suatu peradaban atau bahkan agama lain. Oleh kerananya beliau secara tegas menolak pendekatan objek-sejarah dalam menterjemahkan Seni bina Islam sebagaimana pendapat beliau berikut:

"There are many ways of providing better mosques and area of congregration that respond to the need of Muslim societies to anchor their

³⁹ Lihat Ismail Serageldin, Space for Freedom: The Search for Architectural Excellence in Muslim Societies, hal 226-227.

*self identity into structures built today and that speak to them and their children as eloquently as the symbol of the past did to their parents and their grandparents. Only by freeing the imagination and creativity of architects will this type of architecture make its all-important contribution to an integrated and integrative contemporary Muslim culture.*⁴⁰

*"I think therefore that we are not trapped and falling into developments patterns of the past but we can learn how to move from traditional western pattern by creating new patterns, to be accommodated to each society."*⁴¹

Sementara mengenai penggunaan simbol dalam perancangan, beliau melihatnya sebagai sesuatu yang tetap diperlukan namun dapat dibahasakan dengan bahasa yang lebih baik dari sekadar peniruan dan daripada yang ada di masa lampau, sebagaimana pendapat beliau berikut:

*"The problem of designing the key building of a Muslim community involve many issues. The continuity of key symbolic elements (minaret, dome, gateway, and mihrab) can be transformed without being degrade and can be retained while voided of their content. It is the skill of the architect, the depth of their understanding of and and their affinity with the communities concerned that makes the different between kitsch and creativity.*⁴²

Isu tentang Seni bina yang lahir dan senantiasa berbicara dalam konteks sosialnya (dan bukannya sekedar seni dan subyek yang elit saja) sebagaimana yang dibawa oleh gerakan Seni bina Moden di Eropah dan Amerika juga dilihat pada beberapa pemikiran beliau diantaranya sebagai berikut:

*"It is absolutely essential that we do not fall into the trap of looking at architecture out of the societal context in which it exist. If we do that, then we will fall into a sterile debate about forms; we will lose sight of the social reality that this architecture is supposed to address.*⁴³

*"Architecture cannot be divorced from the cultural reality. Architecture is a reflection of society's aspiration and is as much a mirror to that reality as it is to what it does...."*⁴⁴

⁴⁰ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 17.

⁴¹ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 104

⁴² Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 16.

⁴³ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 31

⁴⁴ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 45

Gulzar Haider merupakan salah seorang arkitek yang juga dilihat menggunakan pendekatan ini, penolakan beliau terhadap sejarah dilihat jelas pada pendapat beliau berikut ini:

*"My total knowledge of the Muslim architectural tradition was based on my memories of Lahore, and my visual encounter with Pope's Survey of Persian Art and Architecture. But who cared about tradition then. I had not traveled across the oceans only to recall my past. I was totally innocent even of the potential choice between the old and the new. Old was the "problem", and solutions lay the newness, the differentness in modernity."*⁴⁵

Dalam berbagai perancangannya seperti *The Islamic Center* di Arkansas dan *Mosque of national Society of North America (ISNA)* di Indiana beliau menunjukkan suatu bahasa yang baru dalam merancang sebuah masjid. Beliau memberikan sebuah imej moden pada berbagai bangunan yang dirancangnya.

Mengenai perancangan sebuah Masjid, beliau membahagi kepada dua pendekatan sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

"There are generally two positions held by the protagonist of a mosque as an essential symbol of Islamic presence; one that whishes change through technology and modernity, and the other that aims for recognizable imagery. The first forms the majority and upholds change and adaptability as a strong formative force in all spheres of its newly adopted life in the non-Muslim West. And it is precisely this pursuit of novelty, as an end in itself, that has produced mosque with flying saucer domes and rocket minarets. The pursuit of the modern minaret is in itself indicative of the compulsion to seek change lest lack of change be taken as a sign of stagnation and cultural death. The demand for visual authenticity in the mosque, however, has intensified over the last decade. In the western world it is not so much a new commitment to tradition but the result of emerging assertiveness of the Muslim community. Of course, the postfunctionalist search for "meaning" and return of the "philosophical inquiry" through architecture have been timely for the emergent discourse on Islamic architecture. It is no longer a taboo, as it was in the sixties and early seventies, to be designing a place for religious in

⁴⁵ Lihat kertas kerja beliau: "Brother in Islam, Please Draw us a Mosque" Muslim in the West: A Personal Account, Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990

the sixties and early seventies, to be designing a place for religious worship and spiritual contemplation.”⁴⁶

Sementara pendapat beliau tentang kosmologi Arsitektur Islam dapat dilihat pada pendapat beliau berikut:

“In conclusion, we may say that Islamic architecture, beyond of the essential of functional appropriateness, ecology harmony, and technical finesse, developed distinct qualitative attributes, some of which have been discussed here. Islam is a God-directed social order, and its creative expression remains disciplined by its ethical aspirations. Its aesthetic is primarily esoteric. Its architecture has placed emphasis on the inner and the hidden. If God is beautiful and loves Beauty and if this God has chosen to be hidden, then his servants must prefer beauty that is veiled. If he is zahir only through the effect of his sifat, then the architecture must be apparent only through the phenomena it precipitates and the states of mind that it evokes.”⁴⁷

Kamil Khan Mumtaz juga merupakan seorang Arsitek yang menentang interpretasi obyek terhadap Arsitektur Islam. Hal ini terlihat dalam penulisannya “The Islamic Debate: Architecture in Pakistan” yang berusaha membedakan antara apa yang menjadi produk dari masyarakat Islam dengan produk dari nilai dan prinsip Islam. Sebagaimana pendapatnya berikut ini:

“If “Islam” pertains to religion of Islam, and “Muslim” to the people who profess Islam, then the term “Islamic architecture” would apply to buildings inspired by Islamic religious thought and practice, and intended to serve an Islamic religious purpose, whereas, “Muslim Architecture” would be the more appropriate term applicable to all buildings associated with Muslim as a people or peoples.”⁴⁸

Walaupun sering berinteraksi dengan teknologi dan faham fungsionalisme sebagaimana beliau nyatakan berikut ini:

⁴⁶ Lihat paper beliau: “Brother in Islam, Please Draw us a Mosque” Muslim in the West: A Personal Account, Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990

⁴⁷ Lihat paper beliau: Islam Cosmology and Architecture pada simposium “Theory and Principle of Design in the Architecture of Islamic Societies”, MIT, November 1987.

⁴⁸ Lihat Kamil Khan Mumtaz, The Islamic Debate: Architecture in Pakistan, hal 41.

“Like so many others of my generation, I was schooled in the theory of the Modern Movement. Our aesthetic was ruled by scientific logic, and our design methods sought to emulate the efficient system of the machine age.”⁴⁹

Namun beliau tetap melihat keperluan untuk memperhatikan masalah budaya dari masyarakat yang menjadi konteksnnya, sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

“Function and technology are indeed important determinant of built form. But the function of buildings as a means of communication, as vehicle for conveying a message, must be recognized as at time the ultimate determinant of architectural form. An architecture based on appropriate technology will fail to convey its message unless it also employs a language that is appropriate and meaningful in the context of specific culture.”⁵⁰

Permasalahan yang sering timbul dari pendekatan ini adalah seringkali elemen dan bahasa moden yang digunakan terlalu baru dan progresif sehingga menjadi suatu bahasa yang elit dan sukar difahami oleh masyarakat awam. Diperlukan sebuah proses transformasi yang lebih peduli dengan situasi dan hubungan sejarah di masa lampau bagi memudahkan proses pencernaan bahasa seni bina yang digunakan bagi masyarakat awam.

3.1.7 Pendekatan Progresif dalam Seni bina Islam

Pendekatan yang juga digunakan dalam tafsiran Seni Bina Islam adalah yang disebut sebagai pendekatan progresif. Pendekatan ini memiliki banyak mirip dengan pendekatan moden, namun ia lebih melihat keadaan semasa dan perkembangan dari masyarakat Islam untuk kemudian diterjemahkan dalam produk Seni binanya.

⁴⁹ Lihat paper beliau: Islam Cosmology and Architecture, simposium “*Theory and Principle of Design in the Architecture of Islamic Societies*”, MIT, November 1987.

⁵⁰ Lihat paper beliau: Islam Cosmology and Architecture, simposium “*Theory and Principle of Design in the Architecture of Islamic Societies*”, MIT, November 1987.

Pendekatan ini banyak berinteraksi dengan pemahaman yang bercabang senantiasa membahagi pendapatnya kepada dua kutub yang berbeza. Sebagai contoh, pendekatan ini membahagi Umat Islam kepada dua bahagian iaitu masyarakat Islam yang tradisional dengan yang moden. Masyarakat Islam menyerupai dengan masyarakat yang sebelumnya dan rendah tingkat pendidikannya. Sementara Masyarakat Islam Modern sebaliknya. Sementara dari segi pemikirannya pendekatan ini lebih membagi Umat Islam ke atas Umat Islam yang radikal dengan liberal.

Ciri lain dari pendekatan ini adalah banyak dari ide-ide dan pemikirannya yang mengambil pelajaran dari perkembangan budaya yang ada di Barat, secara khususnya perkembangan pemikiran agama Kristian. Beberapa kajian dari pendekatan ini mengambil beberapa pemikiran orientalis sebagai akar kajianya.

Mohamad Arkoun merupakan salah seorang pemikir yang terlihat menggunakan pendekatan ini. Dalam berbagai penulisan dan pendapat, beliau banyak menggariskan ide-ide dan pemikiran untuk melihat Islam sebagai sebuah agama yang progresif dan bukannya sebuah keyakinan ritual dan kepercayaan tradisional belaka, sebagaimana beberapa pendapat beliau berikut:

"I never said that the Quran and Hadith were irrelevant to modern times. What I said was that the Quran is what we call a religious discourse, that is, a linguistic concept which requires a linguistic analysis. We need a new rhetoric, we need a new syntax, we need a new theory of metaphors which is central to all languages. We need to know what is happening with linguistic as it studied today by specialist.⁵¹

"The fact is that intellectual and scientific expression of Islamic thought is still limited to a few books published by isolated scholars, Muslim and Non Muslim. Ancient texts written by great classical thinkers are edited but not yet studied with the new scientific tools and methodology that I have mentioned."⁵²

"It was the modernist crisis in Christianity; Christian theologians rejected the historicity of the revelation of faith of dogmatic beliefs just as Muslims are rejecting it today. Through passionate debates between theologians and historians, philosophers and sociologists, Christian thought became more and

⁵¹ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 70

⁵² Lihat paper beliau: Islamic Cultures, Developing Societies, Modern Thought pada Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990.

more open to modernity and had to integrate historicity as a dimension of all human activities and ideas.”⁵³

“Also there is a certain vocabulary that has not yet been used and which should be used. Historicity is one and we call it change. Ali Shuaibi has asked why should we consider change because we all live in historical societies. Human beings have historical dimensions and historical dimensions, and historicity touches everything including religion, spirituality, and the Quran itself. Professor Kuban has mentioned that what is said in the Quran should be unchangeable. But the Quran itself is engaged in historicity and we find within it the principle of change. Certain revealed verses were replaced by more appropriate or better ones.”⁵⁴

Mohammad Al-Asad merupakan pemikir lain yang juga menggunakan pendekatan ini. Dalam berbagai penulisannya, beliau mencuba mengambil pelajaran dari perkembangan pemikiran yang terjadi di Barat untuk diguna pakai kemudian dalam pembentukan teori Seni bina Islam, sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

“The issue of attempting to link the theology of a religion or the science of a culture with its architectural production is a very delicate issue, as we have to establish empirical data that connect the two. In that sense it is very interesting to look at the work of the art historian Panofsky, who has connected scholasticism—the philosophical movement of the medieval period around the twelfth or thirteenth century—with Gothic architecture. He has taken the writings of scholastic philosophers and of people who wrote about architecture, such as Abbott Sujet, and he has shown that there is a correlation and that we can connect, for instance, Christian theology of the twelfth and thirteenth centuries with Gothic Architecture. We have not done such a thing in Islamic world yet. We have not explored our scientific background, our historical background, our theological background, and then tried to create very clear links with architecture.”⁵⁵

Permasalahan dari pendekatan ini adalah kenyataan bahwa Islam memiliki karakter yang cukup berbeza dengan Kristian, kerananya memerlukan sebuah pendekatan dan terjemahan yang berbeza dalam memahami berbagai teori dan pemikiran Islam sehingga dapat diperoleh sebuah pemikiran dan teori yang lebih kukuh dan integratif.

⁵³ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 28.

⁵⁴ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 44.

⁵⁵ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 39.

3.2 Kesimpulan

Aspek dokumentasi merupakan suatu hal yang sangat penting dalam setiap kajian tentang sejarah dan peradaban. Dalam dokumentasi tentang sejarah Arsitektur, dokumentasi terhadap aspek non fizik yang berupa pemikiran dan falsafah tidak kurang pentingnya dari dokumentasi terhadap aspek fizik seperti bangunan dan kaedah pembinaan.

Terdapat berbagai usaha klasifikasi terhadap Seni bina Islam, namun klasifikasi tersebut sebahagian besar hanyalah klasifikasi terhadap aspek fizik bangunan, sementara tipologi bangunan yang dipilih juga sebahagian besar tertumpu pada masjid dan bukannya bangunan Islam yang lain.

Daripadauraian di atas dapat kita lihat bahawa terdapat pelbagai pendekatan-pendekatan yang diambil dalam menterjemahkan Seni bina Islam. Sesuai dengan keluasan ilmu dari Islam itu sendiri, pendekatan-pendekatan ini berakar dari bagaimana terjemahan yang berbeza-beza terhadap Islam sebagai bahagian daripada sistem hidup penganutnya. Dari uraian tersebut juga dapat kita lihat bahawa banyak faktor di luar Islam turut mempengaruhi berbagai pemikiran dan falsafah dalam Seni Bina Islam.

BAB EMPAT

KLASIFIKASI WACANA SENI BINA ISLAM DI MALAYSIA

4.0 Pendahuluan

Tujuan utama dari penulisan kertas kerja ini adalah menjelaskan pelbagai pendekatan dan pemikiran yang berkembang di Malaysia berkenaan dengan Seni bina Islam dewasa ini. Kajian ini sangat penting bagi memahami corak pemikiran, karakter dan interpretasi dari Senibina Islam yang ada di Malaysia.

Kajian ini merupakan salah satu bagian yang terpenting dari pembahasan tesis ini. Pembahasannya akan terbahagi atas pendekatan klasik sejarah, deskripsi fizikal, Pendekatan Metafizikal-Ekspresionisme, Pendekatan Hukum-Syari'ah, Pendekatan Regionalisme-Kawasan, Pendekatan Moden-Kontekstual dan Pendekatan Konservasi dan Penggunaan Kembali

3.1 Pendekatan Klasik-Sejarah,

Sebagaimana yang telah dibahaskan pada pelbagai pendekatan dan interpretasi terhadap Seni bina Islam di dunia dan Indonesia, pendekatan yang paling banyak digunakan dalam menginterpretasikan dan memahami perkembangan Seni bina Islam di Malaysia adalah pendekatan klasik sejarah. Sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya pendekatan ini berusaha melakukan penyelusuran sejarah dan mengambil pelajaran dari peristiwa di masa lampau tersebut bagi perancangan dan pengembangan teori dan pemikiran di masa depan.

Contoh individu dan orang yang paling sesuai dan penting bagi pendekatan ini di Nusantara mungkin adalah Abdul Halim Nasir¹. Beliau adalah seorang pengembara dan penulis aktif untuk Muzium Negara yang banyak membuat dokumentasi terhadap pelbagai bangunan yang ada di Nusantara. Dalam pelbagai penulisannya, beliau banyak memberikan sebuah analisa deskriptif terhadap pelbagai bangunan yang beliau temui. Diperkuatkan lagi dengan gambar-gambar dan lukisan pelan dan potongan, kajian yang beliau lakukan merupakan suatu usaha dokumentasi yang sangat penting.

Sebagaimana yang dilakukan oleh KAC Cresswell dalam pelbagai laporan perjalannya, apa yang dilakukan oleh Abdul Halim Nasir memberikan sebuah gambaran yang luas dan butiran kepada kita tentang kepelbagaiannya Seni bina Islam di Malaysia, bermula dari masjid, madrasah, sekolah agama hingga ke makam dan monumen peninggalan masyarakat Muslim.

Kelebihan utama dari pendekatan yang beliau lakukan adalah memungkinkan sebuah kajian silang yang integral antara suatu produk dan pemikiran Seni bina Islam pada suatu kawasan dengan kawasan atau daerah yang lain. Perkara ini sangat penting bagi penyelusuran bukti sejarah dan otentifikasi terhadap suatu butiran peristiwa tertentu. Kelebihan yang lain dari pendekatan ini

¹ Lihat Abdul Halim Nasir, *Seni Bina Masjid Tradisional*, Dewan Budaya Jun 1990, Abdul Halim Nasir, *Surau dan Madrasah: Pusat Ibadah dan Percambahan Ilmu*, Dewan Budaya September 1990, Abdul Halim Nasir, *Rumah Melayu dan Sentuhan Islam*, Dewan Budaya Disember 1992, Abdul Halim Nasir, *Masjid Agung Banten*, Dewan Budaya Jun 1993, Abdul Halim Nasir, *Masjid Agung Demak*, Dewan Budaya Julai 1993, Abdul Halim Nasir, *Masjid Aceh*, Dewan Budaya Ogos 1993, Abdul Halim Nasir, *Pengaruh Gunung dalam Seni Bina Islam*, Dewan Budaya Mei 1996.

adalah ia menjadi komponen yang sangat penting bagi proses dokumentasi perkembangan Seni bina Islam di Nusantara.

Permasalahan dari pendekatan yang beliau lakukan adalah ianya lebih melihat pada aspek fizikal bangunan saja. Kajian terhadap faktor-faktor di luar aspek fizikal dari bangunan dapat di lihat masih kurang. Disamping itu Abdul Halim Nasir tidak pernah menerima pendidikan sebagai seorang arkitek itulah sebabnya interpretasi senibina beliau dirasakan kurang dalam kebanyakan deskripsinya. Namun sekali lagi, sebagai sebuah usaha dokumentasi, apa yang beliau lakukan merupakan sebuah usaha yang sangat penting dalam mendokumentasikan perkembangan bangunan Seni bina Islam yang ada di Malaysia.

Contoh lain dari penulisan yang menggunakan pendekatan ini dapat ditemui di dalam penulisan Zaen Kasturi dan Zunaidah Zainon. Sebagaimana yang dapat kita lihat pada beberapa petikan penulisan mereka berikut:

“Masjid agung ini dibina semasa pemerintahan Sultan Suleyman 1 (The Magnificent), oleh arkitek bernama Sinan dari tahun 1550 hingga 1557...Sultan Suleyman menerima hadiah Shah Tahmasp itu, lantas menyerahkannya kepada arkitek kesayangannya Sinan. Katanya, “Gunakanlah batu ini untuk membina menara masjid ini.” Sinan pun menggunakan barang hadiah Shah Tahmasp itu untuk membina menara masjid tersebut.”²

“Masjid istimewa ini dibina oleh Hasan Bek iaitu gabenor terakhir di Jaffa, tidak lama selepas British menduduki Palestin pada November 1917. Hasan bek adalah pemerintah yang bercita-cita tinggi untuk membangunkan bandar purba tersebut sekalipun dalam keadaan sukar hingga membawa kepada Perang Dunia Pertama.”³

Penulisan Zaen Kasturi lebih banyak mendominasi Dewan Budaya pada tahun 1996⁴ serta penulisan Zunaidah Zainon yang banyak mendominasi Utusan Malaysia pada tahun 2006⁵ merupakan sebuah usaha dokumentasi penting yang

² Lihat Zaen Kasturi, *Masjid Suleymaniye dari Sentuhan Sinan*, Dewan Budaya April 1996

³ Lihat Zunaidah Zainon, *Masjid Hasan Bek Tidak Tenggelam Dek Kemajuan*, Utusan Malaysia 13 September 2006

⁴ Lihat Zaen Kasturi, *Masjid Suleymaniye dari Sentuhan Sinan*, Dewan Budaya April 1996, Zaen Kasturi, *Kota Padang Pasir*, Dewan Budaya Julai 1996 dan Zaen Kasturi, *Masjid Biru Askar enam Menara*, Dewan Budaya September 1996.

⁵ Zunaidah Zainon, *Masjid Hasan Bek Tidak Tenggelam Dek Kemajuan*, Utusan Malaysia 13 September 2006, Zunaidah Zainon, *Masjid Diraja Sultan Sulaiman* kekalkan Pengaruh Seni Bina British, Utusan Malaysia 23 Agustus 2006, Zunaidah Zainon, *Kubu Lota Kaherah Struktur Terhebat Tamadun Islam*, Utusan Malaysia 14 Juni 2006, Zunaidah Zainon, *Sabil Umm Abbas dibina pada Abad 19*, Utusan Malaysia 7 Juni 2006, Zunaidah Zainon, *Masjid Jama Masjid Tertua di Delhi*,

menggunakan pendekatan ini. Namun berbeda dengan Abdul Halim Nasir yang lebih banyak memfokuskan objek kajiannya pada produk dan pemikiran Seni Bina di Nusantara, kedua penulis ini justru lebih banyak memfokuskan kajian mereka kepada Seni bina yang ada di Timur Tengah dan Tanah Arab.

Penulisan lain yang dilakukan dalam bentuk penulisan akademik dapat ditemui pada penulisan Zulkifli Hanafi pada bukunya “Seni Bina Islam”, pada buku tersebut beliau mendefinisikan Seni bina Islam sebagai:

“Seni Bina Islam merangkumi semua wilayah yang mengamalkan prinsip Islam dari Maghribi hingga ke Kepulauan Melayu terdiri daripada pelbagai kebudayaan menjadikan hasil seni binanya begitu beraneka dan kepelbagaian, dicorakkan oleh kebudayaan setempat.”⁶

Walaupun lebih merupakan kajian yang merangkum aspek sejarah saja, namun penulisan ini sangat penting bagi khazanah penulisan Seni bina Islam di Malaysia.

Contoh penulisan yang lain dari pendekatan ini dapat dilihat pada penulisan Ramly Matzin⁷, Rusilawati Kamarudin⁸ dan Mohd Zamberi bin Malek⁹. Ketiga-tiga Penulisan ini berusaha melakukan sebuah penyelusuran terhadap sejarah, asal bentuk dan kerangka morfologi dari Seni Bina Tradisional yang termasuk di dalamnya pelbagai masjid yang ada di Nusantara.¹⁰

Penulisan yang lain, yang juga dapat dimasukkan dalam kategori ini adalah penulisan yang dilakukan oleh Shaharom Husain¹¹ dan Zakaria Ali¹². Namun kajian yang dilakukan lebih memfokuskan pada Seni bina Islam yang wujud di Timur

Utusan Malaysia 31 Mei 2006, Zunaidah Zainon, *Masjid Sultan Haji Ahmad Shah diiktiraf SIRIM*, Utusan Malaysia 3 Mei 2006, Zunaidah Zainon, *Rumah Mandi Hamam Semakin Dilupakan*, Utusan Malaysia 14 April 2006, Zunaidah Zainon, *Masjid Hassan II Tersergam Indah*, Utusan Malaysia 8 Maret 2006, Zunaidah Zainon, *Masjid Istiqlal symbol kemerdekaan Indonesia*, Utusan Malaysia 22 February 2006, Zunaidah Zainon, *Masjid Az-Zubir Ibnu Awwam diimarah pelbagai program*, Utusan Malaysia 11 February 2006, Zunaidah Zainon, *Masjid Al-Azim-Mercu tanda Melaka*, Utusan Malaysia 22 June 2005.

⁶ Zulkifli Hanafi (2006), *Seni Bina Islam*, Kedah: Amber-Solaria Publication

⁷ Ramly Matzin, *Ciri-ciri Seni Bina Tradisional-Suatu Catatan Singkat*, Dewan Budaya, Julai 1979.

⁸ Rusilawati Kamarudin, *Di sebalik Tabir Masjid Lama Melaka*, Dewan Masyarakat September 1996.

⁹ Mohd Zamberi bin Malek, *Masjid Tua di Kaki Gunung Bundo*, Majalah Dewan Budaya Mei 1991.


¹⁰ Penulisan lain sejenis dalam bentuk yang lebih sederhana juga dapat ditemukan pada penulisan Azimin Daud, Kubah, Dewan Budaya Jun 2001 dan Abdul Hadi Yusoff, *Kampung Laut: Gerbang Timur Tamadun Melayu*, Julai 2003.

¹¹ Shaharom Husain, *Masjid Abu Bakar: Menimba Ilham dari Asia Barat*, Dewan Budaya Mei 1982.

¹² Zakaria Ali, *Seni Reka di dalam Pembinaan Tamadun Islam*, Dewan Budaya Mei 1991.

Tengah dan cuba diambil pelajaran bagi perancangan Seni bina Islam di Malaysia.¹³ Penulisan sejenis yang juga penting dapat dilihat pada penulisan Raja Mohd Affandi¹⁴ yang menggunakan pendekatan yang sama namun dengan objek kajian yang lebih luas iaitu perancangan perkotaan.

Dalam dunia praktikal arkitek, pendekatan ini banyak digunakan pada beberapa perancangan masjid kontemporer di Malaysia seperti Masjid Putra, Masjid Wilayah dan beberapa Masjid Negeri. Beberapa masjid karya arkitek Baharuddin Kassim (setelah Masjid Negara¹⁵) seperti Masjid Sultan Abdul Azis Shah di Shah Alam juga kelihatan merupakan sebuah pengolahan semula maksud terhadap beberapa bahasa seni bina yang terdapat pada bangunan Seni bina Islam di masa lampau.



Gambar 4.1: Contoh beberapa masjid dengan pendekatan Klasik Sejarah di Malaysia: Masjid Shah Alam dan Masjid Wilayah Persekutuan.

Sumber: Arkib Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, FAB, UTM

4.2 Pendekatan Deskripsi-Fizikal

Pendekatan yang kedua yang juga berkembang di Malaysia dalam menginterpretasikan Seni bina Islam di Malaysia adalah pendekatan deskripsi


¹³ Penulisan lain yang sejenis dapat ditemui pada penulisan Muhammad Yamin Ismail, *Projek Pembesaran Masjid di Madinah*, Ad-Dakwah Julai 1992 dan Jufitri Joha, *Masjid Agung Cordoba dalam Kenangan*, Utusan malaysia, 14 February 2006. Namun kedua penulisan ini hanya merupakan penyelusuran sejarah dan deskripsi obyek dan peristiwa di Timur Tengah tanpa berusaha mengaitkannya dengan yang ada di Malaysia.

¹⁴ Raja Mohd Affandi, *Perancangan Bandar Islam*, Dewan Masyarakat April 1979.

¹⁵ Masjid Negara memperlihatkan sebuah pendekatan dan desain yang sangat berbeda (pendekatan Seni bina Modern) jika dibandingkan dengan beberapa karya Arsitek Baharuddin di kemudian hari.

fizikal. Sebagaimana pendekatan sejenis di Indonesia, pendekatan ini berusaha mendeskripsikan suatu pemikiran atau produk dari Seni bina Islam sedalam dan selengkap mungkin. Contoh terbaik dari pendekatan ini adalah apa yang dilakukan oleh Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), Universiti Teknologi Malaysia. KALAM berusaha mendokumentasikan pelbagai jenis bangunan tua yang ada di Malaysia. Dokumentasi ini dibuat dengan melakukan pengukuran dan pelukisan semula terhadap bangunan tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh KALAM ini sangat penting kerana ia memuatkan deskripsi yang sangat mendalam terhadap sejarah, kepemilikan hingga struktur dan ornamentasi pada bangunan-bangunan tersebut. Hingga ke sat ini KALAM sudah memiliki koleksi bangunan lebih dari 330 bangunan pelbagai jenis seperti rumah, bangunan institusi, bangunan perdagangan, istana, bangunan ibadah dsb. Walaupun tidak secara khusus melakukan dokumentasi terhadap bangunan Seni bina Islam saja namun pelbagai kajian dan usaha dokumentasi ini sangat penting kerana termasuk di dalamnya pelbagai bangunan Seni bina Islam tradisional seperti masjid, sekolah agama, rumah ulama dan pelbagai monumen masyarakat Muslim seperti pemakaman dan wakaf.



Gambar 4.2: Contoh dokumentasi butiran yang dilakukan Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu terhadap Masjid Kampung Hulu (pelan tapak, pelan, tampak, aksionometri, keratan dan butiran).

Sumber: Arkib Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), UTM

Kekurangan yang boleh di lihat dari kajian ini sebagaimana juga dapat di lihat pada pendekatan fizikal pada pemikiran Seni bina Islam di Indonesia adalah bahawa kajian ini lebih banyak melihat deskripsi fizik dari bangunan-bangunan tersebut tanpa melakukan kajian lebih jauh terhadap aspek pemikiran dan konteks sosialnya. Namun sebagai sebuah kajian awal kajian ini sangat penting sebagai bahan baku dari pelbagai kajian yang yang lebih mendalam selanjutnya.

Contoh penulisan dan kajian lain yang juga kelihatan menggunakan pendekatan ini namun dalam bentuk yang relatif sederhana dapat dilihat pada penulisan yang dilakukan oleh Abu Yazid Abidin¹⁶ dan Meor Hamzah Abubakar¹⁷. Dalam artikelnya yang membahaskan tentang perkembangan Masjid Negara kedua penulis ini dapat di lihat menggunakan pendekatan ini dengan memberikan sebuah deskripsi butiran tentang proses pembuatan dan deskripsi fizikal dari masjid tersebut.

Contoh penulisan dengan pendekatan sejenis yang lain dapat dibezakan atas kajian yang berusaha menggambarkan produk Seni bina Islam tradisional di masa lampau dan kajian yang membahaskan produk Seni bina Islam moden di masa sekarang.

Contoh penulisan dan kajian yang berusaha membahaskan secara deskriptif produk Seni bina Islam di masa lampau adalah penulisan yang dilakukan oleh Ishak Abdul Azis¹⁸, Wan Sulaiman Wan Ibrahim¹⁹, Azman Ibrahim²⁰ dan Siti Ainiza Kamsari²¹. Beberapa penulisan sejenis yang berusaha membahaskan bangunan di masa lampau namun dalam konteks bangunan yang terletak di luar negara dapat ditemui pada penulisan Faridah Idris²², Zanifah MD Nor²³, Imam Al-Guani²⁴ dan Siti Ainiza Kamsari²⁵.

Sementara contoh penulisan yang lain berusaha menggunakan pendekatan deskripsi dari bangunan yang ada dewasa ini. Penulisan dengan pendekatan ini

¹⁶ Abu Yazid Abidin, *Masjid Negara*, Dewan Masyarakat Ogos 1965.

¹⁷ Meor Hamzah Abubakar, *10 tahun Masjid Negara*, Menara 1976.

¹⁸ Ishak Abdul Azis, *Seni Bina Masjid Melayu Lama*, Dewan Budaya November 1979.

¹⁹ Wan Sulaiman Wan Ibrahim, *Masjid Jamek Bandar Kuala Lumpur*, Menara 1978.

²⁰ Azman Ibrahim, *Masjid tertua Melaka pertahankan Seni Bina Tempatan*, Utusan Malaysia, 5 April 2006.

²¹ Siti Ainiza Kamsari, *Masjid Sultan Abdul Samad*, Utusan Malaysia, 26 Oktober 2004.

²² Faridah Idris, *Turki punya 25,000 Buah Masjid*, Dewan Budaya, March 1988.

²³ Zanifah MD Nor, *Masjid Agung Xi'an dibayangi dinasti silam*, Utusan Malaysia 18 April 2005.

²⁴ Imam Al-Guani, *Kehebatan Masjid Baiturrahman*, Utusan Malaysia 21 Januari 2005.

²⁵ Siti Ainiza Kamsari, *Masjid Besar Djenn-Seni Bina lumpur terbesar di dunia*, 4 November 2004.

dapat ditemui pada penulisan Kamarudin Mat Akib²⁶, Azmi Abdul Malek²⁷, Marzuki Yusoff²⁸ dan Siti Ainiza Kamsari²⁹.

Beberapa penulisan yang juga menggunakan pendekatan deskripsi fizikal, namun tidak secara spesifik berbicara tentang Seni bina dapat ditemukan pada penulisan Achmad Moerdijat³⁰, Syed Tuseef Ahmad³¹ dan Siti Ainiza Kamsari³². Penulisan Achmad Moerdijat dan Siti Ainiza berbicara tentang elemen keindahan dalam Seni bina Islam sementara penulisan Syed Tussef Ahmad berusaha mendeskripsikan perancangan perkotaan yang berciri keislamam. Sekalipun tidak secara spesifik membahaskan aspek seni bina, ketiga penulisan ini memberikan sumbangan yang penting dalam pembentukkan bahasa dan pendekatan dalam Seni bina Islam.

4.3 Pendekatan Metafizikal-Ekspresionisme

Sebagaimana juga telah dijelaskan dalam pelbagai pendekatan dan interpretasi terhadap Seni bina Islam di Indonesia, di Malaysia terdapat juga pendekatan metafizikal dan ekspresionisme dalam menginterpretasikan Seni bina Islam. Pada prinsipnya pendekatan ini di Malaysia sama dengan apa yang ada di dunia dan Indonesia. Namun aspek metafizikal yang berkembang di Malaysia lebih mirip dengan apa yang ada di Indonesia yakni mendapatkan banyak pengaruh dari agama Hindu dan Budha yang sebelumnya telah wujud di Nusantara.

²⁶ Kamarudin Mat Akib, *Masjid Kristal siap akhir tahun*, Utusan Malaysia, 25 April 2006.

²⁷ Azmi Abdul Malek, *Masjid Jamek Al-Ansar Masjid Terbaik Negeri Perak*, Utusan malaysia, 30 November 2005.

²⁸ Marzuki Yusoff, *Masjid Islam Hadhari Sedia Warung Teh Tarik*, Utusan Malaysia 11 April 2005.

²⁹ Siti Ainiza Kamsari, *Surau presint 8-mendamaikan jemaah yang bermunajat*, Utusan Malaysia 13 Oktober 2004.

³⁰ Achmad Moerdijat, *Elemen Air dalam Seni Bina Islam*, Kertas Kerja pada Seminar Seni Bina Islam, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Kuala Lumpur, 21 July 2003.

³¹ Syed Tuseef Ahmad, *In search of an Islamic City: Mith and Reality*, kertas kerja pada International Conference on Islamic Built Environment, “Transformation and Challenge”, 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia

³² Siti Ainiza Kamsari, *I-NAI Venture bangkitkan Seni Ornamen Islam*, Utusan Malaysia, 29 June 2006.

Contoh paling penting dari pendekatan ini adalah penulisan yang dilakukan oleh Nakula. Dalam penulisan-penulisannya Nakula berusaha mendalami sisi sufisme dari pengalaman ruang dari pelbagai masjid yang ada di Malaysia, sebagaimana dapat di lihat pada penulisan beliau berikut:

“Tema penting dari kebudayaan orang-orang Melayu purba ialah “Zat Allah” dan hubungannya dengan “Alam” atau dapat disingkatkan dengan “Allah dan alam” atau lebih singkat lagi “Allah dan Muhammad”. Mereka mempunyai satu konsep tentang ini yang tiada dikenali lagi oleh jenerasi moden. Konsep ini kita istilahkan disini dengan “Konsep ketuhanan dan kealaman”

Konsep ini diperlambangkan dengan beberapa lambang dan yang amat penting dari segala-galanya ialah lambang “Bunga teratai 12 kelopak”.

Tangkainya yang ghaib bersama pangkal kelopak dan dua kelopak terbawah melambangkan “Tingkat Ketuhanan”, manakala tiga tingkat ke atas bersama rahim bunga melambangkan “Tingkat kealaman”.

Ambil sekuntum bunga teratai yang dijadikan lambang ini, lengkupkan mukanya ke bawah, ia akan menjadi suatu bentuk bangunan masjid tradisi Masjid Kampung Laut.

Bila bunga teratai terlungkup ini telah bertukar menjadi sebuah masjid, konsep ketuhanan dan kealaman itu dapat diuraikan seperti di bawah ini.”³³

Nakula berusaha menjelaskan bagaimana kosmologi masyarakat Melayu Islam dan bagaimana ia berinteraksi dalam membentuk ruang spiritual pada rumah dan masjid. Walaupun agak sulit untuk difahami kerana terlalu bersifat sufistik namun kajian beliau sangat penting untuk memahami sisi lain dari senibina Masjid, sebagaimana dapat di lihat pada pendapat beliau tentang eksterior Masjid kampung Laut berikut:

“Yang dimaksudkan dengan bahagian luar ini ialah bentuk bangunan keseluruhan Masjid kampong Laut dipandang dari luar. Bangunan ini mempunyai tujuh tingkat serupa dengan tingkat-tingkat yang terdapat pada sekuntum bunga teratai. Tingkat-tingkat ini bahagian pula kepada dua tingkat penting: 1. Tingkat Ketuhanan dan Tingkat Kealaman.

Tingkat Ketuhanan

Tingkat ini terdiri dari tiga tingkat sebagai berikut:

1. Tingkat yang pertama. Tingkat kosong dari sesuatu, tingkat yang tiada dapat digambarkan atau diuraikan sama sekali. Inilah tingkat Zat Allah. Tingkat ini dinamakan “Tingkat Ahadiyah”.

³³ Abdullah bin Mohamed (Nakula), *Senibina Islam-Aplikasi di Malaysia*, Konferensi Internasional untuk Islam dan Teknologi, UTM, 1972-1982, hal 7.

2. Tingkat yang kedua. Tingkat lahirnya seorang tokoh yang menjadi hakikat bagi seluruh alam, “Hakikat Muhammadiyah”, hakikat Nabi kita Muhammad (s.a.w.). Tingkat ini diperlambangkan dengan buah butun bahagian atas, jadi dia adalah tingkat wujudnya sesuatu yang bersifat (berupa) dari Zat Allah yang tiada bersifat (berupa) itu. Tingkat ini disebut “tingkat Wahdah.”
3. Tingkat yang ketiga. Tingkat lahirnya hakikat yang baik dari hakikat Muhammadiyah itu. Tingkat ini diperlambangkan dengan buah butun bahagian bawah yang lebih besar dari bahagian atas itu, tingkat ini disebut “Tingkat Wahadiyah.”³⁴

Contoh lain dari penulisan yang juga menggunakan pendekatan ini adalah penulisan yang dilakukan oleh Abdul Rahman Rukaini³⁵ dan Jaacob Yusof³⁶. Pada kedua penulisan tersebut dapat di lihat sebuah usaha untuk melihat lebih jauh esensi dan makna di sebalik pelbagai produk peradaban Islam dimasa lampau.

Penulisan lain yang juga menggunakan pendekatan ini namun dalam bentuk yang lebih abstrak dapat ditemukan pada penulisan yang dilakukan oleh Wan Musa Jusoh³⁷. Pada penulisannya Wan Musa Jusoh berusaha memberikan beberapa pengertian dan definisi keindahan untuk beberapa karya seni dan seni bina dari persektif Islam dan peradaban Barat.

Penulisan lain yang juga menarik dalam konteks Malaysia adalah apa yang dilakukan oleh Ezrin Arbi³⁸. Dalam penulisan beliau *Cosmology in the indigeneous Architecture of The Malay Archipelago*, beliau berusaha memberikan sebuah gambaran dan kajian tentang aspek kosmologi dan spiritual masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. Kajian seperti ini sangat penting bagi memahami lebih jauh dan dalam keadaan Masyarakat Melayu di masa lampau bagi pembentukkan kerangka dan perancangan Seni Bina Islam di masa depan, sebagaimana pendapat beliau berikut:

"When discussing Islamic impulses in architecture, I believe the relevance of being in Malaysia as a so called Islamic nation is very appropriate. There have been many instance when we began to loose interest or turn away if the subject Islamic Architecture is being discussed. The question is whether 'to dome or not to dome' a mosque. That seemed to have taken centre stage when it comes to the 'form' of a building and whether the measure of 'Islamic' architecture can be judged by its form and function. In this kertas kerja I would present some findings that prescribe certain basic

³⁴ Abdullah bin Mohamed (Nakula), *Senibina Islam-Aplikasi di Malaysia*, Konferensi Internasional untuk Islam dan Teknologi, UTM, 1972-1982, hal 9.

³⁵ Abdul Rahman Rukaini, *Masjid: Kepelbagaiannya dalam Kesatuan*, Dewan Budaya Jun 1979.

³⁶ Jaacob Yusof, *Seni Bina dalam Tamadun Islam*, Dewan Budaya Mei 1983.

³⁷ Wan Musa Jusoh, *Mencari Pengertian Indah*, Dewan Budaya Januari 1982.

³⁸ Ezrin Arbi, *Cosmology in the indigeneous Architecture of The Malay Archipelago*, paper pada Nahdah: Islamic Impulses in Malaysian Architecture, Balai Seni Lukis, 18 dan 19 March 2003

aspects of architectural forms indigeneous of the region, the Malay Archipelago.”³⁹

Beliau mendefinisikan Seni bina yang khas dari Seni bina Islam yang ada di kepulauan Malaysia ini sebagai *Cosmologi in the Indigeneous Architecture*, sebagaimana pendapat beliau berikut:

“By referring to cosmology, the cosmos, it discusses physical forms to certain extent. However, the examples are taken into context to precede the adoption of Islam in the early part of last millennium, therefore distancing itself from the debate of Islamic Architecture. I hope it will pave the way to discussing the more important issue of Islamic impulses, or values, that determine how architecture process takes place.”⁴⁰

Penulisan lain yang juga dapat di lihat menggunakan pendekatan ini namun dalam bentuk yang lebih aplikatif dapat dilihat pada penulisan Affendi Ismail⁴¹. Pada penulisannya ini Affendi Ismail berusaha merealisasikan pelbagai falsafah dan prinsip asas Islam dalam perancangan rumah kediaman.

4.4 Pendekatan Hukum-Syari’ah

Pendekatan yang lain dalam menginterpretasikan Seni bina Islam adalah pendekatan Hukum dan Syari’ah. Pendekatan ini meletakkan Hukum dan Syariah Islam sebagai sumber dan rujukan utama dari pelbagai pemikiran, teori dan falsafahnya. Dibandingkan dengan pendekatan yang lain, mungkin pendekatan inilah yang secara jelas dan tegas memberikan batasan dalam perancangan sebuah bangunan dalam kerangka Seni bina Islam.

Permasalahan dari pendekatan ini adalah batasan rujukan dan memerlukan banyak kovergensi dan penyesuaian dalam melahirkan pelbagai pemikiran dan teori dari pendekatan ini. Banyak kes memerlukan ijihad dan pola pikir baru kerana kes-kes tersebut tidak pernah terjadi dalam sejarah Islam sebelumnya. Selain itu

³⁹ Ezrin Arbi, *Cosmology in the indigeneous Architecture of The Malay Archipelago*, paper pada Nahdah: Islamic Impulses in Malaysian Architecture, Balai Seni Lukis, 18 dan 19 March 2003, hal 1.

⁴⁰ Ezrin Arbi, *Cosmology in the indigeneous Architecture of The Malay Archipelago*, paper pada Nahdah: Islamic Impulses in Malaysian Architecture, Balai Seni Lukis, 18 dan 19 March 2003, hal 1.

⁴¹ Affendi Ismail, *Kembali kepada asas kediaman Islam*, Utusan Malaysia 2 February 2006.

interpretasi dan pemahaman yang sempit terhadap Syariah Islam tanpa melihatnya dalam konteks yang lebih luas akan membatasi ide bahkan mempersulitkan lagi pengembangan pelbagai teori dan pemikiran Seni bina Isla kerana sebuah kajian silang dari pelbagai disiplin ilmu diperlukan bagi memperkayakan lagi pendekatan ini. Namun sebuah pemahaman yang luas yang disertai sebuah asas Syariah yang kuat akan menghasilkan sebuah teori dan pemikiran Seni bina Islam yang kukuh.

Spahic Omer mungkin merupakan salah seorang ahli fikir yang juga menggunakan pendekatan ini dalam menginterpretasikan Seni bina Islam sebagaimana pendapat beliau berikut ini:

“To be sure, studying the Islamic Built Environment by no means cannot be separated from the total framework of Islam: its genesis, history, ethos, worldview, doctrines, law and practices. Any approach by anybody and at any point of time with recourse to disconnecting the Islamic Built Environment from that which held sway over its conception and formation would undoubtedly result in failure and, may distort the real picture of subject matter and with it the picture of Islam.”⁴²

Walaupun dalam beberapa penulisannya, beliau banyak menggunakan sumber-sumber agama seperti Al Qur'an dan Hadis sebagai asas perdebatan intelektualnya. namun penulis melihat keperluan kajian terhadap aspek seni binaal dari pelbagai rujukan yang lain untuk mengaplikasikan dan menginterpretasikan pelbagai ide dan teori tersebut.

Penulisan lain yang juga menggunakan pendekatan ini dapat dilihat pada penulisan Azizi Haji Abdullah⁴³, Akmal Haji Mohd Zain⁴⁴, Shaikh Suhaib Hasan⁴⁵ dan Che Min Bin Che Mad⁴⁶. Keempat penulisan ini berusaha memperjelas dan mendefinisikan kembali fungsi dan peranan masjid dari perspektif dan sudut pandang Islam. Walaupun keempat penulisan ini hanya mengkhususkan pembahasannya pada masjid, namun keempat penulisan ini memberikan sebuah gambaran tentang bagaimana contoh penggunaan pendekatan syariah dalam menginterpretasi sebuah Seni bina Islam.

⁴² Omer, Spahic, *Studies in the Islamic Built Environment*, page ix

⁴³ Azizi Haji Abdullah, *Kembalikan Masjid pada Fungsinya*, Al Islam Ogos 1988.

⁴⁴ Akmal Haji Mohd Zain, *Manfaatkan Masjid untuk Perpaduan*, Dakwah Disember 1984.

⁴⁵ Shaikh Suhaib Hasan, *Masjid sebagai Tempat Peribadatan*, Dakwah, Mei 1990.

⁴⁶ Che Min Bin Che Mad, *Fungsi Masjid dalam Islam*, Menara 1977.

Penulisan lain yang dapat di lihat menggunakan pendekatan ini namun dalam bentuk yang lebih umum dan lebih luas adalah apa yang dilakukan oleh Wan Salleh Wan Ibrahim⁴⁷. Dalam penulisan beliau *Shariah values in the Natural and Built Environment: A Re-Emphasis*, beliau berusaha memperbesar peranan Syari'ah dalam melahirkan sebuah pemikiran dan teori Seni bina Islam. Syari'ah dikatakan merupakan sebuah asas berpijak yang kukuh bagi kelahiran pelbagai teori dan falsafah Seni bina Islam sebagaimana pendapat beliau berikut:

*"The greatest threat facing humanity today is environmental consumerism that wasteful and destructive. Islam's strength in buttressing this universal scourge lies in its shariah. The concept of a clear hierarchy of Islamic values may not be fully realised without enlightenment on the role of the Islamic in tempering such expression. The Islamic Shariah, emanating from Qur'an, the final word of God through the Last prophet, established clear lines of consumer desirability and its apportionment of value in society. Modern consumerism in today's society has the tendency to obfuscate value system and consumer value distinctions. Until and unless a fully enlightened emmah realised the important role of the Shariah, the whole temper of Muslim societies become lopsided in its exploitation of natural resources resulting in disharmonies in built structures within cities."*⁴⁸

Penulisan yang cukup ekstrim dari pendekatan ini adalah yang dilakukan oleh Mohamed Talhah⁴⁹. Dalam penulisannya beliau berusaha memurnikan nilai-nilai Islam dari pengaruh-pengaruh lain yang dalam pandangan beliau akan merosakkan kemurnian dan kesucian Islam sebagai agama yang sudah lengkap dan sempurna. Sebagaimana pendapat beliau berikut:

"Walaupun begitu terdapat juga keadaan di mana senibina untuk tujuan penghayatan Islam dibina oleh non-Muslim. Di dalam suasana di mana sudah terdapat ramai senibinawan Islam di dalam di luar Negara, keadaan ini agak menyedihkan. Yang paling dikesali ialah penonjolan yang di bawa oleh orang yang tidak memahami Islam. Kerana hasil-hasil dari non-Muslim ini kerap dijadikan contoh dan rujukan di dalam memahami "Senibina Islam" oleh ramai yang menginginkan jalan pintas ke arah pemahaman sesuatu perkara.

Dengan kesedaran inilah saya memberanikan diri untuk mengajak semua yang terlibat dengan senibina persekitaran agar bekerjasama membentuk

⁴⁷ Wan Salleh Wan Ibrahim, *Shariah values in the Natural and Built Environment: A Re-Emphasis* kertas kerja pada International Conference on Islamic Built Environment, "Transformation and Challenge", 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia

⁴⁸ Prof. Madya. Dr. Wan Salleh Wan Ibrahim, *Shariah values in the natural and built-environment: A Re-emphasis*, kertas kerja pada Ringkasan dari Nahdah: Islamic Impulses in Malaysian Architecture, Balai Seni Lukis, 18 dan 19 March 2003

⁴⁹ Prof. Madya. Dr. Mohamed Talhah, *Islamic View of Planning for the Natural and Built Environment* kertas kerja pada Ringkasan dari Nahdah: Islamic Impulses in Malaysian Architecture, Balai Seni Lukis, 18 dan 19 March 2003

persekitaran yang tercerna dari jiwa-jiwa Islam. Tetapi oleh kerana sebahagian dari jiwa-jiwa tersebut sudah dicemari oleh caca-merba fahaman asing, Islam, dan apatah lagi fahaman "senibina Islam", kini bercampur adur benar dengan salah. Kerana itu telah menjadi tanggung jawab setiap Muslimlah untuk memurnikan semula jiwa-jiwa ini."

Pendekatan seperti ini sebenarnya positif ketika berada dalam kerangka tauhid dan memperjelas kemurnian Syariat Islam, namun akan memberikan banyak batasan dalam pembentukkan kerangka pemikiran dan rekonstruksi proses berfikir bagi pembentukkan kerangka teori dan pemikiran Seni bina Islam nantinya.

4.5 Pendekatan Regionalisme-Kawasan

Walaupun tidak banyak penulisan dengan pendekatan ini yang penulis temui di Malaysia, namun pendekatan yang juga penting penting dalam mendefinisikan Seni bina Islam di Malaysia adalah pendekatan Regional Kawasan. Berbeza dengan apa yang terjadi di Indonesia yang banyak mempropagandakan Seni bina khas dari pelbagai daerahnya, penulis tidak menemui banyak penulisan yang berusaha mempropagandakan dan mengangkat karakter dan ciri khas kawasan dan regionalisme Malaysia sebagai bahan dan pendekatan dalam mendefinisikan Seni bina Islam.

Beberapa penulisan yang penulis temui sebahagian besarnya merupakan sebuah penulisan yang mengangkat aspek sejarah atau hanya merupakan sebuah deskripsi dari suatu bangunan yang memiliki karakter Seni bina Islam di Malaysia baik itu merupakan bangunan di masa lampau atau bangunan kontemporari.⁵⁰

Dalam dunia praktis seni bina contoh perancangan yang menggunakan pendekatan ini dapat dilihat pada perancangan Masjid ASPA di Pahang yang dilakukan oleh Jimmy Lim dan Masjid Negeri di Melaka yang berusaha mengangkat bentuk dan karakter masjid tradisional Malaysia..

⁵⁰ beberapa contoh penulisan dengan pendekatan sejarah dan deskripsi fizikal bangunan telah dibahas pembahasan pada pendekatan-pendekatan sebelumnya.



Gambar 4.3: Bangunan Seni bina Islam dengan pendekatan Regionalisme-Kawasan di Malaysia, Masjid ASPA di Pahang (Kiri) dan masjid negeri Melaka.

Sumber: Arkib Pusat kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), UTM.

Permasalahan yang sering timbul pada pendekatan ini adalah kekerapan penggunaan bahasa dan teknologi setempat melahirkan rasa romantisme yang berlebihan. Rasa romantisme yang berlebihan akan menyebabkan suatu pemaksaan terhadap suatu sistem konstruksi atau bahan binaan tertentu yang dianggap unik dan khas dari suatu kawasan. Pemaksaan ini seringkali menyebabkan peningkatan kos pembinaan dan bahan serta waktu penggerjaan.

4.6 Pendekatan Moden-Kontekstual

Pendekatan lain yang juga signifikan bagi perkembangan pemikiran Seni bina Islam di Malaysia adalah apa yang disebut dengan pendekatan Moden-Kontekstual. Pendekatan ini banyak melihat masalah kontemporer dan isu semasa dari pelbagai elemen Seni bina Islam. Ia berusaha memberikan sebuah penyelesaian yang dirasakan lebih sesuai bagi keadaan dan masyarakat moden dewasa ini.

Berlandaskan kepada *spirit of the time* dan *spirit of the place*, pendekatan ini berusaha menghasilkan sebuah kerangka pemikiran dan usulan perancangan yang dapat diterima oleh masyarakat moden dewasa ini. Kelebihan dari pendekatan ini adalah kemampuannya untuk menyesuaikan diri dengan situasi dan keadaan yang ada pada masyarakat moden di pelbagai tempat dan pada pelbagai masa. Dengan sebuah pemahaman yang integratif pendekatan ini dapat menjadi suatu alat

yang sangat efektif untuk diterapkan dalam pelbagai kes dan solusi perancangan. Permasalahan yang sering timbul dari pendekatan ini adalah bercampurnya pelbagai pemikiran, baik yang berasal dari dalam maupun Islam sehingga membuka peluang dari terjadinya percampuran atau sinkretisme dari pelbagai pendekatan yang ada.

Contoh terbaik dari pendekatan ini di Malaysia dapat ditemui pada pelbagai penulisan yang dilakukan oleh Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. Pada salah satu penulisan beliau yang utama yakni "Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat", Mohamad Tajuddin berusaha mendefinisikan apa sebenarnya fungsi masjid berasaskan fungsi asal Masjid Rasulullah dengan melakukan kajian yang mendalam terhadap Al-Qur'an dan Sunnah. Melalui penulisan-penulisannya beliau berusaha mengembalikan masjid ke fungsi asalnya yakni sebagai pusat pembangunan masyarakat yang meliputi aspek ibadah dan Muamalah dari kehidupan Ummat. Beliau juga banyak mengkritik masjid-masjid moden Malaysia yang hanya merupakan sebuah peniruan dari Senibina yang ada di Timur Tengah, kerana tidak memiliki semangat setempat dan sezaman di Malaysia. Kajian beliau sangat penting kerana memungkinkan sebuah pengembangan perancangan masjid moden yang ada sekarang dan di masa depan.

Mohamad Tajuddin memulakan kajiannya tentang Seni bina Islam kepada kajian tentang Hadits. Pembahasan tentang Al-Qur'an merupakan suatu kajian yang sangat penting sebagai asas dan asas dari kajian tentang apa sebenarnya Seni bina Islam. Namun penjelasan yang ada pada Al-Qur'an merupakan sebuah penjelasan yang sangat umum. Ia berbicara tentang prinsip asas dan nilai-nilai ideologi yang sangat menasas dan menjadi inti dari Islam oleh kerana itu memerlukan sebuah garis panduan yang lebih teknikal dan strategik untuk mengaplikasianya.

Garis panduan yang lebih teknikal tadi ialah Hadits. Hadits merupakan sebuah sumber yang lebih mendalam dan aplikatif dalam memahami Seni bina Islam, oleh kerana itu sebagai sebuah sumber tentu ia lebih sederhana dan aplikatif. Sebagaimana pendapat beliau berikut:

...al-Hadith tidak harus diketepikan dalam penulisan akademik tentang seni bina Islam. Tindakan mengetepikan pertimbangan hadith disebabkan oleh faktor lain. Pertama, niat penulis seni bina Islam. Kebanyakan penulis seni bina Islam menganggap Islam bagaikan bahan ilmiah lain yang boleh meningkatkan kepentingan akademik mereka. Mereka mengandaikan bahawa penulisan tentang seni bina Islam tidak ada perbezaan langsung jika

dibandingkan dengan penulisan tentang seni bina renaissance, Eropah, atau kurun ke-20.

Kedua, penulisan seni bina Islam tidak gemar merujuk kepada hadith kerana mereka tidak dapat mencari “modal menarik” yang boleh dijadikan bahan perbincangan. Yang dimaksudkan dengan “modal menarik” ialah bahan penulisan yang boleh mlariskan jualan buku dan menggiatkan lagi industri pelancongan. Itulah sebabnya mengapa kebanyakkan dokumentasi mengkhusus kepada binaan seperti istana, masjid besar, makam, dan terutama perhiasan. Penulis seni bina Islam tidak gemar merujuk kepada zaman Nabi Muhammad dan para sahabat kerana terlalu sedikit atau ketiadaaan langsung bangunan atau ukiran hebat pada waktu itu. Baginda dan sahabat tidak pernah tinggal di dalam istana atau mahligai mewah, tidak pernah merancang reka bentuk perbandaran secara besar-besaran seperti di Versailles dan kota raya Washington D.C. Bangunan terbesar yang pernah dibina oleh titik peluh dan tangan baginda sendiri ialah masjid di Madinah yang bertiang batang pokok kurma serta berbumbung daun dari pohon yang sama tidak ada sebarang “ukiran” atau hiasan pun yang boleh dijadikan tarikan pelancong. Betapa kecilnya kamar isteri baginda dapat dibayangkan dengan jelas daripada hadith yang diriwayatkan oleh Sayidatina Aisyah, iaitu setiap kali baginda rukuk atau sujud, Aisyah terpaksa menarik kakinya. Tidak hairanlah mengapa penulis sejarah seni bina Islam amat gemar mcedok bahan kajian dan penulisan dari zaman kegemilangan kebendaan yang mempunyai tarikan yang lebih kuat.”⁵¹

Hal lain yang juga cukup menarik dari pendekatan yang dilakukan oleh Mohamad Tajuddin adalah ia banyak memasukkan unsur dan pemahaman di luar Islam sebagai suatu kesatuan pemahaman yang integratif. Kaedah ini sebenarnya memiliki potensi sinkretisme jika kita tidak dapat melihatnya secara utuh dan memahami betul akar dari masalah serta sumber yang ada. Namun ia memiliki sebuah potensi yang besar dalam pengembangan dan pembentukan sumber intelektual. Ia memungkinkan sebuah pembahasan yang lebih luas berkembang dan menyeluruh.

Dalam pelbagai penulisan beliau, Mohamad Tajuddin berusaha memasukkan ide-ide dan pemikiran awal gerakan Seni bina Moden sebagai sebuah bahan pengajaran bagi pembentukan teori dan kajian tentang Seni bina Islam. Seni bina Moden dalam pandangan beliau merupakan suatu masa yang sangat khusus dalam sejarah Seni bina kerana ia adalah suatu masa dimana pertarungan dari pelbagai nilai dan falsafah dalam Seni bina berlangsung secara jelas dan besar. Pertarungan dan perjuangan nilai inilah yang menjadikan Seni bina Moden memiliki begitu banyak originalitas dan penemuan baru yang dalam pandangan Mohamad Tajuddin merupakan sebuah pelajaran yang sangar berharga bagi perkembangan

⁵¹ Lihat Mohd Tajuddin Mohd Rasdi (2003), *KALAM Books: Seni Bina Malaysia; Kritikan Masa Kini*, hal 139

teori, falsafah bahkan pemahaman dalam Seni bina Islam, sebagaimana pendapat beliau berikut:

"Although there are many approaches to designing what is claimed to be 'Islamic Architecture', there seems to be a question of strength and validity in them as they are either by-products of existing modjenistic discourse or that they are based on values and practices deemed questionable from the sunnah of the prophet himself...Since the discourse on the fundamental life values of Islam had never seriously taken shape as the discourse on modjenism in the late 19th century Europe and America...the Idea of Wright' architecture as a comparative basis in comprehending the value system of Islam is simply of tool for provoking the question of Islamic Architecture..."⁵²

Contoh penulisan lain yang menggunakan pendekatan ini dapat dilihat pada penulisan Adrian Hardi⁵³. Pada penulisannya tersebut, beliau berusaha menggali kembali potensi yang ada pada masjid dan berusaha mengenal-pasti apa sebenarnya fungsi dan peranan dari sebuah masjid pada masyarakat Islam. Sebagaimana Mohamad Tajuddin, beliau juga berusaha mengembalikan fungsi hakiki dari masjid pada masa Rasulullah bagi pengembangan institusi ini di masa yang akan datang.

Contoh lain dari penulisan yang juga dapat di lihat menggunakan pendekatan ini adalah apa yang dilakukan oleh Mohammad Abdul Mohit⁵⁴. Pada kertas kerjanya yang berjudul *A Study of Provision of Musala Facilities in the Multi-Level Shoping Complexes of Kuala Lumpur in Malaysia*, beliau berusaha melakukan sebuah analisis dan pengamatan terhadap fenomena pembangunan surau pada pelbagai bangunan komersial di Malaysia. Kajian dan analisis ini akan sangat berguna bagi pembentukkan kerangka perancangan dan pembangunan surau di Malaysia.

Dalam perancangan bangunan, contoh produk dari perancangan yang menggunakan pendekatan ini dapat dilihat pada perancangan Masjid Negara dan masjid Negeri Sembilan. Masjid Negara memperlihatkan sebuah ekspresi Seni bina Moden yang disesuaikan dengan keadaan dan konteks dimana bangunan ini berada.


⁵² Lihat Mohammad Tajuddin Mohd Rasdi dan Alice Sabrina Ismail, *An alternative discourse on Islamic Architecture: The Compatibility of Wright's Architecture With the Sunnah*, proceedings of 2nd International Modern Asian Architecture Network, page 225.

⁵³ Adrian Hardi, *Potensi Masjid yang dibiarakan*, Dewan Budaya 1997.

⁵⁴ Mohammad Abdul Mohit, *A Study of Provision of Musala Facilities in the Multi-Level Shoping Complexes of Kuala Lumpur in Malaysia*, International Conference on Islamic Built Environment, "Transformation and Challenge", 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia

Masjid ini secara jelas memperlihatkan bagaimana adaptasi sebuah perancangan Seni bina Moden beradaptasi dengan iklim tropika.

Masjid Negeri Sembilan memperlihatkan sebuah eksplorasi yang mendalam terhadap struktur beton bertulang dan sistem konstruksi *shell* dalam bahasa Seni bina local Negeri Sembilan. Keduanya menggunakan pendekatan dan interpretasi Moden dalam menghasilkan sebuah bangunan dengan karakter Seni bina Islam.



Gambar 4.4: Masjid Negara dan Masjid Negeri Sembilan, keduanya menggunakan pendekatan dan interpretasi Moden dalam menghasilkan sebuah bangunan dengan karakter Seni bina Islam.

4.7 Pendekatan Konservasi dan Penggunaan Kembali

Pendekatan yang terakhir dari pelbagai pemikiran tentang Seni bina Islam di Malaysia adalah apa yang disebut sebagai pendekatan konservasi dan penggunaan kembali. Pendekatan ini memiliki beberapa persamaan dengan pendekatan klasik-sejarah dari aspek penyelusuran sejarah dan penggunaan bahan dan elemen bangunan di masa lampau. Namun pendekatan ini berusaha menggali lebih dalam tentang bagaimana penggunaan kembali elemen dan bahan bangunan tersebut dalam konteks yang ada pada masyarakat sekarang.

Kelebihan dari pendekatan ini adalah kesinambungan dengan bahasa dan elemen bangunan di masa lampau, sehingga dengan mudah orang memahami bahasa seni binaal yang digunakan. Penghargaan terhadap bahasa seni bina sebelumnya juga memberikan sebuah bahan yang cukup bagi pembentukkan bahasa seni bina bagi perancangan kita selanjutnya. Namun ketika proyek pencarian dan pengapresiasiannya terhadap elemen di masa lampau ini terperangkap dalam perasaan romantisme dan kesucian yang berlebihan terhadap objek tersebut, ia akan memberikan sebuah justifikasi dan usulan rekabentuk yang seringkali berlebih-lebihan.

Bentuk penulisan yang paling penting dari pendekatan ini mungkin adalah seperti yang dilakukan oleh Syed Ahmad Iskandar⁵⁵. Pada penulisannya beliau berusaha memberikan sebuah definisi yang lebih luas dari konservasi dalam perspektif Islam dan melihat kemungkinan dari fungsi yang lain dari sebuah masjid. Sebagaimana dapat dilihat pada pendapat beliau tentang definisi dari konservasi berikut:

"The awakening in conservation is believed to arise as a result of human forgetfulness in sustaining the harmonic balance of man and nature. Most traditionalist scholars maintain firmly that any development should conform to the continuity of tradition. Conservation is sometimes seen as the mechanism by which anything relevant from the past can be retained and altered and put to meaningful use in modern society..."

*"Conservation is continuously dealing with historical resource which are paramount importance. Before any monument could be of any significance, its historical values has to be critically evaluated. A statement of cultural significance of cultural property is derived from the history of the period to which the property is related, and during which the research was done. A brief look at the understanding of history in Islam is thus relevant for this study."*⁵⁶

Beliau berusaha mengembalikan fungsi dari masjid-masjid yang sudah ditinggalkan oleh Qariahnya sebagaimana terjadi pada Masjid Lebuh Acheh. Dalam pelbagai kajiannya beliau berusaha mengembalikan fungsi dari Masjid-masjid yang ditinggalkan tersebut atau memberikannya fungsi yang baru agar ia tetap dapat

⁵⁵ Lebih jauh lihat Syed Ahmad Iskandar (2004), *Isu Reka Bentuk dan Adaptasi Fungsi dalam Konservasi Masjid*, Seminar KALAM-ATMA, Krisis Seni Bina dan Komuniti di Malaysia.

⁵⁶ Syed Ahmad Iskandar Arifin, *The Prophet's Mosque in Medina: A Basis for Architectural Conservation Approach in Islam*, Thesis Msc in Architectural Conservation, Disember 1997, hal 14.

bermanfaat bagi masyarakat Muslim. sebagaimana dapat di lihat dari penulisan beliau berikut:

“Penulis mengajak pembaca merenungi sebuah kes benar yang berlaku keatas Masjid Melayu Lebuh Aceh yang terletak di Lebuh Aceh, Georgetown, Pulau Pinang. Kini masjid ini dianggap masjid bersejarah yang perlu dikekalkan kerana ia merupakan warisan budaya yang amat penting. Usaha konservasi telahpun dilaksanakan dan ia telah dapat menyelamatkan masjid ini dari terus diancam anasir perosak alam persekitaran seperti hujan, kelembapan, tumbuhan parasit, dan sebagainya. Wajah fizikal Masjid Lebuh Aceh tidak lagi lesu malah kelihatan gah dan tegap. Bagaimanakah dengan ruh dan semangatnya?”...

...Idealisnya memang dimahukan sesebuah masjid itu kekal makmur sejak dari mula pembinaannya sehingga ke akhir zaman. Tapi semuanya maklum bahawa corak dan ragam kehidupan amat dinamis dan organik. Budaya yang terbentuk dari kehidupan ini turut bersifat dinamis dan organik. Budaya yang tidak mampu berubah akan lups dan lambat laun terus lenyap. Agama dan budaya yang beku akan jadi kaku apabila berhadapan dengan tekanan perubahan. Oleh kerana Islam adalah sebuah agama syumul yang mampu berhadapan dengan kehendak perubahan masa maka ia dianggap relevan dan terus-menerus menjadi relevan.

Petempatan manusia sentiasa berubah corak. Sebuah petempatan yang dulunya dihuni sepenuhnya oleh penduduk yang beragama Islam tidak mungkin kekal begitu selepas lebih 100 tahun. Arus perubahan yang melanda budaya, cara hidup, sosio-ekonomi, dan politik sesebuah petempatan itu mencorakkan pembentukan fizikal serta karektor dan identiti tempat tersebut. Dalam hal yang sedemikian, mana mungkin segala-galanya dapat kekal seperti mana dahulunya. Tentunya akan berlaku perubahan. Oleh kerana perubahan kerap kalinya mengubah tradisi, ia tidak seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang merugikan. Perubahan ini sepatutnya dilihat sebagai usaha kearah menjamin kemapanan petempatan berkenaan. Pada masa yang sama perubahan juga boleh mengundang kerugian dan kecelakaan. Dalam usaha menangani arus perubahan, satu pendekatan yang seimbang perlu digunakan bagi menjamin perubahan yang bakal dilaksanakan itu dapat meminimakan kerugian, dan yang penting sekali akan memperkasakan budaya kehidupan.

Semua tentu maklum, kemakmuran sesebuah masjid tidak terletak pada rupa fizikalnya. Kemakmuran masjid terletak pada peranan yang dipertanggungjawabkan keatasnya. Dalam konteks ini masjid perlu dilihat sebagai institusi dan bukan sebagai sebuah bangunan. Bangunan masjid hanya bertindak sebagai alat dan tidak lebih dari itu. Memang projek konservasi Masjid Lebuh Aceh telah berjaya. Tetapi konservasi yang dinyatakan tadi hanya berjaya mempertahankan warisan ‘alat’ itu sahaja. Bagaimana dengan peranan masjid itu? Isu pokok yang mahu dibiacarakan dalam tulisan ini — apakah yang akan berlaku keatas sesebuah masjid apabila peranan konvensionalnya tidak diperlukan lagi?”⁵⁷

⁵⁷ Syed Ahmad Iskandar (2004), *Isu Reka Bentuk dan Adaptasi Fungsi dalam Konservasi Masjid*, Seminar KALAM-ATMA, Krisis Seni Bina dan Komuniti di Malaysia

Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Mohammad Tajuddin, kajian ini sangat penting bagi perancangan masjid di masa hadapan kerana berusaha melihat fungsi lain dari Masjid selain dari fungsi utamanya sebagai tempat solat. Pendekatan ini dalam dunia konservasi dikenal sebagai penggunaan kembali atau Adaptive Re-use.

Contoh penulisan lain yang menggunakan pendekatan ini adalah apa yang dilakukan oleh Ghafar Ahmad⁵⁸. Dalam penulisan beliau tersebut beliau berusaha berusaha menjelaskan butiran dan teknik pelaksanaan dari sebuah konservasi bangunan-bangunan Seni bina Islam.

Contoh penulisan yang lain juga dapat dilihat pada penulisan Adi bin Taha⁵⁹. Pada kertas kerjanya yang berjudul *The preservation of Islamic Built Environment in Malaysia*, beliau berusaha memberikan pelbagai pandangan terhadap proses konservasi bangunan Seni bina Islam di Malaysia. Namun berbeda dengan yang dilakukan oleh Ghafar Ahmad yang lebih memfokuskan kajiannya pada aspek teknikal dan butiran pelaksanaan dari sebuah konservasi, pendekatan yang dilakukan oleh Adi bin Taha lebih menekankan pada aspek perundangan.

Penulisan lain yang juga dapat di lihat menggunakan pendekatan ini adalah apa yang dilakukan oleh Mohd Fadzil Hj Mohd Khir⁶⁰. Pada penulisannya yang berjudul *Heritage Conservation Effort: Malaysian Experience*, beliau berusaha mengkaji konservasi yang ada di Malaysia, namun dalam perspektif yang lebih luas daripada sekadar fizikal bangunan saja. Beliau berusaha melihat aspek sosial-budaya masyarakat dalam usaha menghasilkan sebuah kerangka konservasi yang lebih integratif dan menyeluruh.

⁵⁸ Ghafar Ahmad, *The Framework for conservation of mosque in Malaysia*, International Conference on Islamic Built Environment, “Transformation and Challenge”, 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia

⁵⁹ Adi bin Taha, *The preservation of Islamic Built Environment in Malaysia*, International Conference on Islamic Built Environment, “Transformation and Challenge”, 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia

⁶⁰ Mohd Fadzil Hj Mohd Khir, *Heritage Conservation Effort: Malaysian Experience*, International Conference on Islamic Built Environment, “Transformation and Challenge”, 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia

4.8 Kesimpulan

Pelbagai pendekatan terhadap Seni bina Islam di Malaysia sebagaimana telah dibahas diatas menunjukkan sebuah kekayaan pemikiran dari para ahli tentang Seni Bina Islam yang ada di malaysia. Pelbagai pendekatan terhadap Seni bina Islam juga menunjukkan pelbagai interpretasi dan pemahaman dari pelbagai pihak dan kalangan terhadap Seni bina Islam. Tulisan diatas juga memperlihatkan bahawa pemahaman seseorang terhadap Islam akan sangat mempengaruhi interpretasi dan pemahaman orang tersebut terhadap Seni bina Islam. Walaupun pembahasan yang dilakukan oleh penulis diatas tidak secara mendalam membahaskan pelbagai pendekatan yang ada, namun diharapkan penulisan ini dapat menjadi sebuah titik awal dari pembahasan yang lebih lengkap terhadap topik berkenaan di masa depan.

BAB LIMA

PENGARUH WACANA SENI BINA ISLAM DARI PEMIKIRAN BARAT

5.0. Pendahuluan

Tujuan utama penulisan bab ini adalah melakukan analisa dan kajian perbandingan terhadap pelbagai pendekatan, teori dan falsafah Seni Bina Islam yang ada di dunia dan Malaysia. Kajian ini merupakan analisis dan kajian lanjutan dari kajian dan penjelasan yang telah dilakukan pada bab-bab sebelumnya dan sangat penting bagi mengenal-pasti dan memahami bagaimana karakter dan latar belakang dari pelbagai pendekatan dan teori tentang Seni Bina Islam yang ada di dunia dan Malaysia. Pembahasannya sendiri akan terdiri dari dua bahagian utama.

Bahagian yang pertama akan berusaha membahas tentang analisis terhadap pelbagai pendekatan, Teori dan Falsafah Seni Bina Islam di Dunia Malaysia. bahagian yang kedua akan cuba mengupas isu-isu yang melandasi perkembangan Seni Bina Islam di Malaysia. Sementara bahagian yang terakhir akan menyingskap Perbandingan pelbagai pendekatan, Teori dan Falsafah Seni Bina Islam di Malaysia

Diharapkan melalui penulisan ini akan didapatkan sebuah kerangka pemikiran, teori dan falsafah Seni Bina Islam yang lebih sesuai untuk diterapkan di Nusantara.

5.1 Analisis terhadap Pelbagai Pendekatan, Teori dan Falsafah Seni Bina Islam di Dunia dan Malaysia

Bahagian ini memaparkan analisis dan penjelasan terhadap pelbagai pendekatan, teori dan falsafah Seni Bina Islam di dunia dan Malaysia. Pembahasannya terbagi atas analisa terhadap pelbagai pendekatan yang ada dan ringkasan dari pelbagai pendekatan sebagaimana yang telah dilakukan pada bab-bab sebelumnya. Diharapkan pembahasan pada bab ini akan memperjelas pola dan kerangka berfikir dari pelbagai teori dan pendekatan yang telah dibahas tersebut sehingga lebih mudah difahami dan diambil manfaatnya.

5.1.1 Analisis terhadap Pelbagai Pendekatan, Teori dan Falsafah Seni Bina Islam di Dunia

Kalau kita amati pelbagai pendekatan, teori dan falsafah Seni Bina Islam yang berkembang di dunia sebagaimana telah dijelaskan pada bab empat kita akan menarik beberapa analisis dan kesimpulan yang sangat berharga, diantaranya:

Dari pelbagai penulisan dan pendekatan tentang Seni Bina Islam di dunia, sangat sedikit sekali penulis temui sebuah usaha dokumentasi, analisis

dan kajian terhadap aspek bukan fizikal seperti pemikiran, pendekatan dan teori tentang Seni Bina Islam di dunia. Sebahagian besar kajian dan penulisan lebih membahas pada aspek fizikal dari pelbagai bangunan dan rekabentuk produk dari masyarakat yang beragama Islam.

Setidaknya terdapat enam (6) pendekatan yang digunakan oleh pelbagai ahli di dunia dalam mendefinisikan dan memahami Seni Bina Islam iaitu pendekatan klasik-sejarah, pendekatan hukum, pendekatan metafizikal-ekspressionisme, pendekatan regionalisme-kawasan, pendekatan moden-kontekstual dan pendekatan progresif-revolusioner. Setiap pendekatan memiliki ciri khas dan karakternya sendiri yang memperlihatkan kejayaan ide dan pemikiran dalam menafsirkan dan mendefinisikan Seni Bina Islam.

Pendekatan klasik sejarah yang mendasarkan kajian dan rujukan kajiannya pada pelbagai penulisan, artifak dan peninggalan sejarah di masa lampau merupakan pendekatan yang paling banyak digunakan. Dari sini dapat diketahui bahawa sebahagian besar penulisan Seni Bina Islam di dunia menggunakan sejarah sebagai bahan dasar dan rujukan utama penulisannya.

Sebagai salah satu pendekatan yang penting dalam menafsirkan dan memahami Seni Bina Islam pendekatan klasik sejarah perlu betul-betul memperhatikan kesesuaian bahasa, elemen dan kaedah pembinaan yang digunakan dengan semangat sejaman dan setempat dimana bangunan tersebut dibangun. Tanpa sebuah penyesuaian dan adaptasi terhadap keadaan terkini dan ke-disini-an kita hanya akan menemukan sebuah penciplakan dan peniruan dari elemen dan bahasa Seni Bina di masa lampau. Penciplakan ini akan memberikan bangau masalah ketika ia harus beradaptasi dengan keadaan alam dan sosial dari lingkungan dimana rekabentuk itu berada.

Pendekatan hukum dan syariah merupakan suatu pendekatan yang menyediakan sebuah jembatan yang jelas dan tegas bagi menghubungkan antara Seni Bina sebagai sebuah disiplin ilmu dengan Islam sebagai sebuah sistem hidup. Islam merupakan sebuah sistem nilai yang sangat kompleks dan jauh lebih besar dari Seni Bina yang hanya mencakup sebahagian kecil dari

pelbagai disiplin ilmu, kerana ianya menyandingkan dua elemen ini memerlukan sebuah kajian yang lebih jauh dan kompleks untuk mendapatkan sebuah kerangka teori dan pemikiran yang utuh dan integral.

Pendekatan hukum dan syariah memerlukan kajian silang dan input yang cukup dari pelbagai disiplin ilmu yang lain bagi membuat sudut pandang dan cakupannya lebih luas dan menyeluruh. Tanpa sebuah kajian silang dan masukkan dari pelbagai disiplin ilmu yang lain, pelbagai nas dan dalil syariah yang digunakan hanya akan membatasi ruang gerak, menjadikan bahasa Seni Bina yang digunakan menjadi jumud, kaku dan tidak fleksibel. Disamping itu pendekatan ini perlu memperhatikan lebih jauh situasi semasa dan keadaan setempat dimana pendekatan ini diterapkan.

Pendekatan metafizikal-ekspressionisme merupakan pendekatan terbaik dalam menghasilkan sebuah kualiti ruang dan atmosfer spiritual dari sebuah perancangan Seni Bina Islam. Pendekatan ini sebenarnya merupakan sebuah alat yang sangat berkesan bagi menghasilkan sebuah rekabentuk dan perancangan yang mengangkat aspek spiritual dan metafizikal dari Islam dalam bentuk Seni Bina. Namun tanpa sebuah usah rasionalisasi dan penjelasan yang memadai pendekatan ini akan terlihat mengada-ada dan sulit untuk difahami. Pemilihan rujukan dan simbolisasi pun sangat penting untuk memastikan simbol dan bahasa yang kita gunakan sesuai dan dapat difahami oleh orang awam.

Pendekatan regionalisme-kawasan merupakan pendekatan terbaik yang dapat dengan mudah beradaptasi dengan situasi dan keadaan dimana pendekatan tersebut berada. Karakternya yang fleksibel mengikuti tempat dimana ia diterapkan sangat memudahkan bagi arkitek dan perancang untuk menyesuaikan antara ide dan pemikiran yang cuba dia sampaikan dengan konteks dan keadaan lingkungan yang ada. Tanpa sebuah usaha eksplotasi dan penunjukkan berlebihan yang seringkali menguras anggaran dan biaya, pendekatan ini akan sangat berguna untuk diterapkan di pelbagai tempat dan masa.

Pendekatan moden kontekstual merupakan pendekatan yang paling progresif dalam mempertanyakan dan merekonstruksi pelbagai pemikiran dan ide dalam Seni Bina Islam. Semangat pembaharuan yang dibawanya akan memberikan pelbagai inovasi dan terobosan baru yang akan banyak memberi ide bagi pengembangan Seni Bina Islam di masa hadapan. Dengan sebuah pembahasaan dan penjelasan yang cukup kepada masyarakat umum, pendekatan ini dapat menjadi sebuah pendekatan yang akan banyak melahirkan ide dan pemikiran baru yang akan sangat berguna bagi memperkaya pemikiran, teori tentang Seni Bina Islam.

Pendekatan Progresif-Revolusioner sebagaimana juga pendekatan moden memperkaya pelbagai pemikiran dan pendekatan dalam Seni Bina Moden melalui pelbagai ide dan isu bertentangan yang ada padanya. Pendekatan ini perlu memperluas cakupan kerja dan kerangka berfikirnya demi menjadikannya tetap objektif dan sesuai dengan situasi dan keadaan yang ada dimana ia diterapkan.

Ringkasan Pendekatan, Teori dan Falsafah Seni Bina Islam di dunia

No	Jenis Pendekatan	Definisi	Karakter dan Kelebihan	Masalah dan Kekurangan	Tokoh dan Contoh Penulisan.
1	Pendekatan Klasik-Sejarah	<p>Pendekatan klasik-Sejarah adalah suatu pendekatan yang menggunakan pelbagai unsur, falsafah dan pola pemikiran di masa lampau dalam pemikiran dan pemahaman sekarang.</p> <p>Secara prinsipnya pendekatan klasik merupakan suatu usaha melanggengkan tradisi yang dianggap sudah stabil dan mantap. Hal ini dilakukan kerana dirasakan dalam tradisi yang sudah lama tersebut terdapat sebuah pelajaran yang dapat digunakan untuk masa hadapan.</p> <p>Dalam dunia Seni Bina penggunaan terminologi klasik diterapkan pada pengambilan atau penyerapan elemen-elemen atau bentuk-bentuk di masa lampau ke dalam bangunan atau bentuk sekarang dengan sebuah upaya untuk membangkitkan kenangan, membangkitkan</p>	<p>Penggunaan sejarah dengan segala aspeknya sebagai bahan dasar dari kajian dan pengembangan teorinya.</p> <p>Berusaha menggali bukti dan peninggalan sejarah yang ada untuk kemudian difeliti dan disesuaikan dengan keperluan penggunaannya di masa sekarang.</p> <p>Detail dan fakta sejarah merupakan bahan dan informasi yang sangat penting dalam pendekatan ini.</p>	<p>Bukti dan fakta sejarah yang sifatnya bukan fizikal seringkali sangat subjektif dan relatif. Itulah sebabnya pendekatan ini kemudian seringkali lebih memfokuskan pada aspek fizikal dari fakta sejarah tersebut. Bukti fizikal merupakan suatu hal yang paling jelas terlihat dan keranya lebih dapat dijelaskan secara empirik dan logik.</p> <p>Permasalahan yang sering timbul pada pendekatan ini adalah keterbatasan ruang lingkup kajian yang dapat dibuat dan kemungkinan kreativiti dari produk kajiananya. Pemikiran yang lebih banyak mengkaji aspek zahir objek kajian seringkali membatasi ruang gerak dan perkembangannya. Masalah lain yang juga sering dikemukakan adalah kesesuaian pendekatan ini dalam mengantisipasi keperluan dan</p>	<p>K.A.C Cresswell, John D Hoag, Hasan-Uddin Khan, Dogan Kuban, Lisa Golombok dan Ahmet Gulgonen.</p>

		kejayaan atau mengambil pelajaran dari peradaban di masa lampau tersebut.	semangat sezaman terutama kerana kepesatan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi saat ini.	
2.	Pendekatan Hukum dan Sya'riah.	<p>Pendekatan ini berakar dari sebuah pemahaman bahawa Islam merupakan suatu agama yang integral dengan keseluruan kehidupan seorang Muslim kerana janya sebagai sebuah agama sistem hidup semestinya ia juga mengatur tentang Seni Bina. Secara prinsipil pendekatan ini akan berusaha meneliti hukum-hukum dalam Islam yang berkaitan dengan Seni Bina dan lingkungan binaan untuk kemudian mengembangkannya sebagai landasan berfikir serta akar falsafahnya.</p> <p>Memiliki garis panduan dan kerangka pemikiran yang tegas dan dekat dengan pemikiran dan pandangan Islam.</p> <p>Diperlukan disiplin ilmu yang lain seperti sejarah, fizikata bangunan atau falsafah ruang untuk membantu proses pematahkan dari pendekatan ini. Tanpanya pendekatan ini akan berkesan jumud dan kaku.</p> <p>Masalah yang juga penting dari pendekatan ini adalah kesesuaian pendekatan ini dengan semangat sezaman dan setempat. Pendekatan ini memerlukan sebuah bahasa pengaplikasian dari teori dan falsafahnya secara tepat. Tanpa sebuah bahasa aplikasi yang</p>	<p>Berusaha meneliti hukum dalam Islam yang berkaitan dengan Seni Bina untuk kemudan mengembangkannya sebagai landasan berfikir serta akar falsafahnya.</p> <p>Permasalahan yang harus dihadapi oleh pemikiran ini adalah sebuah kenyataan bahawa Islam tidak secara spesifik mengatur masalah Seni Bina. Sehingga diperlukan penafsiran dan kajian lebih jauh untuk mendapatkan hasil yang lebih komprehensif.</p> <p>Diperlukan disiplin ilmu yang lain seperti sejarah, fizikata bangunan atau falsafah ruang untuk membantu proses pematahkan dari pendekatan ini. Tanpanya pendekatan ini akan berkesan jumud dan kaku.</p> <p>Masalah yang juga penting dari pendekatan ini adalah kesesuaian pendekatan ini dengan semangat sezaman dan setempat. Pendekatan ini memerlukan sebuah bahasa pengaplikasian dari teori dan falsafahnya secara tepat. Tanpa sebuah bahasa aplikasi yang</p>	Besim Salim Al Hakim, Jamel Akbar, Sphahic Omer.

		sesuai tidak akan dihasilkan sebuah rekabetuk dan kerangka pemikiran yang progresif dan sesuai dengan semangat se-zaman dan se-masa.	
3.	Pendekatan Metafizikal-Ekspressionisme	<p>Pendekatan ini merupakan sebuah usaha menginterpretasikan Seni Bina Islam melalui sebuah kajian yang mendalam tentang perasaan khusyuk, agung atau perasaan romantis lainnya yang dirasa dapat membentuk sebuah kerangka pemikiran dalam Seni Bina Islam.</p> <p>Tujuan dari pendekatan ini adalah menciptakan sebuah perancangan atau garis panduan perancangan yang mampu meningkatkan keimanan atau ketaqwaan dari seorang Muslim ketika menggunakan sebuah produk Seni Binaal yang dianggap sebagai Seni Bina Islam.</p>	<p>Lebih banyak menggunakan pendekatan metafizikal dan spiritual dalam mendefinisikan Seni Bina Islam.</p> <p>Dalam perancangan sebuah bangunan aspek kualiti dan hierarki ruang menjadi sebuah elemen utama, sementara dalam penulisan kajian interpretasi dari perasaan dan romantisme tentu memegang peranan yang sangat penting.</p>
4.	Pendekatan Regional dan Kawasan	<p>Permasalahan dari pendekatan ini adalah sebuah kenyataan bahawa seni seringkali pemikirannya seringkali terlalu subjektif dan sulit diukur. Ia hanya dapat dirasakan oleh orang tertentu saja kerana ia nanya yang seringkali menjadi suatu hal yang sangat elit. Semenara bahasanya tidak dapat dengan mudah dimengerti sehingga sulit di regenerasi dan dijadikan sebuah standard bagi pengembangan pemikiran itu sendiri.</p>	<p>Seyyed Hossein Nasr, Nader Ardalan, Meer Mobashsher Ali, Jale Ezran, Martin Frishman, Titus Burckhardt, Oleg Grabar dan Keith Critchlow</p>

		merupakan sebuah adaptasi terhadap situasi dan keadaan dari suatu kawasan.	peninggalan sejarah tersebut namun juga melihat bagaimana suatu bangunan di masa lampaunya tersebut berinteraksi dengan keadaan lingkungannya. Kerana ianya kajian kes terhadap bangunan yang pernah dibangun di kawasan tersebut di masa lampau merupakan suatu dasar yang sangat penting.	romantisme yang berlebihan akan menyebabkan suatu pemakaian terhadap suatu sistem pembinaan atau bahan binaan tertentu yang dianggap unik dan khas dari suatu kawasan. Pemakaian ini seringkali menyebabkan pembengakkan biaya pembinaan dan bahan serta waktu pengeraian.
5.	Pendekatan Modern-Kontekstual	Jiwa dari pendekatan ini adalah semangat untuk menghasilkan sebuah karya dan pemikiran serta teori Seni Bina Islam yang sesuai dengan kehidupan masyarakat moden. Secara prinsipil sebenarnya pendekatan ini mirip dengan pendekatan yang	Karakter pendekatan Modern ini adalah penolakan terhadap penggunaan sejarah sebagai landasan kajian Seni Bina Islam. Karakter yang lain dari pendekatan ini adalah	Ismail Serageldin, Gulzar Haider, dan Kamil Khan Mumtaz,

	dilakukan oleh gerakan Seni Bina Modern di Eropa dan Amerika pada awal abad ke 20.	penolakan terhadap pendekatan objek dalam menginterpretasikan Seni Bina Islam. Kerana ianya ia lebih memilih untuk melihat nilai-nilai moral dan falsafah di dalam Islam sebagai bahan bagi pemikiran mereka.	transformasi yang lebih peduli dengan situasi dan hubungan sejarah di masa lampau bagi memudahkan proses pencernaan bahasa Seni Bina yang digunakan bagi masyarakat awam.
5.	Pendekatan Romantis	Pendekatan ini tidak terlalu mempersoalkan aspek simbolisme dan romantisme dalam perancangannya. Aspek fungsional lebih dilihat sebagai sebuah aspek yang lebih penting dari sekedar simbolisme dalam perancangan sebuah bangunan.	Pendekatan ini tidak terlalu mempersoalkan aspek simbolisme dan romantisme dalam perancangannya. Aspek fungsional lebih dilihat sebagai sebuah aspek yang lebih penting dari sekedar simbolisme dalam perancangan sebuah bangunan.
6.	Pendekatan Progresif	Pendekatan ini memiliki banyak kemiripan dengan pendekatan moden, namun ia	Permasalahan dari pendekatan ini adalah kenyataan bahawa Islam memiliki karakter yang

	<p>lebih melihat keadaan terkini dan kemajuan dari masyarakat Islam untuk kemudian diinterpretasikan dalam produk Arkitektualnya.</p>	<p>senantiasa membagi pendapatnya ke atas dua kutub yang berbeza. Banyak dari ide-ide dan pemikirannya yang mengambil pelajaran dari perkembangan budaya yang ada di Barat, secara khususnya perkembangan pemikiran agama Kristian. Beberapa kajian dari pendekatan ini mengambil beberapa pemikiran orientalis sebagai akar kajianya.</p>	<p>cukup berbeza dengan Kristian, kerana tanya diperlukan sebuah pendekatan dan interpretasi yang berbeza dalam memahami pelbagai teori dan pemikiran Islam sehingga dapat diperoleh sebuah pemikiran dan teori yang lebih utuh dan integratif.</p>
--	---	--	---

5.1.2 Analisis terhadap Pelbagai Pendekatan, Teori dan Falsafah Seni Bina Islam di Malaysia

Kalau kita amati pelbagai pendekatan, teori dan falsafah Seni Bina Islam yang berkembang di Malaysia sebagaimana telah dijelaskan pada bab empat kita akan menarik beberapa analisis dan kesimpulan yang sangat berharga, sebagai berikut:

Sebagaimana pendekatan, teori dan falsafah yang berkembang di dunia dan Indonesia, pelbagai pendekatan, teori dan falsafah Seni Bina Islam yang berkembang di Malaysia pun penulis temui lebih banyak menyoroti aspek fizikal dari sebuah produk masyarakat Islam. Pelbagai penulisan dan artikel yang penulis temui lebih banyak membicarakan masjid atau bangunan produk masyarakat muslim yang ada di Malaysia dan dunia.

Penulis menemukan sedikitnya terdapat enam pendekatan yang digunakan dalam menafsirkan Seni Bina Islam di Malaysia iaitu pendekatan klasik-sejarah, pendekatan metafizikal-ekspressionisme, pendekatan hukum dan syariah, pendekatan regionalisme kawasan, pendekatan moden-kontekstual dan pendekatan konservasi-penggunaan kembali. Setiap pendekatan tersebut memiliki karakter dan ciri khas yang berbeza-beza sesuai dengan keadaan dan keadaan yang ada di Malaysia.

Pendekatan klasik-sejarah yang berkembang di Malaysia terlihat memiliki kecenderungan yang lebih besar untuk mengkaji Seni Bina Islam yang ada dan berkembang di Timur Tengah. Berbeza dengan pendekatan ini di Indonesia yang terlihat lebih berusaha mengangkat karakter khas dan kekhususan dari bahasa Seni Bina tempatan, pelbagai pendekatan klasik-sejarah yang ada di Malaysia terlihat lebih memfokuskan kajiannya ke Seni Bina Islam di luar Malaysia (terutamanya Timur Tengah). Terdapat juga beberapa kajian yang membahas Seni Bina Islam di Malaysia namun mungkin kerana sedikitnya data sejarah, artifak dan sumber tulisan yang ada menjadikan pelbagai tulisan tersebut akhirnya harus merujuk dan melakukan

kajian silang dengan apa yang ada di beberapa wilayah di sekitarnya bagi mendapatkan suatu kesimpulan dan sudut pandang yang lebih lengkap. Kajian terhadap elemen dan karakter Seni Bina Timur Tengah sebagaimana dapat ditemui pada pendekatan Klasik Sejarah di Malaysia ini berguna bagi pengembangan identitas ke-Islaman di Malaysia namun diperlukan kajian lebih jauh tentang situasi dan keadaan yang ada di Malaysia bagi memastikan identitas ini dapat diadaptasikan dengan konteksnya di Malaysia.

Pendekatan Deskripsi-fizikal yang berkembang di Malaysia sebenarnya sama dengan apa yang berkembang di Indonesia. Perbezaan yang cukup terlihat dari keduanya terlihat dari bagaimana pemilihan objek kajiannya. Pendekatan deskripsi-fizikal di Malaysia sebahagian besarnya memilih produk Seni Bina Timur Tengah sebagai rujukan kajiannya.

Pendekatan metafizikal dan ekspresionisme yang berkembang di Malaysia sebahagian besar kajiannya berakar dari kebudayaan tradisional Masyarakat Melayu Islam di wilayah ini. Masyarakat Melayu di Malaysia dianggap identik dengan masyarakat Islam Malaysia kerana ianya kajian tentang produk Seni Bina masyarakat Melayu tradisional di Malaysia difahami sebagai sejalan dan bersesuaian dengan kajian terhadap Seni Bina Islam di Malaysia. Perlu dijejaki kemungkinan rujukan bahasa Seni Bina lain di luar masyarakat Melayu tradisional untuk memperkaya pendekatan ini di Malaysia.

Pendekatan hukum dan syari'ah yang berkembang di Malaysia lebih banyak dikembangkan oleh para ahli di luar bidang Seni Bina. Hal inilah diduga yang manyebabkan kurangnya pembahasan dan kajian yang lebih mendalam terhadap aspek Seni Bina dan konsep perancangan dalam pelbagai penulisan yang menggunakan pendekatan ini di Malaysia. Sebagaimana yang terjadi pada pendekatan ini di dunia dan Indonesia, diperlukan pelbagai kajian lanjutan dari pelbagai disiplin ilmu bagi menjadikan pendekatan ini lebih fleksibel, luas dan progresif.

Penulis tidak banyak menemukan penulisan dan perancangan yang menggunakan pendekatan regionalisme-kawasan di Malaysia. Satu-satunya

perancangan yang terlihat berusaha mengangkat karakter tempatan dan kawasan Malaysia adalah apa yang dilakukan oleh Jimmy Lim melalui pelbagai perancangannya. Sebahagian besar perancangan masjid terlihat lebih menciplak gaya-rupa dan bahasa Seni Bina Timur Tengah dalam perancangannya.

Di antara pelbagai pendekatan terhadap Seni Bina Islam yang ada di Malaysia, mungkin pendekatan moden-kontekstual merupakan pendekatan yang paling komprehensif dan berkembang secara lengkap. Sebagai sebuah pendekatan, pelbagai penulisan yang dilakukan oleh Mohamad Tajuddin menunjukkan sebuah evolusi pemikiran yang terancang dan sistematik. Dari sebuah ide dan reaksi terhadap pembangunan Masjid yang lebih berorientasi Timur Tengah, pendekatan ini di Malaysia telah berevolusi dengan baik hingga menjadi sebuah garis panduan yang kukuh, teori perancangan dan petunjuk aplikasi yang konkret bagi pengembangannya di masa hadapan. Pola perkembangan dari pendekatan ini dapat menjadi acuan utama bagi pembentukan dan pengembangan pendekatan yang lain di Malaysia, Indonesia bahkan dunia.

Pendekatan konservasi dan penggunaan kembali merupakan pendekatan baru (memerlukan banyak diskusi dan pembinaan semula pemikiran) yang memiliki potensi pengembangan yang sangat besar di Malaysia kerana ianya menyangkut aspek fungsional dan falsafah dari fungsi dan proses pengembangan masjid sebagai institusi utama masyarakat Muslim di Malaysia. Dengan sebuah kajian lanjutan terhadap aspek teknik dan aplikasinya pendekatan ini akan sangat berguna bagi pengembangan pemikiran, teori dan falsafah Seni Bina Islam di Malaysia.

Ringkasan Pendekatan, Teori dan Falsafah Seni Bina Islam di Malaysia

No	Jenis Pendekatan	Definisi	Karakter dan Kelebihan	Masalah dan Kekurangan	Tokoh dan Contoh Penulisan.
1	Pendekatan Klasik-Sejarah	<p>Pendekatan klasik-sejarah dari penerjemahan dan pemikiran Seni Bina Islam di Indonesia pada prinsipnya sama dengan pendekatan klasik sejarah yang berkembang di dunia sebagaimana telah dibahas sebelumnya pada bab empat. Sebagaimana pendekatan ini di dunia, pendekatan ini merupakan pendekatan yang paling banyak digunakan ketika kita berbicara tentang pemikiran dan penerjemahan Seni Bina Islam di Indonesia. Hal ini terlihat, baik dari banyaknya penulisan maupun perancangan bangunan yang menggunakan pendekatan ini di Indonesia. Bahasa Seni Binaalnya pun tidak banyak berbeza yakni dengan menggunakan bahasa dan penerjemahan produk Seni Bina Islam di masa lampau</p>	<p>Karakter pertama dari pendekatan ini adalah penerjemahannya terhadap faktanya dan bukti sejarah dalam pembentukan kerangka berfikir dan alur perdebatannya. Fakta dan bukti sejarah merupakan elemen terpenting dari kajian dengan pendekatan ini. Selain itu, detail dan penjelasan dari suatu peristiwa sejarah pun menjadi suatu hal yang sangat penting. kerana ianya pendekatan ini lebih melihat konfirmasi dan penggecekan ulang terhadap suatu kenyataan sejarah sebagai suatu hal yang sangat penting.</p>	<p>Bukti dan fakta sejarah yang sifatnya bukan fizikal seringkali sangat subjektif dan relatif. Itulah sebabnya pendekatan ini kemudian seringkali lebih memfokuskan pada aspek fizikal dari fakta sejarah tersebut. Bukti fizikal merupakan suatu hal yang paling jelas terlihat dan kerana ianya lebih dapat dijelaskan secara empirik dan logik.</p> <p>Permasalahan yang sering timbul pada pendekatan ini adalah keterbatasan ruang lingkup kajian yang dapat dibuat dan kemungkinan kreativiti dari produk kajarnya. Pemikiran yang lebih banyak mengkaji aspek zahir objek kajian seringkali membatas ruang gerak dan lain yang juga sering dikemukakan adalah kesesuaian</p>	<p>Abdul Halim Nasir, Zaen Kasturi, Zunaidah Zaipukan, Zulkifli Hanafi, Ramly Matzin, Rusilawati Kamardin, Mohd Zamberi bin Malek, Shaharom Husain, dan Zakaria Ali, Raja Mohd Affandi, Baharuddin Kassim.</p>

		untuk kemudian diterjemahkan dan digunakan untuk perancangan bangunan Seni Bina Islam terutama pada perancangan masjid dan bangunan dengan karakter Islam lainnya.	pendekatan ini dalam mengantisipasi keperluan dan semangat sezaman terutama kerana pesatnya perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi saat ini.	Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), Universiti Teknologi Malaysia, Abu Yazid Abidin, Meor Hamzah Abubakar, Ishak Abdul Aziz, Wan Sulaiman Wan Ibrahim, Azman Ibrahim, Siti Ainiiza Kamsari, Faridah Idris, Zanifah MD Nor, Imam Al-Guani, Siti Ainiiza Kamsari, Kamardin Mat Akib, Azmi Abdul Malek, Marzuqi Yusoff, Siti Ainiiza Kamsari, Achmad Moerdijat, Syed Tuseef Ahmad dan Siti Ainiiza Kamsari
2.	Pendekatan Deskripsi Fizikal	<p>Pendekatan yang juga banyak digunakan jika kita mempelajari pelbagai penulisan dari para ahli sejarah tentang Seni Bina Islam adalah apa yang disebut sebagai pendekatan Deskripsi Fizikal. Pendekatan pada pembahasan dan penerasian terhadap Seni Bina Islam di dunia dimasukkan ke dalam pendekatan klasik sejarah.</p> <p>Objek kajian yang digunakan sebahagian besar adalah bangunan Seni Bina Islam yang ada di masa lampau. Pemilihan objek pendekatan ini ada yang mengacu pada Seni Bina Islam di Timur Tengah dan Malaysia</p>	<p>Penjelasan terhadap aspek fizikal yang dilakukan dengan cara mendeskripsikan sejelas dan sedalam mungkin. Dari penjelasan fizikal yang mendalam ini lah kemudian dikeluarkan pelbagai pendapat dan teori tentang Seni Bina Islam di Indonesia.</p> <p>Objek kajian yang ianya melakukan identifikasi terhadap aspek fizikal bangunan hanya memenuhi sebahagian dari aspek yang harus dianalisa.</p>	<p>Permasalahan yang sering timbul dari pendekatan ini adalah kenyataan bahawa suatu bangunan bukanlah semata-mata objek fizikal saji, namun juga mengandungi elemen-elemen di luar bentuk fizikalnya seperti konteks, lingkungannya serta faktor-faktor di luar bangunan yang mempengaruhi perkembangannya, kerana ia itu merupakan identifikasi fizikal yang hanya memenuhi sebahagian dari aspek yang harus dianalisa.</p>

3. Pendekatan Metafizikal dan Ekspresionisme.	<p>Pendekatan ini merupakan sebuah usaha menginterpretasikan Seni Bina Islam melalui sebuah kajian yang mendalam tentang perasaan khusyuk, agung atau perasaan romantis lainnya yang dirasa dapat membentuk sebuah kerangka pemikiran dalam Seni Bina Islam. Tujuan dari pendekatan ini adalah menciptakan sebuah perancangan atau garis panduan perancangan yang mampu meningkatkan keimanan atau ketaqwaan dari seorang Muslim ketika menggunakan sebuah produk Seni Binaal yang dianggap sebagai Seni Bina Islam.</p>	<p>Pendekatan metafizikal yang banyak berkembang di Indonesia biasanya berusaha melakukan analisa dan pengamatan terhadap pengaruh Seni Bina Hindu dan Buddha serta kepercayaan masyarakat tradisional sebelum lahirnya Islam di Malaysia sebelum kemudian dilihat pengaruhnya terhadap perkembangan Seni Bina Islam di Malaysia.</p>	<p>Permasalahan dari pendekatan ini adalah sebuah kenyataan bahwa seringkali pemikirannya seringkali terlalu subjektif dan sulit diukur. Ia hanya dapat dirasakan oleh orang tertentu saja kerana ia yang sangat elit. Semenara bahasanya tidak dapat dengan mudah dimengerti sehingga sulit di regenerasi dan dijadikan sebuah standard bagi pengembangan pemikiran itu sendiri.</p>	Nakkula, Abdul Rahman Rukaini, Jaacob Yusof, Ezrin Arbi, Affendi Ismail.
4. Pendekatan Hukum dan Sya'riah.	<p>Pendekatan ini berakar dari sebuah pemahaman bahawa Islam merupakan suatu agama yang integral dengan keharian kehidupan seorang Muslim kerana ianya sebagai sebuah agama sistem hidup</p>	<p>Dalam perancangan sebuah bangunan aspek kualiti dan hierarki ruang menjadi sebuah elemen utama, sementara dalam penulisan dan kajian interpretasi dari perasaan dan romantisme tentu memegang peranan yang sangat penting.</p>	<p>Berusaha meneliti hukum-hukum dalam Islam yang berkaitan dengan Seni Bina dan lingkungan binaan untuk kemudian untuk mengembangkan kebaikannya</p>	<p>Spainic Omer, Azizi Haji Abdullah, Akmal Haji Mohd Zain, Shaikh Suhaiib Hasan, Che Min Bin Che Mad, Wan Salleh Wan Ibrahim, Mohamed Talhah,</p>

		semestinya ia juga mengatur tentang Seni Bina. Secara prinsipil pendekatan ini akan berusaha merefleksi hukum-hukum dalam Islam yang berkaitan dengan Seni Bina dan lingkungan binaan untuk kemudian mengembangkannya sebagai landasan berfikir serta akar falsafahnya.	serta akar falsafahnya. Memiliki garis panduan dan kerangka berfikir yang tegas dan dekat dengan pemikiran dan pandangan Islam.	Selain itu interpretasi dan pemahaman yang sempit terhadap Syariat Islam tanpa melihatnya dalam konteks yang lebih luas akan membatasi ide bahkan mempersulit pengembangan pelbagai teori dan pemikiran Seni Bina Islam diperlukan sebuah kajian silang dari pelbagai disiplin ilmu bagi memperkaya pendekatan ini.	memerlukan ijihad dan pola fikir baru kerana kes-kes tersebut tidak pernah terjadi dalam sejarah Islam sebelumnya.
5.	Pendekatan Regionalisme Kawasan	<p>Pendekatan ini melihat karakteristik penting dari kawasan untuk kemudian diambil sebagai landasan utama dari perancangan mereka.</p> <p>Tidak ditemui banyak penulisan yang berusaha mempropagandakan dan mengangkat karakter dan ciri khas kawasan dan regionalisme Malaysia sebagai bahan dan pendekatan dalam</p>	<p>Karakter dan sistem yang biasa digunakan adalah dengan mengkaji suatu bentuk Seni Bina Islam di suatu kawasan tertentu untuk kemudian dianalisa secara fizikal dan sosial-masyarakat untuk kemudian diambil pelajaran dan digunakan untuk melahirkan pelbagai teori dan pemikiran Seni Bina Islam secara umum.</p>	<p>Permasalahan yang sering timbul pada pendekatan ini adalah seringnya penggunaan bahasa dan teknologi setempat melahirkan rasa romantisme yang berlebihan. Rasa romantisme yang berlebihan akan menyebabkan suatu pemakaian terhadap suatu sistem pembinaan atau bahan binaan tertentu yang dianggap unik dan khas dari suatu kawasan. Pemakaian ini seringkali menyebabkan</p>	Jimmy Lim.

	mendefinisikan Seni Bina Islam.		pembangkakan biaya pembinaan dan bahan serta waktu pengertaan.	
6. Pendekatan Modern-Kontekstual	<p>Beberapa penulisan yang penulis temui sebahagian besarnya merupakan sebuah penulisan yang mengangkat aspek sejarah atau hanya merupakan sebuah deskripsi dari suatu bangunan yang memiliki karakter Seni Bina Islam di Malaysia baik itu merupakan bangunan di masa lampau atau bangunan kontemporari.</p> <p>Jiwa dari pendekatan ini adalah semangat untuk menghasilkan sebuah karya dan pemikiran serta teori Seni Bina Islam yang sesuai dengan kehidupan masyarakat moden.</p> <p>Berlandaskan kepada <i>spirit of the time</i> dan <i>spirit of the place</i>, pendekatan ini berusaha menghasilkan sebuah kerangka berfikir dan usulan perancangan yang dapat diterima oleh masyarakat moden dewasa ini. Kelebihan dari pendekatan ini adalah</p>	<p>Karakter pendekatan Moden ini adalah penolakan terhadap penggunaan sejarah sebagai landasan kajian Seni Bina Islam.</p> <p>Karakter yang lain dari pendekatan ini adalah penolakan terhadap pendekatan objek dalam menginterpretasikan Seni Bina Islam.</p> <p>Pendekatan ini tidak terlalu mempersoalkan aspek simbolisme dan</p>	<p>Permasalahan yang sering timbul dari pendekatan ini adalah seringkali elemen dan bahasa moden yang digunakan terlalu baru dan progresif sehingga menjadi suatu bahasa yang elit dan sulit difahami oleh masyarakat awam. Diperlukan sebuah proses transformasi yang lebih peduli dengan situasi dan hubungan sejarah di masa lampau bagi memudahkan proses pencernaan bahasa Seni Bina yang digunakan bagi masyarakat awam.</p>	<p>Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, Adrian Hadi, Mohammad Abdul Mohit dan Lim Chong Keat.</p>

		kemampuannya untuk menyesuaikan diri dengan situasi dan keadaan yang ada pada masyarakat moden di pelbagai tempat dan pada pelbagai masa. Dengan sebuah pemahaman yang integratif pendekatan ini dapat menjadi suatu alat yang sangat efektif untuk diterapkan dalam pelbagai kes dan solusi perancangan.	romantisme dalam perancangannya. Aspek fungstional lebih dilihat sebagai sebuah aspek yang lebih penting dari sekedar simbolisme dalam perancangan sebuah bangunan.	Permasalahan lain yang sering timbul dari pendekatan ini adalah bercampurnya pelbagai pemikiran, baik yang berasal dari dalam maupun Islam sehingga membuka peluang dari terjadinya percampuran atau sinkretisme dari pelbagai pendekatan yang ada.
7.	Pendekatan Konservasi dan Penggunaan Kembali.	Pendekatan ini memiliki beberapa kesamaan dengan pendekatan klasik-sejarah dari aspek penelusuran sejarah dan penggunaan bahan dan elemen bangunan di masa lampau. Namun pendekatan ini berusaha menggali lebih dalam tentang bagaimana penggunaan kembali elemen dan bahan bangunan tersebut dalam konteks yang ada pada masyarakat sekarang.	Kebenaran dari pendekatan ini adalah keberlanjutannya dengan bahasa dan elemen bangunan di masa lampau, sehingga dengan mudah orang memahami bahasa Seni Bina yang digunakan. Penghargaan terhadap bahasa Seni Bina sebelumnya pun memberikan sebuah bahan yang cukup bagi pembentukan bahasa Seni Bina bagi perancangan kita selanjutnya.	Permasalahan dari pendekatan ini adalah ketika projek pencarian dan pengapresiasiannya terhadap elemen di masa lampau ini terperangkap dalam perasaan romantisme dan sakralisasi yang berlebihan terhadap objek tersebut, ia akan memberikan sebuah justifikasi dan usulan rekabentuk yang seringkali berlebihan dan terlalu dipaksakan.

5.2 Isu-Isu yang Melandasi Perkembangan Seni Bina Islam di Malaysia.

Sebelum kita membandingkan pelbagai pemikiran, teori dan falsafah yang berkembang di wilayah Nusantara, ada baiknya kita membahas beberapa isu dan keadaan pelbagai faktor yang mempengaruhi Seni Bina Islam di kedua wilayah tersebut. Pembahasannya sendiri terbagi atas Isu Nasionalisme dan Identitas Nasional serta Pengaruhnya terhadap Perkembangan Seni Bina Islam di Nusantara, Isu Nasionalisme dan Identitas Nasional serta Pengaruhnya terhadap Perkembangan Seni Bina Islam di Nusantara, Isu Pengaruh dan Peninggalan Agama Hindu dan Buddha dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara, Isu Pembinaan, Pemeliharaan dan Pengurusan Masjid dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara, Isu dan Konflik Sosial-Masyarakat dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara, Isu Keadaan Sosial-Ekonomi Masyarakat Muslim dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara

5.2.1 Isu Nasionalisme dan Identitas Nasional serta Pengaruhnya terhadap Perkembangan Seni Bina Islam di Nusantara

Dari pengamatan penulis terhadap pelbagai penulisan mengenai Seni Bina Islam sebagaimana terlihat pada pembahasan di bab sebelumnya, terlihat sebuah semangat untuk membuktikan bahawa Seni Bina Islam yang berkembang di Indonesia berasal dari budaya dan akar sosial dari masyarakat Indonesia sendiri. Sebahagian besar penulisan dan kajian terhadap Seni Bina Islam hanya membahas tentang pelbagai Seni Bina tradisional yang berkembang di pelbagai daerah di Indonesia tanpa berusaha menghasilkan sebuah teori dan pemikiran yang dapat digunakan di masa hadapan.

Isu nasionalisme ini kemungkinan besar berakar dari akumulasi semangat kedaerahan yang berusaha mengangkat dan memperlihatkan karakter khas dari daerahnya¹. Isu dan semangat nasionalisme ini juga kemungkinan dilatar-belakangi oleh semangat kebangsaan yang lahir dari perjuangan kemerdekaan bangsa ini ketika melawan penjajah kolonial di masa lampau.

Di Malaysia, Kecenderungan Nasionalisme terlihat lebih mebukanjol di kalangan kaum Melayu dibandingkan dengan kaum yang lain. Hal ini terlihat dari banyaknya penggunaan simbol-simbol kebudayaan Melayu yang kemudian dijadikan simbol dan karakter budaya Nasional. Kecenderungan kebudayaan Melayu untuk mendominasi mempengaruhi banyak produk Seni Bina yang berkembang sebagai khazanah budaya di Malaysia. Banyak bangunan Nasional termasuk di dalamnya bangunan dengan karakter Seni Bina Islam seperti masjid, *Islamic Center* dsb yang menggunakan gaya-rupa dan prinsip reka-bentuk dari Seni Bina tradisional Melayu.

Kecenderungan penggunaan elemen Seni Bina Melayu dalam membahasakan Seni Bina Islam pada banyak kes di Malaysia dikombinasikan dengan bahasa dan elemen Seni Bina yang bergaya-rupa Timur Tengah. Konsep idealisme Seni Bina Islam yang berkiblat ke Timur Tengah terlihat lebih mendominasi di Malaysia dibandingkan dengan apa yang terjadi di Indonesia.

¹ Banyak penulis dari paper-paper dari pendekatan regionalisme ini merupakan akademisi dari daerah tersebut.

5.2.2 Isu Pengaruh dan Peninggalan Agama Hindu dan Buddha dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara

Sebagaimana telah dibahas sebelumnya, sejarah telah mencatat bahawa sebelum agama Islam masuk ke Nusantara, telah berkembang agama Hindu dan Buddha. Dan dari pembahasan sebelumnya juga dijelaskan bahawa Islam tidak mengganti secara keseluruhan sistem hidup dan pemikiran masyarakat. Yang terjadi adalah suatu bentuk akulturasi dan penyesuaian antara sistem nilai dan kepercayaan masyarakat sebelumnya dengan sistem nilai dari Islam yang datang kemudian. Segala ritual dan tradisi masyarakat yang tidak bertentangan dengan Islam tidak dihapuskan namun disesuaikan dengan ritual dan tradisi di dalam Islam.

Percampuran budaya ini melahirkan pelbagai jenis dan pendekatan terhadap Islam di Nusantara. Pelbagai tradisi seperti doa bersama atau kebiasaan bertapa melahirkan keperluan akan ruang untuk berzikir dan ber'i'tikaf. Tradisi masyarakat seperti sekaten di Yogyakarta, Indonesia dipelihara namun dibuat sebagai sarana untuk mengenal Islam secara lebih dalam. Terdapat juga pendekatan Islam yang tetap memelihara budaya Jawa seperti kejawen dan membaca primbon namun kemudian dibingkai dengan prinsip-prinsip Islam. Dari sini terlihat bahawa sistem nilai, tradisi dan kepercayaan agama Hindu dan Buddha ikut membentuk karakter, pemikiran dan bahasa Islam di Nusantara.

Keadaan inilah yang memberikan karakter tersendiri pada bentuk dan ritual Islam yang berkembang di Nusantara. Seni Bina merupakan salah satu produk dari budaya Islam yang berkembang di Nusantara. Akibatnya akulturasi pemikiran dan tradisi Islam di Nusantara ini tentu saja mempengaruhi perkembangan pemikiran dan perancangan Seni Bina Islam yang berkembang. Candi atau kuil sebagai bangunan suci umat Hindu dan Buddha dipakai untuk memberikan karakter spiritual pada sebuah masjid. Elemen-elemen bangunan seperti ukiran dan aneka ragam hias pun digunakan

kembali dan memperkaya kosakata ragam hias dan ornamentasi Seni Bina Islam di Nusantara.

5.2.3 Isu Pembinaan, Pemeliharaan dan Pengurusan Masjid dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara

Isu lain yang khas dari masyarakat Islam di Nusantara adalah isu pembinaan, pemeliharaan dan pengurusan masjid. Masjid di Malaysia sebahagian besar merupakan masjid yang didirikan oleh pemerintah. Pengelolaannya hingga penggajian imam dan muadzinnya pun sebahagian besar dilakukan oleh pemerintah. Dari sini terlihat bahawa masjid sudah menjadi sebuah institusi pemerintah, apalagi dengan kenyataan bahawa program yang dibuat sebahagian besar ternyata dibuat dan dikawal oleh pemerintah.

Kenyataan dari keadaan masjid sebagaimana dijelaskan diatas ini, tentu akan sangat mempengaruhi perkembangan pemikiran dan ide-ide dari Seni Bina Islam di Malaysia. Kontribusi dan sumbangan besar dari pemerintah dalam pengelolaan masjid di satu sisi sangat menguntungkan kerana menyebabkan Imam, Muadzin, bilal dan para pengelola masjid memiliki fokus yang jelas dalam mengerjakan tugas dan tanggung-jawabnya. Namun di sisi lain justeru menyebabkan perasaan “manja” dan ketergantungan yang besar dari para pengurus masjid terhadap pemerintah. Hal ini pada banyak kes mematikan kreativiti pengurus dan mematikan demokrasi yang berkembang di Masjid. Masjid seolah kehilangan fungsi pengawalan dan kawal sosialnya.

5.2.4 Isu dan Konflik Sosial-Masyarakat dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara

Konflik sosial yang terjadi di Malaysia lebih merupakan konflik dan pertentangan yang terjadi antara suku bangsa dan ras. Pertentangan antara bangsa Melayu Islam dan bangsa Cina terlihat berlaku cukup tajam dan keras. Konflik ini seringkali menyebabkan kebencian antara kaum yang satu dengan yang lain.

Seni Bina di Malaysia terlihat sebagai sebuah produk yang didominasi oleh bangsa Melayu. Melayu identik dengan Islam demikian juga sebaliknya. Hal ini tentu akan sangat merugikan perkembangan Islam di Malaysia sendiri. Pemahaman bahawa Islam hanya kepunyaan orang Melayu akan sangat membatasi penyebaran Islam di kalangan di luar Islam.

Produk Seni Bina tentu akan sangat terimplikasi dengan pemahaman ini. Perancangan bangunan Perdana Menteri di Putrajaya misalnya yang dibahas pada bab kedua thesis ini, akan terlihat mencerminkan dominasi Melayu terhadap suku bangsa yang lain. Padahal jika penyebaran Islam lebih merata pada pelbagai kaum (Cina dan India). Bangunan tersebut lebih dapat diterima sebagai sebuah bangunan dengan karakter dan gaya-rupa bangsa Malaysia.

5.2.5 Isu Keadaan Sosial-Ekonomi Masyarakat Muslim dan Pengaruhnya terhadap Seni Bina Islam di Nusantara

Keadaan ekonomi Malaysia relatif baik lebih baik. Jumlah orang miskin di Malaysia jauh lebih sedikit dan jarak antara orang yang kaya dengan orang miskin pun tidak berapa jauh.

Dalam perkembangan Islam, di satu sisi keadaan ini sangat menguntungkan kerana dengan keadaan masyarakat yang lebih sejahtera dari segi ekonomi maka mereka akan lebih berkemampuan untuk berinfaq dan aktif dalam pelbagai kegiatan ke-Islaman. Disamping itu, keadaan ekonomi yang baik ini juga memungkinkan pelbagai fasiliti dan sarana penunjang bagi pelbagai kegiatan ke-Islaman dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya. Namun di sisi lain, sebagaimana terlihat pada beberapa kes seperti aktiviti mahasiswa Islam di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), keadaan ini justeru melenakan banyak masyarakat Muslim di Malaysia. Keadaan ekonomi yang baik justeru menjauhkan mereka dari aktiviti ke-Islaman dan terbuai dengan pelbagai fasiliti yang ada. Sulit sekali menemukan orang yang memiliki komitmen ke-Islaman yang kuat dalam masyarakat yang serba berkecukupan ini. Sementara beberapa pihak yang bekerja untuk agama sendiri justeru terbuai dengan pelbagai aktiviti ritual tanpa berusaha berjuang untuk menyebarkan Islam.

Dalam dunia Seni Bina keadaan ini bersama dengan pelbagai keadaan yang disebutkan sebelumnya berimplikasi terhadap banyaknya perancangan dan pembangunan bangunan Seni Bina Islam seperti masjid dan *Islamic Center* yang besar dan mahal. Banyak orang berlomba-lomba untuk membesarkan masjid dan mempercantiknya, namun sangat sedikit sekali biaya dianggarkan untuk memakmurkan dan memperbanyakkan programnya. Masjid dilihat sebagai sebuah rumah Tuhan yang menjadi monumen suci dari umat Islam. Beberapa masjid memiliki program yang banyak dan beragam, namun dengan tingkat partisipasi qariah yang sangat rendah. Disamping itu banyak dibangun projek-projek yang menghabiskan banyak uang seperti bangunan pusat Islam dan monumen ke-Islaman tanpa disertai perencanaan terhadap program dan sistem pengurusan dari bangunan-bangunan tersebut. Hal ini jika tidak segera dibenahi tentu akan sangat merugikan perkembangan Islam di Malaysia nantinya.

5.3. Beberapa Prinsip dan Kerangka Pemikiran, Teori dan Falsafah bagi Kajian, Diskusi dan Perancangan Seni Bina Islam di Nusantara.

Beberapa penulisan berikut akan berusaha melakukan rekonstruksi prinsip, pemikiran, teori dan falsafah Seni Bina Islam di Nusantara. Pembahasannya sendiri akan terbagi atas Rekonstruksi Seni Bina Islam tentang Ide dan Pemikiran dalam Perancangan Masjid, Rekonstruksi Seni Bina Islam dalam Penggunaan Al-Qur'an dan hadith, Rekonstruksi Seni Bina Islam dalam Penggunaan Bahasa Seni Bina Regionalisme Dunia Melayu, Rekonstruksi Seni Bina Islam berdasarkan Semangat Kontemporerari Sezaman. Diharapkan pembahasan ini dapat memulakan sebuah perbincangan yang lebih mendalam dan memberikan sebuah kerangka berfikir yang lebih luas serta fleksibel bagi perkembangan Seni Bina Islam di Nusantara di masa hadapan.

5.3.1 Rekonstruksi Seni Bina Islam tentang Ide dan Pemikiran dalam Perancangan Masjid

Pembahasan di hadapan telah berusaha menjelaskan pelbagai ide dan pendekatan yang dilakukan baik dari segi perancangan bangunan maupun falsafah dan pemikiran tentang perancangan masjid atau bangunan Seni Bina Islam lainnya. Sebagai simbol utama dari Seni Bina Islam masjid merupakan komponen utama pada pelbagai perancangan dan pendekatan terhadap bangunan dengan karakter Seni Bina Islam.

Pendekatan sejarah yang banyak digunakan dalam perancangan dan pemikiran tentang ide masjid sebagaimana dijelaskan pada bab-bab sebelumnya telah menyumbangkan banyak ide dan bahasa Seni Bina yang sangat berguna bagi pelbagai pemikiran dan perancangan Seni Bina Islam di masa yang akan datang. Namun kajian sejarah terhadap Seni Bina nilai sebaiknya tidak terbatas pada kajian tentang bentuk dan gaya-rupa Seni Bina saja. Namun juga perlu memperhitungkan kerangka nilai dan latar belakang sosial-masyarakat dari kawasan dimana bangunan tersebut berdiri. Tanpa

sebuah kajian terhadap kerangka nilai dan keadaan sosial-masyarakat ini, hanya akan terjadi sebuah peniruan objek dan bentuk serta elemen Seni Bina tanpa sebuah kajian yang layak terhadap aspek kesesuaian dan adaptasinya dengan keadaan iklim dan keadaan sosial masyarakat di Nusantara.

Pendekatan dengan menggunakan bahasa Seni Bina revivalisme sebagaimana yang banyak digunakan dalam perancangan bangunan masjid dewasa ini, perlu dikaji-ulang keberkesanannya. Pendekatan ini perlu dianalisa kesesuianya dengan keadaan iklim dan sosial masyarakat di dunia Melayu. Pendekatan revivalisme Timur Tengah ini dapat terlihat sebagai sebuah bentuk rasa rendah diri dari masyarakat di Nusantara terhadap produk dan gaya-rupa Seni Bina dari Timur Tengah tersebut. Kita perlu bangga dengan gaya Seni Bina kita yang telah terbukti sesuai dan bertahan dengan keadaan iklim dan keadaan sosial masyarakat di Nusantara.

Ide masjid sebagai rumah Tuhan perlu dinilai semula. Jika ternyata ide ini justeru menjadikan masjid lebih jauh dari qariahnya apalagi menghambat penyebaran syariah Islam maka ia perlu ditinggalkan. Sebaliknya ide masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat perlu dipertimbangkan, jika ternyata ide ini terbukti meningkatkan penyertaan masyarakat dalam memakmurkan masjid, memperketat ukhuwah antara anggota masyarakat, memperkuat syiar Islam dan meningkatkan ekonomi masyarakat maka ia perlu dikembangkan dan dimasyarakatkan.

Pembangunan masjid yang megah dan mahal perlu ditinjau ulang. Jika dana yang digunakan justeru habis untuk ornamentasi atau hal-hal yang lebih merupakan simbol daripada keperluan dasar dari masjid tersebut seperti pelayanan masyarakat dan aktiviti ibadah maka pendekatan pembangunan seperti ini perlu dihindari. Program dan pengurusan masjid perlu diperkuat. Kerangka kerjanya perlu ditata kembali dan sumber daya manusianya perlu lebih ditingkatkan kemampuannya. Bangunan masjid hanyalah wadah dari pelbagai aktiviti syiar dan pembinaan Islam, kerana ianya pengembangan aspek fizikal dari masjid hendaknya tidak meninggalkan kerangka kerja, sistem nilai dan program-programnya.

Masjid harus dekat dengan qariahnya. Pembangunan masjid monumental yang dibuat tanpa berorientasi pada qariahnya perlu ditinggalkan. Masjid hidup dan mati demi menjalankan fungsi ke-Islaman dari qariahnya, pembangunan masjid demi tujuan politik kekuasaan atau romantisme tanpa sebuah fungsi pelayanan masyarakat yang jelas perlu dikaji keberkesanannya dan peranannya dalam masyarakat..

5.3.2 Rekonstruksi Seni Bina Islam dalam Penggunaan Al-Qur'an dan hadith

Salah satu isu utama yang terlihat dari pembahasan sebelumnya adalah pembahasan mengenai sumber dan rujukan utama dalam pemikiran dan perancangan Seni Bina Islam. Dari pembahasan sebelumnya telah dijelaskan pelbagai rujukan dan referensi dari pelbagai pihak ketika berbicara tentang Seni Bina Islam. Ada yang menggunakan pendekatan dan kajian bentuk dari bangunan Seni Bina Islam dari masa lampau, ada yang menggunakan perasaan spiritual dan metafizikal sebagai rujukannya, ada yang menggunakan bentuk-bentuk geometri dalam perancangannya, ada juga yang menggunakan pendekatan dan pemahaman regional sebagai bentuk adaptasi bahasa Seni Binanya.

Dari pelbagai sumber referensi dan pendekatan bahasa Seni Bina ini, sangat jarang pendekatan yang mendasarkan kajian dan kajiannya kepada sumber dan prinsip dasar iaitu Al-Qur'an dan Hadith. Ada beberapa faktor yang menyebabkan hal ini. Mohamad Tajuddin sebagaimana telah dijelaskan pada bab sebelumnya menyatakan bahawa sedikitnya ada dua faktor yang menyebabkan jarangnya penggunaan Hadith (sebagai sumber utama setelah Al-Qur'an) dalam kajian dan penulisan tentang Seni Bina Islam.

Tindakan mengetepikan pertimbangan hadith disebabkan oleh faktor lain. Pertama, niat penulis seni bina Islam. Kebanyakan penulis seni bina Islam menganggap Islam bagaiakan bahan ilmiah lain yang boleh meningkatkan kepentingan akademik mereka. Mereka mengandaikan bahawa penulisan tentang seni bina Islam tidak ada perbezaan langsung jika dibandingkan dengan penulisan tentang seni bina renaissance, Eropah, atau kurun ke-20.

Kedua, penulisan seni bina Islam tidak gemar merujuk kepada hadith kerana mereka tidak dapat mencari “modal menarik” yang boleh dijadikan bahan perbincangan. Yang dimaksudkan dengan “modal menarik” ialah bahan penulisan yang boleh mlariskan jualan buku dan menggiatkan lagi industri pelancongan. Itulah sebabnya mengapa kebanyakan dokumentasi mengkhusus kepada binaan seperti istana, masjid besar, makam, dan terutama perhiasan. Penulis seni bina Islam tidak gemar merujuk kepada zaman Nabi Muhammad dan para sahabat kerana terlalu sedikit atau ketiadaaan langsung bangunan atau ukiran hebat pada waktu itu. Baginda dan sahabat tidak pernah tinggal di dalam istana atau mahligai mewah, tidak pernah merancang reka bentuk perbandaran secara besar-besaran seperti di Versailles dan kota raya Washington D.C. Bangunan terbesar yang pernah dibina oleh titik peluh dan tangan baginda sendiri ialah masjid di Madinah yang bertiang batang pokok kurma serta berbunga daun dari pohon yang sama tidak ada sebarang “ukiran” atau hiasan pun yang boleh dijadikan tarikan pelancong. Betapa kecilnya kamar isteri baginda dapat dibayangkan dengan jelas daripada hadith yang diriwayatkan oleh Sayidatina Aisyah, iaitu setiap kali baginda rukuk atau sujud, Aisyah terpaksa menarik kakinya. Tidak hairanlah mengapa penulis sejarah seni bina Islam amat gemar mencedok bahan kajian dan penulisan dari zaman kegemilangan kebendaan yang mempunyai tarikan yang lebih kuat.”²

Penolakan penggunaan Al-Qur'an dan hadith sebagai sumber rujukan Islam juga disebabkan oleh tidak adanya penjelasan yang lengkap dan jelas tentang bagaimana menghasilkan sebuah bangunan Seni Bina Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Ismail Serageldin berikut ini:

“I do not believe that any reading of the Qur'an, at any level, or a study of the Sunna, will provide detailed instructions on how to design a house in Morocco or Indonesia, or how to design the thoroughfares of Cairo or Istanbul. Those that have tried to derive specific examples from these source are doing both themselves and the sources a disfavour. Themselves by ignoring the wider context in which we live

² Lihat Mohd Tajuddin Mohd Rasdi (2003), *KALAM Books: Seni Bina Malaysia; Kritikan Masa Kini*, hal 139

and which must provide the major “givens” of the problems to be addressed, and the sources by demeaning them to the level of a “handbook” or “textbook” rather than treating Qur'an as eternal message of inspiration and guidance for all times and the Sunna of the Prophet as the embodiment of exemplary behaviour. If God had desire to give people specific instructions on how to build structures in the twentieth century, He could certainly have done so explicitly.”³

Selain tiga faktor diatas penyebab lain dari tidak digunakannya Al-Qur'an dan Hadith dalam kajian dan pendekatan Seni Bina Islam adalah terjadinya segmentasi dari ilmu pengetahuan dan profesionalisme. Banyak arkitek atau ahli akademik yang memandang ilmu Seni Bina dan ilmu Islam sebagai dua cabang ilmu yang terpisah. Kerana ianya akan telihat tidak profesional untuk mengkombinasikannya dalam satu pembahasan sekaligus.

Pendekatan Seni Bina Islam sebaiknya berakar dari kajian tentang nilai dan bukannya kajian tentang objek dan produk Seni Bina saja. Masalah yang timbul daripada pendekatan objek ialah ia terikat kepada objek dan bentuk fizikal daripada produk sesebuah kelompok masyarakat Islam. Ini membataskannya daripada menyesuaikan diri terhadap perjalanan waktu dan tempat. Sebarang perubahan zaman atau lokasi akan memberikan suatu bentuk masalah yang serius dalam konteks penyesuaianya.

Masalah yang seterusnya ialah pendekatan objek tidak memiliki akar pemikiran yang kuat tetapi lebih merupakan pembentuk imej semata-mata. Ia tidak memiliki akar pemikiran yang kuat kerana ia tidak lahir melalui sebuah proses pemikiran dan diskusi yang mantap tetapi lebih kepada merupakan peniruan daripada bentuk dan sistem bangunan rujukannya. Peniruan ini seringkali tidak berasaskan kepada sebuah pemahaman falsafah daripada masyarakat, tempat dan waktu yang menjadi latar pembentuknya tetapi lebih kepada suatu usaha menampilkan imej Seni Bina Islam yang popular.

Kerana ianya kajian dan penyerapan serta interpretasi terhadap Seni Bina Islam perlu diperbanyak dan diperdalam kajiannya. Tanpa sebuah kajian

³ Lihat Ismail Serageldin (1989), *Faith and the Environment: An Inquiry into Islamic Principles and the Built Environment of Muslims*, hal 213.

dan kajian yang lebih jauh dari Al-Qur'an dan Hadith, Seni Bina Islam akan kehilangan kerangka nilai dan kekuatan falsafahnya. Pendekatan metafizikal dan spiritual sebenarnya merupakan sebuah pendekatan yang sangat penting dalam memahami spiritualitas Seni Bina Islam, namun pendekatan ini sangat sulit untuk dijelaskan dan diukur. Disamping itu tanpa sebuah dasar dan pemahaman yang cukup pendekatan ini dapat membawa kepada syirik. Sementara pendekatan mekanikalik-rasional sangat baik bagi rekonstruksi perancangan namun tanpa sebuah kerangka spiritual dan pengidentifikasi kualiti ruang pendekatan ini akan menghasilkan banyak bangunan Seni Bina Islam namun tanpa jiwa dan kerangka khusyuknya.

5.3.3 Rekonstruksi Seni Bina Islam dalam Penggunaan Bahasa Seni Bina Regionalisme Dunia Melayu

Dari pembahasan sebelumnya terlihat bahawa Seni Bina tradisional adalah Seni Bina yang telah tumbuh dan berkembang dari keadaan iklim dan budaya masyarakat setempat. Selama puluhan bahkan ratusan tahun Seni Bina ini telah beradaptasi dan melakukan transformasi dengan situasi dan keadaan yang ada pada masyarakat. Fakta bahawa Seni Bina ini berhasil bertahan hingga saat ini mengingatkan kepada kita untuk mengambil pelajaran dan menyerap manfaat darinya. Dalam dunia Seni Bina Islam saat ini berkembang banyak perancangan yang tidak atau kurang bertindak balas terhadap keadaan alam dan keadaan sosial-masyarakat di lingkungan dimana bangunan tersebut berdiri. Masjid atau bangunan Seni Bina Islam lebih merupakan simbolisasi dan penciplakan fizikal dari bangunan dan produk Seni Bina yang ada di Timur Tengah. Timur Tengah dipilih kerana disanalah yang dianggap asal sekaligus Islam yang terbaik.

Dalam perkembangan Seni Bina Islam, kita perlu melakukan evaluasi dan penelitian lebih lanjut terhadap pelbagai produk Seni Bina tradisional

khususnya Seni Bina bangunan ibadah, masjid dan perumahan untuk diambil pelajaran bagi pembangunan bangunan Seni Bina Islam di masa yang akan datang. Seni Bina Islam di Nusantara memiliki karakter dan bahasa Seni Bina khas yang darinya dapat diambil pelbagai pelajaran bagi perancangan di masa hadapan.

Sistem struktur dan sambungan antara elemen yang satu dengan bahan yang lain, sistem pengudaraan dan bukaan bangunan, tampak dan pengolahan tapak bangunan mungkin diantara beberapa hal yang harus kita ambil pelajaran serta adaptasikan dalam perancangan kita. Dengan sebuah dokumentasi yang cukup dan integratif terhadap pelbagai perancangan dan detail pada pelbagai bangunan tradisional, kita akan memiliki bekal yang cukup bagi perancangan bangunan Seni Bina Islam di masa hadapan.

Dokumentasi sebagaimana disebutkan diatas hendaknya mencakup pelbagai aspek sosial-masyarakat dari masyarakat tradisional tersebut, bukan hanya kajian terhadap aspek fizikal dari bangunannya saja. Hal ini disebabkan kerana bangunan bukanlah suatu sistem yang tertutup dan terasing adari konteksnya. Penyelusuran dan pemahaman terhadap konteks diperlukan dalam upaya memahami suatu produk Seni Binaal secara lebih utuh dan integral.

5.3.4 Rekonstruksi Seni Bina Islam berdasarkan Semangat Kontemporari Sezaman.

Permasalahan dan pelajaran lain yang perlu diperhatikan dalam pembentukan kerangka teori dan falsafah Seni Bina Islam adalah pembentukan kerangka berfikir dan kaedah peancangan yang lebih memperhatikan semangat sezaman. Prinsip semangat sezaman ini sangat penting kerana sebuah perancangan perlu bertindak balas terhadap beberapa

prinsip dan isu yang cukup temporer bagi perkembangan bahasa Seni Binaalnya.

Sedikitnya ada dua isu penting dari prinsip rekonstruksi ini dalam perancangan Seni Bina Islam. Isu yang pertama adalah perkembangan teknologi yg sangat pesat. Setelah suksesnya pembangunan Crystal Palace di Inggris pada tahun 1851, arkitek banyak dipengaruhi pemikiran dan cara kerja dari para insinyur. Perkembangan teknologi menjadi suatu hal yang sangat mempengaruhi perkembangan profesi Seni Bina. Sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya bahawa pelbagai penemuan bahan baru dan penggunaan mesin mengubah ekspresi dan bahasa Seni Bina yang digunakan ketika menghasilkan sebuah rekabentuk. Penemuan bahan baru dan penggunaan mesin juga mempercepat kerja dan meningkatkan keberkesanan proses pembinaan dari sebuah bangunan.

Isu kedua yang tidak kalah penting dari perkembangan teknologi adalah perubahan pola pemikiran pada masyarakat. Masyarakat yang sebelumnya lebih bersifat tradisional dan mistik sekarang lebih terbuka, rasional dan mulai berfikir secara empirik. Segala sesuatu haruslah dibuktikan dan dijelaskan secara ilmiah. Logik dan rasionalitas lebih dikehendapkan dalam menghasilkan sebuah produk kebudayaan termasuk Seni Bina. Kerana ianya sebuah perancangan Seni Bina Islam tidak boleh lagi hanya mengandalkan keyakinan dan keimanan masyarakat namun juga harus dapat dijelaskan berdasarkan keperluan yang lebih pragmatik dan nyata. Fungsi elemen bangunan harus dilihat sebagai suatu keperluan yang lebih fungsional daripada sekadar simbolisasi atau metafora dari sebuah keyakinan. Namun kesemuanya hendaklah berakar pada nilai-nilai moral dan nilai kemanusiaan dari Islam.

BAB ENAM

KESIMPULAN DAN KAJIAN LANJUTAN

13.1 Kesimpulan

Dokumentasi merupakan suatu hal yang sangat penting dalam setiap kajian sejarah, termasuk kajian sejarah seni bina atau yang dalam tesis ini adalah kajian Seni Bina Islam. Tanpa sebuah dokumentasi yang cukup dalam bidang Seni Bina Islam tidak banyak yang dapat kita lakukan untuk mengembangkan bidan ilmu ini di masa depan. Di samping itu kurangnya sebuah dokumentasi dan analisis terhadap pelbagai fakta dan produk sejarah akan membawa kepada sebuah misinterpretasi yang dapat menyebabkan sebuah krisis yang akut dan berkepanjangan dalam Seni Bina Islam.

Dari pelbagai kajian dan dokumentasi terhadap Seni Bina Islam, ternyata sebahagian besar melakukan kajian dan kajian terhadap aspek fizikal dan produk lahiriyahnya saja. Tanpa sebuah kajian yang integral terhadap aspek non-fizikal yang meliputi latar belakang, pemikiran, idea dan falsafah dari produk Seni Bina Islam tersebut kita akan terjebak dalam peniruan bentuk, duplikasi elemen dan

Kajian di depan juga memperlihatkan bahawa terdapat pelbagai pemahaman dan interpretasi terhadap Seni Bina Islam di Malaysia lebih banyak dipengaruhi oleh dorongan politik dan sosial budaya untuk menunjukkan negara tersebut sebagai salah satu negara Islam yang paling utama di dunia. Namun kedua-duanya memiliki satu persamaan dalam perkembangan perancangan masjid modennya iaitu berkembangnya rasa *Inferiority Complex* atau perasaan rendah diri dari kedua bangsa ini dengan Islam yang ada di Timur Tengah.

Pandangan umum masyarakat tentang bangunan Seni Bina Islam yang harus menggunakan bahasa Timur Tengah ini perlu menilai keberkesanannya terhadap kos yang harus dikeluarkan baik dalam pembuatan atau perawatan. Disamping itu penilaian perlu dilakukan untuk memastikan kesesuaian antara pendekatan Timur tengah ini dengan keadaan iklim dan budaya di Malaysia. Elemen-elemen yang secara umum difahami sebagai elemen Seni Bina Islam seperti kubah, menara atau gerbang tidak terlihat keharusan penggunaannya baik dari kajian dan penelusuran terhadap pelbagai sumber hukum Islam seperti Al-Qur'an, hadith atau ijtihad dari para ulama maupun dari kajian sejarah dan kehidupan Rasulullah dan para sahabat di masa lampau. Kajian terhadap pelbagai bangunan Seni Bina Islam tradisional dan moden di seluruh pelosok dunia justru menunjukkan bahawa bentuk dan elemen ini lahir dari interaksi antara pemikiran Islam dengan nilai-nilai dan pemikiran yang berkembang di masyarakat. Hal ini kembali memperkuatkan idea dan semangat penggunaan bahasa Seni bina tempatan dalam perancangan pelbagai bangunan dengan karakter Seni Bina Islam di Malaysia.

13.2 Kajian lanjutan

Oleh sebab waktu yang terbatas, sarana dan prasarana serta kemampuan dari penulis, kajian ini masih memerlukan beberapa kajian tambahan dan kajian lebih lanjut terhadap hal-hal di bawah ini.

Kajian tentang pentingnya dokumentasi dalam kajian pemikiran dan falsafah serta kaedah perancangan Seni Bina Islam memerlukan kajian lebih lanjut tentang bagaimana prinsip falsafah dan teknik dari proses dokumentasi tersebut. Pembuahan sebuah kerangka teori dan teknik yang lebih lengkap, membumi dan menyeluruh amat diperlukan dan oleh kerana itu kajian kes serta contoh perlu dijalankan lebih banyak lagi.

Kajian tentang perancangan kepelbagaiannya bangunan Seni Bina Islam di dunia memerlukan kajian lebih lanjut tentang pola-pola perancangan bangunan Seni Bina Islam baik yang tradisional maupun moden untuk dilakukan kajian dan analisa lebih lanjut. Kajian ini juga memerlukan lebih banyak kajian tentang interaksi antara bangunan ini dengan masyarakat sekitarnya, apa latar belakang dari pemilihan suatu bahasa seni bina yang digunakan dan bagaimana bangunan tersebut ikut membentuk dan menjadi karakter khas dari perkembangan Islam di suatu kawasan.

Kajian tentang perkembangan pemikiran Seni Bina Islam di Malaysia perlu mengambil rujukan dan sumber yang lebih banyak dan beraneka ragam. Perlu juga dilakukan rekonstruksi dan sintesis dari pelbagai pendekatan dan interpretasi yang dilakukan, bagaimana interaksi antara satu interpretasi atau pendekatan dengan interpretasi dan pendekatan yang lain untuk kemudian dikaitkan dengan bangunan yang menjadi produknya dan dikembangkan bagi pembentukan teori dan prinsip perancangan Seni Bina Islam Nusantara di masa depan. Kerangka kerja yang intensif pun perlu dibentuk bagi menganalisa faktor-faktor dan informasi dari bidang lain yang mungkin berguna bagi pembentukan kerangka pemikiran dan falsafah perancangannya.

Pembentukan kerangka pemikiran dan rekonstruksi teori yang telah cuba dilakukan masih terbuka bagi menambah informasi kerangka pemikiran dan teori yang lain. Selama sesuai dengan semangat dan prinsip falsafahnya penambahan sangat dimungkinkan dan ditunggu-tunggu bagi memperkaya pemikiran dan teori yang ada menuju pembentukan teori dan kerangka pemikiran Seni Bina Islam yang lebih lengkap dan menyeluruh.

SENARAI RUJUKAN

- Abdalati, Hammudah (1975). *Islam In Focus*. Indianapolis, USA: American Trust Publications.
- Abdullah bin Mohamed (Nakula), *Senibina Islam-Aplikasi di Malaysia*, Konferensi Internasional untuk Islam dan Teknologi, UTM, 1972-1982
- Abdul Hadi Yusoff, *Kampung Laut: Gerbang Timur Tamadun Melayu*, Julai 2003.
- Abdul Halim Nasir (1995). *Seni Bina Masjid di Dunia Melayu-Nusantara*. Bangi: UniversitiKebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Nasir, *Seni Bina Masjid Tradisional*, Dewan Budaya Jun 1990
- Abdul Halim Nasir, *Surau dan Madrasah: Pusat Ibadah dan Percambahan Ilmu*, Dewan Budaya September 1990
- Abdul Halim Nasir, *Rumah Melayu dan Sentuhan Islam*, Dewan Budaya Disember 1992
- Abdul Halim Nasir, *Masjid Agung Banten*, Dewan Budaya Jun 1993
- Abdul Halim Nasir, *Masjid Agung Demak*, Dewan Budaya Julai 1993
- Abdul Halim Nasir, *Masjid Aceh*, Dewan Budaya Ogos 1993
- Abdul Halim Nasir, *Pengaruh Gunung dalam Seni Bina Islam*, Dewan Budaya Mei 1996.

Abdul Haq Ansari (1986). *Muhammad. Sufism And Shari'ah: A Study Of Shaykh Ahmad Sirhindi's Effort to Reform Sufism*. Leceister: The Islamic Foundation.

Abdul Rahman Rukaini, *Masjid: Kepelbagaian dalam Kesatuan*, Dewan Budaya Jun 1979.

Abu Yazid Abidin, *Masjid Negara*, Dewan Masyarakat Ogos 1965.

Achmad Moerdijat, *Elemen Air dalam Seni Bina Islam*, Kertas Kerja pada Seminar Seni Bina Islam, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Kuala Lumpur, 21 July 2003.

Adi bin Taha, *The preservation of Islamic Built Environment in Malaysia*, International Conference on Islamic Built Environment, "Transformation and Challenge", 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia

Adrian Hardi, *Potensi Masjid yang dibiarkan*, Dewan Budaya 1997.

Affendi Ismail, *Kembali kepada asas kediaman Islam*, Utusan Malaysia 2 February 2006.

Ahmad Al-Zarqa, Mustafa (1974). *Worship In Islam*. United Kingdom: The Islamic Foundation, 1974.

Ahmad, Khurshid. Islam (1992) *It's Meaning and Message*. 2nd Editoin. 4th reprint. Leceister: The Islamic Foundation.

Ahmad Sadali, In Search of an Islam-Initiated Architectural Identity in Indonesia, Majalah Arkitek 1: 1979.

Akmal Haji Mohd Zain, *Manfaatkan Masjid untuk Perpaduan*, Dakwah Disember 1984.

Al Faruqi. Lamya (1988). *Women, Muslim Society and Islam*. Indiana: America Trust Publication.

- Al Faruqi. Ismail (1992). *Al Tawhid: Its Implementation for thought and life*. Herndon, USA: International Institute of Islamic Thought.
- Al Faruqi. Ismail (1992). *The Cultural Atlas of Islam*. Herndon, USA: International Institute of Islamic Thought.
- Ali, K. 1976. *The Vanishing Heritage*. Tesis Sarjana, University of York.
- Alwi Shihab (2001), *Islam Sufistik: 'Islam Pertama' dan Pengaruhnya hingga Kini di Indonesia*, hal 6.
- Ambary, Hasan Muarif (1981), *Mencari jejak Kerajaan Islam Tertua di Indonesia (Kerajaan Islam Perlak)*, makalah dalam "Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia", Banda Aceh: Al Ma'arif.
- Appelbaum, David (2002). *World Philosophy*. London: Chrysalis Book plc
- Arberry, A. J (1990). *Sufism: An Account Of The Mystics Of Islam*. London: George Allen and Unwin (Publishers) Limited.
- Ardalan, Nader (1979). *The Sense of Unity: The Sufi Tradition in Persian Architecture*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Azimin Daud, Kubah, Dewan Budaya Jun 2001
- Azizi Haji Abdullah, *Kembalikan Masjid pada Fungsinya*, Al Islam Ogos 1988.
- Azman Ibrahim, *Masjid tertua Melaka pertahankan Seni Bina Tempatan*, Utusan Malaysia, 5 April 2006.
- Azmi Abdul Malek, *Masjid jamek Al-Ansar Masjid Terbaik Negeri Perak*, Utusan malaysia, 30 November 2005.
- Bargebuhr, Frederic P (1968). *The Alhambra*. Berlin: Walter de Gruyter & Co.
- Bamborough, Philip (1976). *The Treasures of Islam*. Dorset: Blandford Press.

- Bayley, Stephen (1986). *Twentieth-Century Style and Design*. London: Thames and Hudson Ltd
- Beckwith, John (1979). *Early Christian and Byzantine Art*. Middlesex: Penguin Books.
- Benton, Tim (1972). *The Bauhaus in Dessau 1925-1932*. London: Open University Press
- Bing, Stanley (2000). *What Would Machiavelli Do*. New York: HarperCollins Publisher Inc.
- Briggs, Martin (1924). *Muhammadan Architecture in Egypt and Palestine*. Oxford: Clarendon Press.
- Che Min Bin Che Mad, *Fungsi Masjid dalam Islam*, Menara 1977.
- Cresswell, K.A.C (1968). *A Short Account Of Early Muslim Architecture*. Beirut: Librairie du Liban.
- Curtis, William JR (1982). *Modern Architecture since 1900*. Oxford: Phaidon Press Ltd.
- Damais, L.Ch (1957), *Etudes Javanaise I. Les Tombes Musulemanen Dates de Tralata*, dalam BEFEO, Tome XLVII.
- Darwis Khudori, kertas kerja pada The Third International Symposium on *Islamic Expression in Indonesian Architecture*, "Tectonic Dimension in Islamic Architectural Tradition in Indonesia", Universitas Islam Indonesia, 1990.
- Drinkwater, JF (1993). *The World of the Rome*. London: Cassel Villiers House.
- Ezrin Arbi, *Cosmology in the indigenous Architecture of The Malay Archipelago*, kertas kerja pada Nahdah: Islamic Impulses in Malaysian Architecture, Balai Seni Lukis, 18 dan 19 March 2003
- Faridah Idris, Turki punya 25,000 Buah Masjid, Dewan Budaya, March 1988.

- Frishman. Martin & Hasan-Uddin Khan (1994). *The Mosque: History Architectural Development & Regional Diversity*. London: Thames & Hudson Ltd.
- Ghafar Ahmad, *The Framework for conservation of mosque in Malaysia*, International Conference on Islamic Built Environment, “Transformation and Challenge”, 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia
- Gibb, H.A.R. (ed.) (1987), *The First Encyclopedia of Islam 1913-1936* E.J. Brill.
- Golombek, Lisa dan Donald Wilber (1988). *The Timurid Architecture of Iran and Turan Vol 1*. Princeton: Princeton University Press.
- Greenhalgh, Michael (1990), *What is Classicism?* London: Academy Edition/ St Martin Press.
- Groneveldt, W.P (1960), *Historical Notes on Indonesia and Malaya Compiled from Chinese Source*, Jakarta: Bhratara.
- Guillaume (1982). *The Life Of Muhammad: A Translation Of Ibn Ishaq Sirat Rasul Allah*. Oxford: Oxford University Press.
- Hakim, Besim Selim (1988), *Arabic Islamic City: Building and Planning Principles*. London: Kegan Paul International.
- Hart, Michael H (1986), *Seratus tokoh yang paling Berpengaruh Dalam Sejarah*, Jakarta Gramedia Press.
- Hitchcock, Henry Russell (1941). *The Nature of Materials*. New York: Da Capo Press, Inc.
- Hoag. JD (1963). *Western Islamic Architecture*. New York: George Braziller Inc.
- Hoag, J.D (1989). *Islamic Architecture*. London: Faber and Faber.

Holod. Renata & Hasan Uddin Khan (1997). *The Mosque and the Modern World*. London: Thames and Hudson Ltd.

Howart, Sarah (1995). *The Middle Ages*. London: Hamlyn

I.G.N Anom (1998), *Masjid Kuno Indonesia*, Jakarta: Proyek Pembinaan Peninggalan Sejarah dan Kepurbakalaan Pusat.

Imam Al-Guani, *Kehebatan Masjid Baiturrahman*, Utusan Malaysia 21 Januari 2005.

Ishak Abdul Azis, *Seni Bina Masjid Melayu Lama*, Dewan Budaya November 1979.

Jaacob Yusof, *Seni Bina dalam Tamadun Islam*, Dewan Budaya Mei 1983.

James, Simon (1993). *Ancient Rome*. London: Hamlyn

Jencks, Charles (1977). *The Language of Post-Moden Architecture*. New York: Rizzoli International Publication Inc.

Jufitri Joha, *Masjid Agung Cordoba dalam Kenangan*, Utusan malaysia, 14 February 2006

Kamarudin Mat Akib, *Masjid Kristal siap akhir tahun*, Utusan Malaysia, 25 April 2006.

Kleinbauer. Eugene W (1971). *Modern Perspectives of Art History*. New York: Holt, Reinhart & Winston Inc.

Lee, Sherman E (1973). *A History of Far Eastern Art*. Englewood: Prentice Hall Inc.

Lesnikowski, Wojciech G (1982). *Rationalism and Romanticism in Architecture*. New York: McGraw-Hill Book Company

Loverence (1995). *Ancient Greece*. London: Hamlyn

Majelis Ulama Indonesia (1994), *Masjid-Masjid Bersejarah di Indonesia*, PT Potlot Nasional: Jakarta.

Marzuki Yusoff, *Masjid Islam Hadhari Sedia Warung Teh Tarik*, Utusan Malaysia 11 April 2005.

Masjid Kampung Laut, Kota Bharu, Kelantan' Unpublished Report from the KALAM archives.

Masjid Langgar, Kota Bharu, Kelantan' Unpublished Report from the KALAM archives.

Masjid Kampung Keling, Jalan Tukang Emas, Bandar Melaka,' Melaka Unpublished Report from the KALAM archives.

Masjid Kampung Hulu, Bandar Melaka,' Melaka Unpublished Report from the KALAM archives.

Masjid Kampung Tuan, Kemaman, Terengganu' Unpublished Report from the KALAM archives.

Masjid Undang Kamat, Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan' Unpublished Report from the KALAM archives.

Mawdudi, Abul A'la (1992). *Let Us Be Muslims*. Leceister: The Islamic Foundation.

Mawdudi, Abul A'la (1989). *Towards Understanding Islam*. Translated and edited by Khurshid Ahmad. Revised edition. London: The Islamic Foundation.

Meor Hamzah Abubakar, *10 tahun Masjid Negara*, Menara 1976.

Mohamed Talhah, *Islamic View of Planning for the Natural and Built Environment* kertas kerja pada Ringkasan dari Nahdah: Islamic Impulses in Malaysian Architecture, Balai Seni Lukis, 18 dan 19 March 2003

Mohd Taib Osman (1997). *Islamic Civilization In The Malay World*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Michell. George (1995). *Architecture of the Islamic World*. London: Thames and Hudson Ltd.

Millon, Henry A (1978). *Art and Architecture in the Service of Politics*. Cambridge: The MIT Press

Mohammad Abdul Mohit, *A Study of Provision of Musala Facilities in the Multi-Level Shopping Complexes of Kuala Lumpur in Malaysia*, International Conference on Islamic Built Environment, “Transformation and Challenge”, 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia

Mohd Fadzil Hj Mohd Khir, *Heritage Conservation Effort: Malaysian Experience*, International Conference on Islamic Built Environment, “Transformation and Challenge”, 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia

Mohd Zamberi bin Malek, *Masjid Tua di Kaki Gunung Bundo*, Majalah Dewan Budaya Mei 1991.

Moquette, JP (1912), *De Datum op den Graafsteen van Malik Ibrahim*, dalam TPG hal 54.

Muhammad Yamin Ismail, *Projek Pembesaran Masjid di Madinah*, Ad-Dakwah Julai 1992

Mumtaz, Kamil Khan (1986). *Architecture in Pakistan*. Singapore: Concept Media

Nasir, Abdul Halim (1984). *Masjid-Masjid di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.

Nasr, Seyyed Hossein (1987). *Islamic Art and Spirituality*. Cambridge: Golgonooza Press.

Nik Hassan Suhaimi bin Nik Abdul Rahman (2002), *Sejarah: Buku Teks*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Noe'man, Ahmad. (1993), *Applikasi Konsep Islam dalam Bangunan Islami serta Contoh Karya Nyata*. Makalah Seminar Sehari Arsitektur Islam dan Tropis, Surakarta: Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Omer. Spahic (2002). *Studies in the Islamic Built Environment*. Kuala Lumpur: Research Centre, International Islamic University Malaysia.
- Perry, Marvin (1981). *Western Civilization*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Pijper, G.F (1992). *Empat Penelitian Tentang Agama Islam di Indonesia 1930-1950*, Terjemah Tudjumah. Jakarta: UI Press.
- Posener, Julius (1972), *From Schinkel to the Bauhaus*. London: Open University Press
- Porphyrios, Demetri (1981). *Notes on Method*. Architectural Design Vol 51 No 6/7, Architectural Design Profile.
- Proceedings of an International Seminar: Sponsored by the Aga Khan Award for Architecture and The Indonesian Institute of Architect 15-19 October 1990, *Expressions of Islam in Buildings*, Jakarta & Yogyakarta: Aga Khan Trust for Culture on Behalf of The Aga Khan Award for Architecture.
- Qordhowi, Yusuf (1993). *Agenda Permasalahan Umat*. Jakarta: Gema Insani Press
- Raeburn, Michael (1982). *Architecture of the Western World*. USA: Rizzoli International Publikation Inc.
- Raja Mohd Affandi, *Perancangan Bandar Islam*, Dewan Masyarakat April 1979.
- Ramly Matzin, *Ciri-ciri Seni Bina Tradisional-Suatu Catatan Singkat*, Dewan Budaya, julai 1979.

- Rifklevs, M.C (1995) *A History of Modern Indonesia*, Indonesian Edition:
Sejarah Indonesia Modern, terjemahan: Dharmono Hardjowidjono.
Yogyakarta: Gajah Mada University Press, cetakan ke IV.
- Rivoira, G.T. (1975). *Moslem Architecture: Its origins and Development*. New York: Hacker Art Books.
- Shaharom Husain, *Masjid Abu Bakar: Menimba Ilham dari Asia Barat*, Dewan Budaya Mei 1982.
- Shaikh Suhaib Hasan, *Masjid sebagai Tempat Peribadatan*, Dakwah, Mei 1990.
- Serageldin, Ismail (1989). *Space for Freedom: The Search for Architectural Excellence in Muslim Societies*. Butterworth: The Aga Khan Award for Architecture & Butterworth Architecture.
- Senechal, Marjorie (1977). *Paterns of Symmetry*. Amherst: University of Massachusetts Press
- Shaughnessy, Edward L (2005). *China : Empire and Civilization*. New York: Oxford University Press
- Siti Ainiza Kamsari, *Masjid Sultan Abdul Samad*, Utusan Malaysia, 26 Oktober 2004.
- Siti Ainiza Kamsari, *Masjid Besar Djenn-Seni Bina lumpur terbesar di dunia*, 4 November 2004.
- Siti Ainiza Kamsari, *Surau presint 8-mendamaikan jemaah yang bermunajat*, Utusan Malaysia 13 Oktober 2004.
- Siti Ainiza Kamsari, *I-NAI Venture bangkitkan Seni Ornamen Islam*, Utusan Malaysia, 29 June 2006.
- Smith, David (1982). *Das Kapital*. London: Oxford University Press.
- Steele, James (1994). *Architecture for Islamic Society Today*. New York: Academy Edition.

Stutterheim Willem Frederik (1953), *Pictorial history of civilization in Java*, Leiden: Java Institute and G. Kolff

Syed Ahmad Iskandar Arifin, *The Prophet's Mosque in Medina: A Basis for Architectural Conservation Approach in Islam*, Thesis Msc in Architectural Conservation, Disember 1997.

Syed Ahmad Iskandar (2004), *Isu Reka Bentuk dan Adaptasi Fungsi dalam Konservasi Masjid*, Seminar KALAM-ATMA, Krisis Seni Bina dan Komuniti di Malaysia.

Syed Naquib Al-Attas (1969), *Islam di dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit ABIM.

Syed Tuseef Ahmad, *In search of an Islamic City: Mith and Reality*, kertas kerja pada International Conference on Islamic Built Environment, "Transformation and Challenge", 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia

Tajuddin M Rasdi, Mohd (1998). *Mosque as a community Development Centre*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Tajuddin M Rasdi., Mohd (1999). *Peranan, Kurikulum dan Rekabentuk Masjid sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Tajuddin M Rasdi, Mohd (1999). *Seni Bina di Malaysia: Kritikan Tentang Seni Bina Islam, Identiti Nasional dan Pendidikan*. Selangor: Design Modular Sdn Bhd.

Tajuddin M Rasdi. Mohd (2001). *Konsep Perbandaran Islam: Suatu Gagasan Alternatif*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Tajuddin M Rasdi,. Mohd (2001). *Identiti Seni Bina Malaysia: Kritikan Terhadap Pendekatan Reka Bentuk*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Tajuddin M Rasdi., Mohd (2002). *Nilai-Nilai Cemerlang Kepimpinan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Tajuddin M Rasdi dan Alice Sabrina Ismail (2002), *An alternative discourse on Islamic Architecture: The Compatibility of Wright's Architecture With the Sunnah*, proceedings of 2nd International Modern Asian Architecture Network.

Tajuddin M Rasdi. Mohd (2003). *KALAM Papers: Crisis in Public Architecture*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM).

Tajuddin M Rasdi., Mohd (2003). *KALAM Papers: Crisis in Islamic Architecture*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM).

Tajuddin M Rasdi., Mohd (2003). *KALAM Papers: Housing Crisis in Malaysia: Back to a Humanistic Agenda*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM).

Tajuddin M Rasdi. Mohd (2003). *Hadith and Islamic Architecture: Hadith and Mosque*, Johor Bahru: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

The Aga Khan Program for Islamic Architecture (1980). *Higher Education facilities*. Massachusetts: Harvard University Press.

The Aga Khan Program for Islamic Architecture (1982). *Adaptif Reuse: Integrating Traditional Areas into the Modern Urban fabric*. Massachusetts: Harvard University Press.

The Aga Khan Program for Islamic Architecture (1983). *Continuity and Change: Design Strategies for Large-Scale Urban Development*. Massachusetts: Harvard University Press.

The Aga Khan Program for Islamic Architecture (1988). *Theories and Principles of Design in the Architecture of Islamic Societies*. Massachusetts: Harvard University Press.

Th Pigeaud, Theodore G (1976). *Islamic states in Java 1500-1700: Eight Dutch books and articles by H. J. de Graaf*, Leiden: Nijhoff.

Tjandrasasmita, Uka (1981), *Proses Kedatangan Islam dan Munculnya Kerajaan-Kerajaan Islam di Aceh*, makalah dalam “Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia”, Banda Aceh: Al Ma’arif.

Tjandrasasmita, Uka (1993), *Masalah dan Kedatangan Islam serta Prosesnya*, dalam “700 tahun Majapahit (1293-1993) Suatu Bunga Rampai”, Surabaya: Dinas Pariwisata Daerah Propinsi Tingkat I Jawa Timur.

Tjandrasasmita, Uka (1993), *Sepintas Mengenai Peninggalan Kepurbakalaan Islam di Pesisir Utara Jawa, dalam Aspek-aspek arkeologi*, Edisi 3, Jakarta: Pusat Penelitian Arkeologi Nasional.

Wan Musa Jusoh, *Mencari Pengertian Indah*, Dewan Budaya Januari 1982.

Wan Salleh Wan Ibrahim, *Shariah values in the natural and built-environment: A Re-emphasis*, kertas kerja pada Ringkasan dari Nahdah: Islamic Impulses in Malaysian Architecture, Balai Seni Lukis, 18 dan 19 March 2003

Wan Salleh Wan Ibrahim, *Shariah values in the Natural and Built Environment: A Re-Emphasis* kertas kerja pada International Conference on Islamic Built Environment, “Transformation and Challenge”, 9-11th August 2004, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia

Wan Sulaiman Wan Ibrahim, *Masjid Jamek Bandar Kuala Lumpur*, Menara 1978.

Wirjosuparto, Sutjipto (1962). *Sejarah Bangunan Mesjid di Indonesia*. Almanak Muhammadiyah Tahun 1381 H. No XXI. Jakarta: Pimpinan Pusat Muhammadiyah, Majelis Taman Pustaka.

Wood, Tim (1993), *The Renaissance*. London: Hamlyn

Yeang, K. 1992. *Architecture of Malaysia*. Amsterdam: Pepin Press, 1992.

- Yoong, C. C. (penyunting) (1987). *Post-Merdeka Architecture Malaysia 1957-1987*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Arkitek Malaysia.
- Yudoseputro, Wiyoso (1986). *Pengantar Seni Rupa di Indonesia*. Bandung: Angkasa.
- Yulianto Sumalyo (2000). *Arsitektur Masjid dan Monumen Sejarah Muslim*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Zaen Kasturi, *Masjid Suleymaniye dari Sentuhan Sinan*, Dewan Budaya April 1996
- Zaen Kasturi, *Kota Padang Pasir*, Dewan Budaya Julai 1996
- Zaen Kasturi, *Masjid Biru Askar enam Menara*, Dewan Budaya September 1996.
- Zakaria Ali, *Seni Reka di dalam Pembinaan Tamadun Islam*, Dewan Budaya Mei 1991.
- Zanifah MD Nor, *Masjid Agung Xi'an dibayangi dinasti silam*, Utusan Malaysia 18 April 2005.
- Zerbst, Rainer (1991). *Antoni Gaudi*. Tokyo: Benedikte Taschen Verlag GmbH.
- Zulkifli Hanafi (2006), *Seni Bina Islam*, Kedah: Amber-Solara Publication
- Zunaidah Zainon, *Masjid Hasan Bek Tidak Tenggelam Dek Kemajuan*, Utusan Malaysia 13 September 2006
- Zunaidah Zainon, *Masjid Diraja Sultan Sulaiman kekalkan Pengaruh Seni Bina British*, Utusan Malaysia 23 Agustus 2006
- Zunaidah Zainon, *Kubu Lota Kaherah Struktur Terhebat Tamadun Islam*, Utusan Malaysia 14 Juni 2006
- Zunaidah Zainon, *Sabil Umm Abbas dibina pada Abad 19*, Utusan Malaysia 7 Juni 2006

Zunaidah Zainon, *Masjid Jama Masjid Tertua di Delhi*, Utusan Malaysia 31 Mei 2006

Zunaidah Zainon, *Masjid Sultan Haji Ahmad Shah diiktiraf SIRIM*, Utusan Malaysia 3 Mei 2006, Zunaidah Zainon, *Rumah Mandi Hamam Semakin Dilupakan*, Utusan Malaysia 14 April 2006

Zunaidah Zainon, *Masjid Hassan II Tersergam Indah*, Utusan Malaysia 8 Maret 2006

Zunaidah Zainon, *Masjid Istiqlal symbol kemerdekaan Indonesia*, Utusan Malaysia 22 February 2006, Zunaidah Zainon, *Masjid Az-Zubir Ibnul Awwam diimarah pelbagai program*, Utusan Malaysia 11 February 2006

Zunaidah Zainon, *Masjid Al-Azim-Mercu tanda Melaka*, Utusan Malaysia 22 June 2005.